

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 16	Selasa	1 Julai 2014
----------------	---------------	---------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 26)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
(Pindaan) 2014 (Halaman 27)
Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan
(Pindaan) 2014 (Halaman 41)
Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan
(Pindaan) 2014 (Halaman 74)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

Selasa, 1 Julai 2014

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan kemajuan hubungan dua hala dengan negara China, Korea dan Jepun dalam bidang ekonomi dan imbalan perdagangan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar.

Hubungan ekonomi dua hala Malaysia dan Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea adalah amat baik. Dengan Republik Rakyat China, kita baru sahaja meraikan ulang tahun hubungan dua hala baru-baru ini yang ke-40 tahun. Dengan Jepun dan Korea, telah bertambah erat dan kita telah pun melaksanakan Dasar Pandang ke Timur dan baru-baru ini diperkuatkan lagi dengan Dasar Pandang ke Timur 2.0.

Daripada segi perdagangan, jumlah dagangan Republik Rakyat China tahun lepas ialah RM203.2 bilion; dengan Jepun, RM136.1 bilion; dan dengan Republik Korea, RM56.9 bilion. Jika dijumlahkan ketiga-tiga negara tersebut sebanyak lebih kurang 29% daripada jumlah keseluruhan nilai dagangan global Malaysia. Ini daripada segi dagangan.

Kemudian daripada segi imbalan. Daripada segi imbalan tahun lepas, dengan Republik Rakyat China, nilai eksport negara telah meningkat sebanyak 9.2% kepada RM60.9 bilion dengan Republik Rakyat China. Sebanyak 3% atau bersamaan dengan RM26.13 bilion dengan Republik Korea, makna meningkat di situ. Walau bagaimanapun, eksport negara menurun sebanyak 4.4% ataupun RM79.75 bilion kepada negara Jepun disebabkan pengurangan permintaan bagi tahun 2013 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Tadi saya sebut daripada segi imbalan dagangan.

Dari tahun 2009 hingga tahun 2013 Malaysia mencatatkan jumlah lebihan dagangan dengan Republik Rakyat China dan Jepun masing-masing RM23.5 bilion dan RM56.7 bilion. Manakala, ini yang turun ini, hendak sebut yang turun, dengan Republik Korea, kurangan dagangan bernilai RM5 bilion. Ini daripada segi dagangan.

Kemudian daripada segi pelaburan. Dengan Jepun tahun lepas, tahun 2013 ialah merupakan pelabur asing terbesar di Malaysia. Jepun dengan Malaysia terbesar. Kalau kita merujuk kepada lima tahun yang lepas, dari tahun 2009 hingga tahun 2013, dengan Jepun, sejumlah 250 projek industri pembuatan dengan penyertaan dari Jepun telah dilaksanakan dengan jumlah pelaburan sebanyak USD5.31 bilion dan telah memberi peluang pekerjaan kepada lebih kurang 28,000 orang.

Dengan Korea pula, tahun 2009 hingga tahun 2013, sebanyak 43 projek, pelaburan bernilai USD2.1 bilion. Projek-projek ini telah menjana peluang pekerjaan sebanyak 7,000 orang. Dengan Republik Rakyat China, hingga 31 Disember 2013, jumlah pelaburan China di Malaysia sebanyak USD0.9 bilion. Walau bagaimanapun, pelaburan negara Malaysia ke Republik Rakyat China secara kumulatif, maknanya Malaysia ke negara China, sebanyak USD6.6 bilion. Ini rekod yang kita ada dan menunjukkan bahawa hubungan dagangan kita dengan ketiga-tiga negara adalah baik pada ketika ini.

Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tahniah dan syabas MITI. Soalan pertama saya adalah, apakah perancangan MITI untuk mengimbangkan perdagangan antara Malaysia dengan China, Korea dan Jepun?

■1010

Terutamanya dengan Korea di mana kita kurangimbangan. Kedua, apakah perancangan pemulihan ekonomi dan juga projek-projek yang dapat diperoleh dengan China hasil daripada peristiwa kehilangan MH370 dan juga penculikan rakyat China di Kepulauan Sabah, tentu ada kesannya. Minta ulasan.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar. Bagi tujuan untuk meningkatkan hubungan dagang termasuklah pelaburan yang melibatkan ketiga-tiga negara di Malaysia sudah tentulah kerajaan mempunyai perancangan yang rapi. Salah satu daripada inisiatif yang kerajaan buat ialah dengan menjalankan pelbagai usaha untuk meningkatkan hubungan ekonomi Malaysia dengan negara-negara berkenaan.

Antara programnya ialah Program Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan lima tahun di antara Kerajaan Malaysia dengan Republik Rakyat China. Dengan Jepun dan juga Korea ialah gelombang kedua Dasar Pandang ke Timur (DPT 2.0) dengan negara Jepun dan Republik Korea yang telah pun diumumkan beberapa bulan yang lalu. Maknanya, itu antara usaha yang dibuat oleh kerajaan untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala, khususnya dari segi hubungan dagang dan juga yang berkaitan dengan pelaburan.

Kita berdoa mudah-mudahan ia akan memberikan impak serta petunjuk yang positif daripada segi dagangan termasuklah pelaburan seperti mana yang kita sedia maklum dalam semua sektor termasuk sektor automatik. Cuma bila Yang Berhormat menyentuh tentang kesan daripada kehilangan MH370 yang melibatkan penumpang yang ramai daripada rakyat China. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, belum lagi ada petunjuk yang jelas tentang kesan yang ketara daripada peristiwa tersebut. Malahan sehingga bulan ini, petunjuk masih lagi jelas iaitu ke arah positif bukannya negatif.

Oleh sebab itu kita masih lagi *monitor*, dengan izin, tentang kesan tersebut secara mikro dari segi hubungan dagang antara kedua-dua negara berikutan peristiwa tersebut. Jadi, walau bagaimanapun tidak usah bimbang, kita masih lagi pantau. Cuma saya hendak sebut tadi, sehingga kini masih lagi positif. Sekian, terima kasih.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih jawapan daripada Timbalan Menteri. Tadi dalam jawapan Timbalan Menteri berkata bahawa pelaburan di antara Malaysia dengan negara China jurangnya begitu besar. Di mana Malaysia melabur dengan begitu banyak di negara China tetapi pelaburan dari negara China ke Malaysia begitu kurang. Jadi, apakah tindakan ataupun pelan yang akan diambil oleh kementerian untuk mengajak pelaburan dari negara China ke Malaysia? Di mana kita melihat sekarang negara China merupakan satu ekonomi yang kedua terbesar di dunia dan banyak dana buat pelaburan yang begitu besar, khususnya di negara Indonesia tetapi bukannya di Malaysia.

Apabila pelaburan yang dilakukan oleh negara China di Malaysia, nampaknya hanya di kalangan projek-projek perumahan di Iskandar, Johor. Akan tetapi potensi syarikat-syarikat gergasi di negara China itu begitu besar, tidak nampak pun ada pelaburan yang *significant* yang boleh membawa kepada *transfer of technology*, dengan izin. Juga membina ataupun mencipta lebih banyak peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi di Malaysia. Jadi, apakah tindakan dan pelan kementerian? Sekian, terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang trend terkini menunjukkan bahawa pelaburan dari Malaysia ke negara China amat positif berbanding pelaburan daripada China ke Malaysia. Ini adalah kerana faktor ekosistem di sana sendiri yang menawarkan upah pekerja yang rendah. Akan tetapi yang terbaru rekod menunjukkan bahawa ada satu trend bahawa jumlah pelaburan Malaysia ke sana mula berkurangan akibat daripada perkembangan terbaru, khususnya daripada segi upah pekerjaan yang meningkat dan sebagainya. Bukan kerana sebab-sebab lain, kerana taraf hidup mereka telah pun meningkat.

Kedua, saya hendak sebut di sini bahawa Malaysia juga amat berhati-hati di dalam menerima apa-apa pelaburan dari luar negara termasuk China. Ini kerana kita lebih fokus kepada pelaburan yang berasaskan *high end*, dengan izin, ataupun yang juga berasaskan kepada teknologi tinggi. Ini di antara yang kita cuba bawa masuk daripada semua pelabur-pelabur daripada semua wilayah atau negara dalam dunia termasuk daripada China. Ertinya, untuk kita menggalakkan pelaburan daripada China kita lebih fokus kepada perkara-perkara tersebut, *high end*, dengan izin, dan juga teknologi tinggi.

Dengan pemangkin yang disebut tadi iaitu kita mewujudkan, tadi saya sebut kita mewujudkan hubungan yang terbaru seperti saya sebut tadi ialah inisiatif kerajaan untuk meningkatkan ekonomi. Maksudnya, bukan sahaja dagangan tetapi juga pelaburan, tidak semestinya *trade*, dengan izin, tetapi juga pelaburan daripada China ke Malaysia iaitu program kerjasama ekonomi dan perdagangan. Ekonomi termasuklah pelaburan lima tahun di antara Kerajaan Malaysia dan Republik Rakyat China.

Dengan izin, *Five Year Program For Economic and Trade Cooperation between Malaysia and the People's Republic of China*. Ini yang saya sebutkan tadi. Program kerjasama ini telah pun dimeterai

pada tahun lepas, 2013. Program tersebut memberi panduan kepada pembangunan kerjasama ekonomi serta pemangkin meningkatkan perdagangan dan pelaburan yang lebih teratur dan telus antara Malaysia dan Republik Rakyat China. Bidang-bidang yang dikenal pasti seperti yang saya sebut tadi adalah bidang-bidang pertanian, industri pembuatan, tanaman, perindustrian, infrastruktur, tenaga, sumber mineral, maklumat, telekomunikasi, pelancongan, perkhidmatan, kejuruteraan, arkitek, perusahaan kecil dan sederhana, logistik dan juga peruncitan serta industri halal. Jadi, dalam itu ada komponen, lebih banyak komponen berteknologi termasuklah pertanian, biotek dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

2. Datuk Lihan Jok minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, pusat-pusat transformasi luar bandar yang akan dibangunkan di Sarawak dan apakah komponen-komponen asas yang perlu wujud pada pusat-pusat ini.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:

Selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Sebelum saya menjawab soalan nombor dua ini Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok kerana baru-baru ini diberi anugerah Pingat Jasa Negara oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang membawa gelaran Datuk... *[Tepuk]* Ini kebanggaan dari Sarawak jugalah.

■1020

Bagi menjawab soalan nombor dua ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Sarawak akan diwujudkan di kawasan Bekenu, Miri menggunakan bangunan sedia ada iaitu Pasar Serbaguna Bekenu. Kerja-kerja awal telah bermula sejak awal bulan Jun tahun 2014 ini, bulan lepas dan RTC Sarawak dijangka siap pada bulan September tahun ini juga.

Antara komponen atau agensi yang terdapat dalam RTC Sarawak adalah:

- (i) kaunter Jabatan Pendaftaran Negara (JPN);
- (ii) klinik pergigian;
- (iii) Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- (iv) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS);
- (v) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
- (vi) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM);
- (vii) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA);
- (viii) Agrobank;
- (ix) kaunter pelbagai agensi;
- (x) kios informasi; dan
- (xi) pusat pelatihan.

Di samping itu akan disediakan juga ruang-ruang untuk usahawan-usahawan kita untuk berniaga di tempat itu juga. Jadi sekian. Terima kasih.

Datuk Lihan Jok: Terima kasih kepada Timbalan Menteri yang sudah menerangkan, sekurang-kurangnya ada satu Pusat Transformasi Luar Bandar yang diadakan di Bekenu, Sarawak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Soalan tambahan saya merupakan satu pandangan. Jadi saya hendak membawa perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri, jauh sedikit. Kalau kita lihat Bekenu itu adalah *sub urban*.

Pada hemah saya Tuan Yang di-Pertua, itu bukan luar bandar dalam erti kata yang sebenarnya mengikut pendirian saya. Jadi saya hendak bawa kita jauh sedikit, lebih di pedalaman di mana program kerajaan yang begitu rancak untuk memajukan prasarana di luar bandar ini baik dalam bentuk pembekalan air bersih, pembekalan elektrik, pemasangan tiang-tiang Telekom dan infrastruktur yang lain. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, di sini saya melihat kelemahan di mana bilamana program ini dijalankan dan komponen projek ini dipasang, ada yang tahan lasak, ia mungkin bertahun-tahun. Akan tetapi bilamana sesuatu projek itu sudah siap, dikatakan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh diringkaskan. Kalau soalan, terus kepada soalan ataupun kalau cadangan terus kepada cadangan.

Datuk Lihan Jok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini penting pada hemah saya yang datang dari luar bandar. Benda yang serupa ini nampak bagus permulaan tetapi benda ini tidak tahan lama. Benda ini mulai rosak ataupun benda ini langsung tidak dapat digunakan. Jadi segala program dan niat kerajaan yang bagus itu tadi untuk membantu rakyat secara berpanjangan tidak berkesan.

Jadi pendapat saya ini Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kerajaan dalam mana pakej-pakej pembangunan luar bandar ini, baik perbekalan air, elektrikkah dan telekomunikasikah, perlu ada program penyelenggaraan. Pakej baik pulihnya dan untuk melatih orang-orang tempatan untuk menyelenggarakan, memelihara bilamana ada masalah-masalah tertentu terhadap projek itu. Macam mana pandangan kementerian berhubung dengan perkara ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk. Memang benar, Sarawak adalah negeri yang begitu besar, luas. Hampir sebesar Tanah Besar Malaya.

Oleh kerana itulah, pada dasarnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) apabila hendak mewujudkan RTC ini di seluruh negara Malaysia, setiap negeri di Semenanjung, kita hanya benarkan penubuhan satu RTC di sebuah negeri. Cuma untuk Sarawak dan Sabah, kedua-dua negerinya yang begitu besar, kita cadangkan dua buah RTC untuk Sarawak dan dua buah RTC untuk Sabah.

Buat masa sekarang, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah di Sarawak hanya meluluskan ataupun telah dalam rundingan dengan Unit Perancangan Ekonomi Negara (UPEN) meluluskan Bekenu di Miri sebab sudah adanya tempat yang tidak dipakai, tidak diguna buat setakat ini. Jadi pada mulanya kita buat di Bekenu. Kedua, kita belum diberi ataupun belum dikenal pasti lagi di mana RTC untuk Sarawak, lokasinya untuk yang kedua.

Sebenarnya Yang Berhormat Senator, Sarawak ini negeri yang besar masih lagi kawasan yang begitu luas di negeri Sarawak adalah bertaraf boleh dikatakan luar bandar. Jadi, Bekenu adalah boleh dikatakan masih di luar bandar lagi. Tidak salah kita tempatkan RTC di Bekenu sebab ada premis

sudah ada dan keperluannya di sana pun kita ada. Jadi selepas kita mendapat cadangan dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah Sarawak nanti, kita akan wujudkan satu lagi RTC.

Di samping itu, kita sudah ada tujuh buah mini RTC yang sudah juga beroperasi yang dahulunya medan info desa. Kita tukar namanya jadi mini RTC. Ini di Kampung Buntal, di Daerah Kuching; di Selangau, Miri; di Kampung Tas, di Bauk; Telian Tengah, Sibu; Paket Setupin, di Sri Aman; Garuk Cangkul, di Sri Aman; dan Selangau, di Sibu untuk kita menambah perkhidmatan melalui konsep RTC ini. Jadi untuk pandangan, kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga respons sedikit.

Memang kita mengalu-alukan cadangan yang begitu baik seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat tadi. Selalunya apabila kerajaan menyediakan sistem solar untuk kawasan-kawasan yang jauh di luar bandar, untuk elektrik ataupun telekomunikasi, bukan sekadar kita membina atau membuat. Ia sudah tentunya pada mulanya ada perjanjian kontrak dengan pembekal dan syarikat pemasangan. Kontrak untuk kerja penyelenggaraan.

Kalau ada kekangan atau masalah selama ini, sudah tentunya tanggungjawab syarikat-syarikat tertentu itu sepatutnya kita tekankan, mereka mengerjakan ataupun menunaikan tanggungjawab mereka. Memang ada dalam sistem kita. Untuk bekalan elektrik *Row Electrician Scheme* (RES), di Sarawak kalau yang bersambung dengan grid itu, sudah tentu kerja-kerja penyelenggaraannya adalah terletak di atas tanggungjawab *Sarawak Electricity Berhad* (SEB).

Untuk bekalan air, retikulasi, *Water Board* dari Lembaga Air Kuching, kalau di Miri, Sarawak ialah Lembaga Air Kawasan Utara (LAKU), kalau di Kuching ataupun kawasan berhampiran Kuching iaitu Kuching *Water Board*, dan sebagainya juga di Sibu juga. Kalau Bekalan Air Luar Bandar (BALB) sudah tentunya BALB ini, bekalan air luar bandar alternatif, tiub *oilkah*, *gravity pipe water supply system* kah atau yang lain sudah tentu tanggungjawab kita mengharapkan sangat kerjasama atau pihak-pihak di JKKK atau di negeri lain JKKPlah bertanggungjawab membantu kerajaan dalam kita memastikan sistem-sistem ini boleh dipakai dari semasa ke semasa membuat kerja penyelenggaraan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri cukup prihatin. Jadi oleh itu, tidak ada soalan tambahan lagi.

3. Datuk Jamilah Sulaiman minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, mengapa hampir setiap kali edisi Sukan Malaysia (SUKMA) diadakan, pihak penganjur akan menghadapi masalah menyiapkan kompleks sukan dengan sebaiknya dan menepati masa.

■1030

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat ahli Yang Berhormat tawaran menjadi tuan rumah Sukan Malaysia ataupun dikenali sebagai SUKMA dibuat empat tahun lebih awal sebelum dikelolakan bagi memberi peluang kepada negeri-negeri berkenaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan. Pembinaan

kemudahan sukan untuk Sukan Malaysia adalah di bawah tanggungjawab kerajaan negeri-negeri yang menjadi tuan rumah.

Di antara punca kelewatan penyediaan kemudahan-kemudahan tersebut adalah disebabkan kelewatan untuk menyediakan spesifikasi dan kelewatan mengeluarkan tender. Surat tawaran kepada syarikat yang berjaya juga lewat dikeluarkan menyebabkan pihak syarikat lambat memulakan kerja-kerja membaik pulih atau pembinaan kemudahan-kemudahan baru dan kadang-kadang ada juga masalah daripada kontraktor sendiri menjadi punca kelewatan pembinaan kompleks-kompleks sukan seperti ini.

Tuan rumah Sukan Malaysia pada masa akan datang akan diberi peringatan untuk merancang kerja-kerja pembinaan lebih awal dan teliti supaya kemudahan dapat disiapkan lebih awal. Sekian, terima kasih.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan. Kerajaan telah berbelanja besar dalam menyediakan kompleks sukan yang lengkap setiap kali diadakan SUKMA. Namun sebaik selesai sahaja temasya sukan SUKMA didapati tiada banyak acara sukan diadakan di kompleks-kompleks sukan yang telah dibina semenjak SUKMA diadakan. Program sukan yang lebih tersusun juga tidak diadakan oleh Majlis Sukan Negeri dan persatuan sukan. Keadaan ini menampakkan kerugian dari segi usaha dan wang ringgit kerana sepatutnya program sukan yang komprehensif untuk mencari bakat baru ahli sukan dan meningkatkan mutu sukan di peringkat negeri dan daerah hendaklah diadakan secara berterusan.

Soalan tambahan saya ialah saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah penyelarasan dibuat di peringkat kementerian untuk merancang program dan acara sukan yang berterusan bagi memastikan kompleks sukan yang telah dibina ini dapat dimanfaatkan dengan sepenuhnya. Selain daripada itu saya juga ingin tahu berapakah jumlah kos yang ditanggung oleh kerajaan setiap tahun untuk menyelenggarakan kompleks sukan berkenaan yang tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat di mana kadang-kadang kita belanja berjuta-juta untuk membina kompleks-kompleks sukan dan kemudahan-kemudahan infrastruktur apabila setiap kali kita adakan Sukan Malaysia. Contohnya baru-baru ini kita telah belanja hampir RM118 juta untuk mengadakan Sukan Negeri Perlis, SUKMA Perlis di mana RM76 juta bagi tujuan pembangunan dan RM42 bagi tujuan pengurusan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Belia dan Sukan dengan melalui agensi-agensi seperti MSN dan sebagainya telah dan sedang mengadakan pelbagai program supaya kawasan-kawasan yang dibina ini tidak jadi sebagai satu kawasan putih yang tidak digunakan. Pelbagai program mengikut kehendak dan keperluan semasa sedang dan telah dianjurkan oleh Majlis Sukan Negara.

Bagi menampung kos ataupun jumlah kos penyelenggaraan, kita memberi bantuan mengikut keperluan semasa. Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan adalah merujuk kepada Sukan Malaysia (SUKMA) secara umumnya yang mana SUKMA ini kita boleh katakan sebagai satu perlambangan, prestasi dan juga kedudukan sukan di Malaysia yang pada ketika ini tidak mendapat begitu banyak sokongan dan dukungan. Saya hendak tanya sebab sudah menjadi satu rahsia umum bahawa prestasi sukan di Malaysia ini banyak diwarnai dengan terlalu banyak politiking ataupun percaturan politik dalaman persatuan-persatuan sukan.

Jadi saya hendak tanya kepada Kementerian, apakah pendekatan dan juga tindakan kementerian dalam hendak menangani politiking yang berterusan dalam persatuan-persatuan sukan ini supaya kita dapat mengangkat dan memperkasakan lagi sukan negara sekali gus memberikan keyakinan kepada rakyat bahawa negara kita juga mampu untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara yang lain. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat. SUKMA ataupun Sukan Malaysia merupakan sukan yang penting di negara ini di mana melalui Sukan Malaysia kita memilih atlet pelapis yang akan mewarisi dan mewakili negara ini di arena antarabangsa dan kebangsaan.

Daripada segi kurang mendapat sambutan daripada rakyat, saya sama sekali tidak bersetuju. Saya tidak tahu mana ahli Yang Berhormat dapat maklumat ini. Kita mengikut dengan program-program atau perkembangan yang sedia ada. Hampir setiap kali kita adakan Sukan Malaysia, kita boleh melihat penglibatan golongan belia bertambah hampir setiap tahun. Maka isu yang mengatakan tidak dapat sokongan daripada rakyat itu sama sekali tidak benar dan saya ingin ingatkan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara bahawa sokongan daripada golongan belia memang amat menggalakkan.

Yang kedua daripada segi politiking. Semua tempat ada politik. Dari kedai makanan sampai kerajaan. Semua tempat ada politik. Sekiranya politik itu demi kebaikan dan pembangunan kemajuan bidang tertentu, kita sama sekali terima secara terbuka. Walau bagaimanapun, pandangan Ahli Yang Berhormat akan dikaji secara mendalam dan sekiranya ada yang perlu diperbaiki, Kementerian Belia dan Sukan sebagai kementerian prihatin sedia dan rela untuk memperbaiki demi kebaikan sukan negara. Sekian, terima kasih.

4. Datuk Chiew Tiang Chai minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) perbandingan statistik kemalangan antara tahun 2013 dan 2014 (Jan-Jun) yang berlaku di tapak-tapak pembinaan; dan
- (b) apakah faktor-faktor utama berlakunya kemalangan di tapak-tapak pembinaan dan langkah pencegahan yang di syorkan oleh pihak Kementerian.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Senator Datuk Chiu Tiang Chai yang prihatin tentang pekerja negara kita. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya cuba *classify* kan, kategorikan dua kemalangan iaitu yang pertama kemalangan di tempat kerja ataupun tapak pembinaan seperti mana yang soalan asal Yang Berhormat Senator dan yang kedua ialah kemalangan semasa ulang-alik ataupun pergi dan balik daripada tempat kerja kerana dia ada implikasi undang-undang Tuan Yang di-Pertua.

Kerajaan dan kementerian sebenarnya amat prihatin tentang usaha kita untuk mengurangkan kemalangan termasuk di tempat kerja ataupun semasa ulang pekerja ini kerana ia akan memberikan masa depan, bukan saja pekerja, keluarga mereka bahkan kepada negara itu sendiri.

Pada keseluruhannya kadar kemalangan di tempat kerja ini, dua-dua tadi adalah antara 2011, 2012 dan 2013 adalah menurun. Saya berikan sedikit kadar kemalangan 2011. Per 1,000 pekerja, 3.4 orang. Tahun 2012 dia turun pada 3.31 orang. 2013, 3.28 orang, ada penurunan. Begitu juga kadar kemalangan per 100,000 pekerja kepada enam orang- 6.1 pada 2011, 4.6 pada 2012, 4.62 pada 2013.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soalan asal Yang Berhormat Senator tentang kemalangan di tapak pembinaan, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) komited dalam memastikan tempat kerja di tapak binaan adalah selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan dan menguatkuasakan Akta Kilang dan Jentera 1967 [*Akta 139*] dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [*Akta 514*].

Statistik kemalangan di sektor pembinaan sehingga bulan Mac menunjukkan penurunan dari 38 kes bagi 2013 kepada 33 kes bagi tahun 2014. Maksudnya perbandingan antara tempoh ini di mana 2013 kita lihat kemalangan maut, Januari-Mac sepuluh orang. Tidak hilang upaya kekal 26 orang, hilang upaya kekal dua orang. Jumlah 38 orang. Manakala 2014, Januari-Mac, maut hanya sembilan orang, tidak hilang upaya kekal 24 orang, hilang upaya kekal kosong. Jadi jumlah 33 orang.

■1040

Januari hingga Mei, jumlah kemalangan pembinaan. Kita ada jumlah jantina semua sekali Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan faktor-faktor ataupun *factors* utama penyebab kemalangan di tapak-tapak pembinaan. Antara punca yang dikenal pasti menyumbang kepada kemalangan industri di tapak bina ialah:

- (i) sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan yang tidak berkesan oleh syarikat;
- (ii) tiada penilaian terhadap *hazard* dan risiko secara menyeluruh;
- (iii) latihan yang tidak mencukupi kepada pekerja terutamanya pekerja asing;
- (iv) kurang pemantauan terhadap pelaksanaan prosedur kerja selamat atau *safe operating procedure* oleh kontraktor; dan
- (v) kurang kawalan dan pemantauan ke atas sub kontraktor bagi aktiviti yang mempunyai *hazard* dan risiko yang tinggi.

Sementara langkah-langkah yang disyorkan oleh kerajaan, yang pertama melalui akta ini sendiri kita telah menubuhkan Majlis Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dikendalikan oleh

Kementerian Sumber Manusia. Kerajaan dengan kerjasama agensi-agensi serta syarikat-syarikat yang mempunyai kepentingan dalam sektor pembinaan akan terus berusaha bagi membendung dan mengurangkan bilangan kemalangan industri pembinaan dengan melaksanakan beberapa langkah proaktif seperti berikut:

- (i) pelaksanaan pelan strategik jangka panjang seperti *Occupational Safety and Health Master Plan 2011–2015*, dengan izin, di bawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia;
- (ii) audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dan pemeriksaan berkala yang lebih kerap dijalankan di tapak bina oleh kementerian kita;
- (iii) menjalankan aktiviti-aktiviti promosi dan galakan secara berterusan seperti kempen keselamatan dan kesihatan, minggu keselamatan dan kesihatan peringkat nasional, Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Sedunia, dialog, media massa dan elektronik;
- (iv) memberi pengiktirafan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai sistem pengurusan KKP yang terbaik seperti Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan yang dibuat setiap tahun di bawah Majlis Negara bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan termasuklah semasa sambutan Hari Pekerja baru-baru ini;
- (v) mengenakan tindakan undang-undang bagi majikan yang gagal mematuhi peruntukan perundangan;
- (vi) program kesedaran keselamatan dan kesihatan di sekolah *OSH in school*, dengan izin, oleh Majlis Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara; dan
- (vii) PERKESO bekerjasama dengan agensi kerajaan seperti NIOSH, JKPP, MNKKP, NGO, MTUC, MEF untuk pencegahan kemalangan dan penubuhan jawatankuasa pencegahan bencana kerja dan PERKESO juga menyediakan geran dan peruntukan kewangan tahunan bagi kursus-kursus dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Chiu Tiang Chai: Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tadi. Adakah kementerian bercadang dan berpandangan beberapa pakar dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, NIOSH serta NGO-NGO berkaitan agar dijalankan audit keselamatan dan pemantauan serta pengawalan yang berterusan termasuk mengadakan pemeriksaan yang ketat berkala yang mengenakan hukuman yang berat di atas mana-mana pemaju yang gagal mematuhi syarat utama keselamatan di tapak-tapak pembinaan ini mampu mengurangkan risiko kemalangan. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Chiu. Saya amat bersetuju dan kita sebenarnya bagi Kementerian Sumber Manusia, kita amat serius dalam menentukan supaya setiap majikan sama ada di tapak-tapak

pembinaan ini melaksanakan dan mematuhi undang-undang yang telah pun ditetapkan oleh kerajaan dan dipersetujui bersama. Oleh sebab seperti mana yang saya sebutkan tadi pada awal-awal tadi Yang Berhormat Senator, kemalangan yang berlaku ini bukan sekadar kemalangan tetapi ia boleh merugikan bukan sahaja pekerja itu sendiri, keluarga mereka, bahkan boleh menjejaskan ekonomi negara. Ini juga kalau andai kata pekerja itu pekerja yang mahir, yang *skilled workers*, dengan izin, maka sudah tentulah matlamat kita, matlamat kerajaan untuk mencapai negara maju pada tahun 2020 akan terjejas.

Oleh sebab itulah kita serius. Melalui Majlis Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, di mana saya sendiri sebagai pengerusi, saya cukup serius dalam perkara ini. Kalau kita lihat tindakan undang-undang seperti mana Yang Berhormat Senator sebutkan, kita jalankan. Sebagai contoh, saya ambil beberapa tindakan yang telah kita lakukan. Kita mengeluarkan notis pembaikan. Maknanya apabila berlaku sedikit kemalangan, kita minta majikan itu melakukan pembaikan, *improvement* dengan izin, terhadap kerja-kerja yang dilakukan.

Tahun 2011, kita telah mengeluarkan notis sebanyak 6,261, tahun 2012 kita keluarkan 15,591, tahun 2013 sebanyak 18,186 notis. Bilangan kompaun pada tahun 2011 - 234, tahun 2012 – 466, tahun 2013 – 415. Dia menurun sedikit sebab mungkin sudah ada *improvement*, peningkatan. Jumlah denda kompaun yang telah pun kita kenakan kepada mereka yang terlibat tahun 2011 sebanyak RM711,466, tahun 2012 – RM1.4 juta dan tahun 2013 – RM1.1 juta. Turun sedikit Yang Berhormat sebab kemalangan sudah menurun. Bilangan pendakwaan saya sebutkan di sini, tahun 2011 – 183, tahun 2012 – 247 dan tahun 2013 – 350. Pendakwaan ini kita boleh ambil atas kecuiaan dan sebagainya, tindakan kepada mereka.

Jadi inilah antara tindakan-tindakan yang diambil melalui audit pengurusan dan sebagainya, juga kompaun dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut bahawa hal ini berkaitan dengan pergi dan pulang ke tempat kerja. Pertanyaan saya ialah apakah status perlindungan di bawah PERKESO atau SOCSO berhubung dengan pekerja yang keluar bukan di waktu pergi dan pulang. Misalnya pada hari Jumaat untuk menunaikan solat Jumaat dan sekarang ini dalam bulan puasa terutama sekali bagi mereka yang bekerja dalam syif yang kedua atau giliran kedua, mulai jam 3 petang hingga jam 11 malam keluar untuk membeli juadah untuk berbuka puasa. Adakah mereka ini dilindungi di bawah PERKESO? Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator yang bertanya. Sebenarnya saya hendak maklumkan sedikit kepada Yang Berhormat, PERKESO bukan salah satu agensi yang cukup berperanan besar dalam membantu pekerja kita terutama yang ditimpa kemalangan. Seperti mana yang saya sebutkan tadi bahawa kemalangan kita ada dua keadaan, yang pertama di tempat kerja dan yang kedua semasa ulang-alik ataupun pergi dan balik ke tempat kerja.

Suka saya maklumkan bahawa PERKESO telah mengeluarkan perbelanjaan yang cukup besar bagi menampung mereka yang terletak di bawah tanggungan PERKESO. Bagi tahun 2012, kita telah

belanjakan RM2 bilion untuk membiayai pampasan dan sebagainya kepada kemalangan PERKESO ini. Pada tahun 2013, kita belanjakan RM2.2 bilion kewangan dan jumlah pekerja yang ditimpa kemalangan yang terlibat ini berjumlah 683,457 orang.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bagi mereka yang berulang alik ke tempat kerja ini, memang dia tertakluk di bawah tanggungjawab PERKESO andai kata berlaku kemalangan. Ini di bawah perlindungan di bawah seksyen 24 yang ada dalam PERKESO. Oleh sebab itulah perjalanan kita tengok, kita ada panel dia Tuan Yang di-Pertua. Kita ada panel yang terdiri daripada pegawai kita yang berkemahiran tentang kemalangan, doktor perubatan dan sebagainya, kita ada panel dia.

Oleh sebab itulah ketentuan ini akan dilihat oleh panel ini. Biasanya kalau kita lihat mestilah jalan yang dilalui biasa oleh mereka ke tempat kerja. Oleh sebab begitu juga sama ada menunaikan kewajipan yang lain tetapi dikatakan dia di Kuala Lumpur, tiba-tiba dia pergi ke tempat yang lain, jadi ini mungkin panel ini akan menentukan di manakah mengikut peraturan yang ada. Jadi saya tidak boleh mencari cara yang tepat kecuali kalau ada isu-isu tertentu, kes-kes tertentu kita boleh lihat melalui panel yang telah ditubuhkan oleh kerajaan di bawah PERKESO ini. Terima kasih Yang Berhormat.

■1050

5. Datin Rahimah binti Haji Mahamad minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan tentang konsep Pasar Tani (Pasar Tani Moden, Pasar Tani Niaga dan Pasar Tani Bergerak). Apakah pihak MOA yakin bahawa pihak FAMA boleh mencapai angka 1,000 pasar tani pada tahun ini seperti yang diuar-uarkan. Apakah peranan pasar tani tidak bercanggah dengan pasaran RTC dan UTC. Jika tidak, apakah pemantauan dan kawalan di buat terhadap hasil-hasil pertanian yang dijual RTC, contohnya RTC Kelantan yang hampir 90 peratus daripada hasil-hasil pertanian dijual adalah dari Thailand.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Senator yang bertanya. Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat, kita ada empat jenis pasar tani yang dilaksanakan untuk tujuan pemasaran hasil-hasil barangan agromakanan iaitu:

- (i) pasar tani runcit;
- (ii) pasar tani yang kekal;
- (iii) pasar tani borong; dan
- (iv) pasar karavan tani.

Pasar tani runcit berkonsepkan pasar terbuka yang menggunakan kanopi mudah alih. Ia merupakan- mempunyai ciri-ciri istimewa sebagai pasar pilihan yang bersuasana karnival dengan identiti sendiri dan seragam. Manakala pasar tani kekal dan pasar tani borong pula merupakan satu institusi pemasaran moden, berstruktur kekal, mempunyai kemudahan asas yang lengkap dan beroperasi setiap hari. Kira ianya dibangunkan sebagai ruang pemasaran runcit tambahan bagi hasil-hasil pertanian dan industri asas tani negara. Kepada pengeluar, usahawan pasar tani serta usahawan industri kecil dan sederhana untuk mencapai tahap pendapatan yang lebih baik dan komersial.

Projek karavan tani pula merupakan konsep baru perkhidmatan secara bergerak sebagai transformasi memodenkan *outlet* peruncitan dalam memasarkan hasil pertanian dan produk makanan secara bergerak dengan imej yang seragam dan peragaan produk yang lebih kemas, bersih dan teratur. FAMA membantu menaik taraf van usahawan pasar tani serta usahawan muda kepada karavan tani dengan imej yang lebih seragam dan mempunyai jadual operasi yang tetap dan sistematik terutamanya di kawasan bandar. Ini ialah jenis-jenis pasar tani.

Bagi menjawab soalan sama ada kita boleh mencapai 1,000 buah pasar tani pada tahun 2020, saya sukacita memaklumkan kementerian yakin yang kita boleh membuka 1,000 buah pasar tani di seluruh negara menjelang tahun 2020. Pada masa ini pun, kita mempunyai 538 buah pasar tani dan pada sesi Dewan sebelum ini, kita telah dapat tambahan bajet RM34 juta untuk membuka sebanyak 17 buah pasar tani lagi.

Bahagian ketiga soalan sama ada barangan yang dijual oleh pasar tani ia bersaing dengan barangan yang dijual di UTC dan RTC itu tidak timbul. Ini kerana barang-barang yang dijual kedua-dua RTC dan UTC ini juga adalah sebahagiannya daripada produk-produk yang sama dijual di pasar tani. Berhubung dengan pemantauan RTC Kelantan, katanya banyak barang-barang agromakanan dari Thailand yang dijual di sana. Ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat iaitu ini berlaku cuma bila *off season*. Bila keluaran bahan makanan tempatan *off season*, so penjual-penjual peniaga tiada pilihan selain daripada mengisi ruang itu dengan bahan-bahan yang diimport seperti dari Thailand. Akan tetapi, masa *season*, di mana kita banyak pengeluaran, buah-buahan, sayur-sayuran dan sebagainya, perkara ini tidak berlaku. Sekian, terima kasih.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang begitu baik dan kemas dan terima kasih juga Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, di samping kemudahan kredit melalui Agrobank, apakah pihak Kementerian Pertanian mempunyai skim kredit lain untuk memudahkan peladang, penternak dan nelayan meminjam secara mudah. Jika ada apakah syarat untuk meminjam dan berapa banyak kah boleh meminjam untuk seseorang peminjam. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman, pihak TEKUN juga boleh beri kredit sehingga RM100,000 untuk pengusaha usahawan tani termasuk umpamanya kalau dia hendak menceburi pasar tani karavan. Dia boleh pinjam sehingga RM100,000 untuk wujudkan macam ini... [*Merujuk kepada sekeping pamflet*] Ini pasar tani karavan, ia bergerak seluruh kawasan perumahan. Ini saya dimaklumkan TEKUN boleh bagi pinjaman sehingga RM100,000 cukup untuk dia punya *transportation* itu, *vehiclenya* dan juga modal pusingan untuk berniaga.

TEKUN tidak mengenakan sebarang kolateral atau jaminan bagi memberi pinjaman mikro kredit ini. Selain daripada itu, Agrobank sebagaimana Yang Berhormat tanya tadi juga mempunyai banyak skim pinjaman yang diberikan. Sekian, terima kasih.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, saya difahamkan FAMA di bawah Kementerian Pertanian telah membuka pasar tani wanita yang pertama di Parit Sulong Johor setiap hari Jumaat dan sewa tapak pasar tani adalah serendah RM5 dan

semua peniaga terdiri daripada wanita. Yang jual ikan wanita, jual daging wanita, jual sayur wanita. Jadi, soalan saya sejauh manakah kejayaan pasar tani wanita ini dan adakah kementerian bercadang untuk memperluaskan pasar tani wanita ini ke seluruh negeri di Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Yang pasar tani wanita ini hari Jumaat ya, bukan malam Jumaat [*Ketawa*] Jadi, hari Jumaat ini biasanya kita *free* sedikit, ramai orang boleh pergi beli-belah kan? *So*, sebab itu kita pilih hari Jumaat itu. Ya tidak? Jadi setakat ini ia punya ialah satu projek baru. Kita memantau kemajuannya. Kalau sekiranya mendapat sambutan, *insya-Allah* kita buka lagi. Terima kasih.

6. Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan minta Perdana Menteri menyatakan, adakah cadangan untuk membina pagar keselamatan berkonkrit di sempadan Malaysia-Thailand dalam usaha mengekang aktiviti penyeludupan di samping menyelesaikan masalah alam sekitar seperti banjir dan hakisan sungai.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Malaysia dan Thailand dipisahkan oleh sempadan darat antarabangsa sepanjang 646.5 kilometer yang melibatkan empat buah negeri iaitu Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan.

Terdapat 112.45 kilometer yang telah dibina pagar dan tembok sepanjang kawasan persempadanan negara. Kawasan yang dibina tembok dan pagar ialah kawasan yang dikenal pasti berpotensi untuk dibolosi khususnya jika ia berada berhampiran kawasan berpenduduk di kedua-dua buah negara. Pembinaan tembok-tembok, pagar dan infrastruktur keselamatan lain di persempadanan negara sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa bergantung kepada kelulusan yang diberikan serta kedudukan kewangan semasa kerajaan.

■1100

Bentuk muka bumi, muka bukit bukau, paya bakau juga mempengaruhi kesesuaian pembinaan tembok dan pagar keselamatan di kawasan persempadanan negara. Sekiranya kawasan tersebut mempunyai ciri-ciri geografi yang secara tersendiri menjadi penampan kepada pemborosan, ia tidak menjadi keutamaan untuk dibina tembok atau pagar. Contohnya ialah persempadanan Malaysia-Thailand di Wang Kelian. Allah SWT telah bagi bukit untuk memisahkan kedua buah negeri maka di tempat ini tidak perlu dibina tembok, sebagai contoh. Pembinaan tembok batu keselamatan sememangnya satu penyelesaian yang baik bagi menggantikan pagar keselamatan dibina di kawasan persempadanan sekarang.

Namun begitu, pembinaan tembok batu keselamatan tersebut memerlukan kos yang sangat tinggi. Oleh yang demikian, pembinaan tembok keselamatan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Sejak tahun 1997 lagi seperti yang terdapat di Bukit Batu Putih, Wang Kelian, Hutan Mata Ayer, Bukit Kwan Chu. Bukit Kwan Chu ini sebenarnya Kerajaan Negeri Perlis sudah namakan Bukit Kencana. Di Perlis mengikut keadaan kewangan semasa kerajaan.

Selain daripada itu, dalam soal persempadanan banyak isu yang berkait dengan teknikal dan pandangan lain negara-negara jiran sempadan juga perlu diambil perhatian terlebih dahulu sebelum apa-apa keputusan yang dibuat agar tidak merugikan negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan tersebut. Saya masih lagi berpandangan keperluan membina pagar konkrit walaupun kerajaan menyatakan kosnya amat tinggi. Apa yang saya fahamkan ini *one-off*. Kalau kos, *one-off cost*. Apa yang saya maksudkan pagar konkrit ini di antara Padang Besar dan Bukit Kayu Hitam. Oleh sebab pagar-pagar yang kita sedang ada sekarang untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, sepanjang pagar-pagar itu semuanya berlubang. Saya tidak tahu, mungkin...

Seorang Ahli: Tikus itu Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Ya? Datuk Seri Ali kata tikus tebuk. Akan tetapi benda ini berlarutan kalau kita lapor kepada pihak JKR, benda ini diperbaiki selepas satu malam berlubang pula. Jadi saya minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar dan saya pun sedar. Oleh sebab semasa bertugas di Perlis dahulu kawasan ini ialah kawasan yang selalu saya lawati. Kalau kita selalu melawat, dia kurang sikit lubang-lubang di pagar itu dibina. Lubang itu dibina, sekarang ini mereka juga ada teknologi baru di mana pagar ini dipotong tetapi tidak dibuka. Pagar itu hanya ditolak sedikit semasa mereka hendak masuk ke sini. Selepas mereka masuk, mereka tolak balik. Daripada segi kamera yang memantau, kamera akan nampak bahawa pagar ini tidak dipotong. Akan tetapi sebenarnya telah dipotong dan ia tahu sepanjang perjalanan daripada Padang Besar ke Bukit Kayu Hitam ini, pagar ini telah dibolosi di banyak tempat.

Jadi pada masa tersebut kerajaan telah bercadang untuk membina *highway*. Sekarang ini kita ada jalan keselamatan daripada Padang Besar ke Changlun. Kerajaan telah meluluskan RM100 juta peruntukan untuk tujuan tersebut. Akan tetapi *highway* itu tertangguh oleh kerana ada keperluan lain daripada negeri Perlis sendiri yang meminta supaya peruntukan tersebut digunakan untuk pembangunan pembinaan jalan-jalan luar bandar di mana Perlis menghadapi banjir yang agak serius selama tiga kali berturut-turut. Sebenarnya kalau ada *highway*, mungkin pemotongan ini boleh kurang berlaku. Oleh kerana pergerakan manusia yang kerap dan mereka sukar untuk berbuat demikian kecuali di malam hari.

Walau bagaimanapun, semua yang saya cakap ini telah pun dibincangkan dalam Majlis Keselamatan Negara. *Insyah-Allah* kerajaan memberi perhatian yang serius tentang perkara ini. Saya tahu jawapan ini sering dikatakan bahawa ini jawapan kerajaan- perhatian serius selepas lima tahun. Perhatian serius yang sama akan dijawab. Saya hendak beritahu perhatian yang serius ini, perhatian yang sebenar-benarnya serius dan kita akan bagi perhatian kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan berbincang dengan pihak negara yang berjiran dengan kita, yang *share* dengan izin, sempadan dengan kita untuk kos pembinaan tersebut? Ini kerana kalau kita lihat di sempadan

Thailand, Bukit Kayu Hitam contohnya, kita dapati di sebelah Malaysia ini diperkemaskan. Di sebelah sana itu saya tengok masuk letak RM2 dalam pasport, jalan. Jadi adakah ini— tidakkah kita berbincang dengan kerajaan yang persempadanan dengan kita berhubung dengan kos penambahan atau penambahbaikan tembok ataupun sistem di sempadan. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, kita berbincang. Malah tembok konkrit dan juga pagar di atas itu dibina bersama kecuali tembok itu dibina oleh Kerajaan Malaysia kerana harganya yang cukup mahal. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebab soalan Yang Berhormat adalah sama ada kita berbincang, kita berbincang. Akan tetapi perbincangan ini kita mungkin terdapat persetujuan pembinaan berkenaan. Akan tetapi mereka lebih meletakkan kos itu mesti ditanggung oleh pihak Kerajaan Malaysia.

Kita lebih berkepentingan daripada Kerajaan Thailand. Mereka tidak ada kerugianlah lebih kurang macam itu. Kalau sekiranya tembok yang ada sekarang ini diteruskan, pagar diteruskan tetapi kita lebih berkepentingan sebab masalah penyeludupan barang-barang Malaysia pergi ke sana dan sebagainya. Jadi perbincangan akan diteruskan. Kalau sekiranya terdapat perundingan di mana seperti tembok, separuh tembok dan juga separuh pagar itu dipersetujui seperti masa yang lepas. Di mana kos itu ditanggung oleh Malaysia dan Thailand, itu lebih bagus. Akan tetapi kalau sekiranya kita terpaksa menanggung sendiri kita sewajarnya bina tembok kerana kita lebih rugi kalau sekiranya tidak ada tembok. Ini kerana penyeludupan yang dibuat sekarang ini di peringkat luar biasa kerana barangan di Malaysia murah, di seberang mahal.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima Yang Berhormat Menteri. Baiklah sebelum kita beralih ke soalan seterusnya, saya rasa soalan seterusnya ini soalan cepumas. Ini kerana bersama kita di Dewan yang mulia ini ialah Menteri Pertahanan sendiri yang hadir bersama Timbalan Menteri beliau. Jadi saya ingin ucapkan bagi pihak Dewan yang mulia ini, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas keprihatinan serta komitmen Yang Berhormat Menteri. Teruskan Dato' Lucas.

7. **Datuk Dr. Lucas Umbul** minta Menteri Pertahanan menyatakan, berapa aset TLDM dan agensi pertahanan yang ada di Sabah setakat ini, dan adakah ia mencukupi untuk menjalankan aktiviti operasi keselamatan terutamanya di kawasan ESSCOM.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan izin sebelum saya mula saya mengalu-alukan kehadiran adik-adik kita dari Sekolah Menengah Methodist, Kuala Lumpur. Selamat datang ke Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menjamin keselamatan, keamanan dan kedaulatan negara khususnya di Sabah. Kerajaan telah menubuhkan ESSCOM dan ESSZONE di bawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri pada 7 Mac 2013. Kawasan tanggungjawab ESSCOM merangkumi 10 daerah pesisiran Pantai Timur Sabah mulai daripada Kudat hingga ke Tawau. Seluruh perairan di kawasan tersebut merangkumi panjang pantai sejauh 1,733 km. Melibatkan 361 buah pulau dan kawasan daratan seluas 31,158 km persegi iaitu merangkumi 42% daripada keluasan negeri Sabah.

Di bawah ESSCOM tanggungjawab ATM adalah untuk mempertahankan sebarang bentuk ancaman dan pencerobohan melalui *surveillance*, *identification* dan *interception*, dengan izin, dalam tiga lapisan pengoperasian.

■ 1110

Lapisan pertama melaksanakan pengawasan maritim, udara dan laut. Kedua mengenal pasti dan memintas di laut. Ketiga melaksanakan operasi daratan. Secara umumnya peranan ATM dalam ESSCOM adalah mempertahankan kedaulatan dan integriti negara khususnya di Pantai Timur Sabah dari sebarang bentuk ancaman pencerobohan. Kedua bertindak proaktif dalam menjamin keselamatan dan keamanan serta kesejahteraan rakyat.

Ketiga menyokong dan membantu usaha-usaha kerajaan di dalam membangunkan negara khususnya di kawasan Pantai Timur Sabah dan keempat mempererat hubungan antara tentera dan rakyat serta kita dapat menyemarakkan kewibawaan dan kemampuan ATM. Pada masa kini operasi ATM di kawasan ESSZONE adalah seperti berikut:

- (i) Ops Pasir yang dilaksanakan oleh ATM;
- (ii) Ops Daulat dilaksanakan secara kerjasama di antara ATM dan PDRM;
- (iii) Ops Serkap dilaksanakan oleh ATM dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM);
- (iv) Ops Sanggah dilaksanakan oleh ATM.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjamin semua usaha ini berjalan dengan lancar dan mencapai sasarannya maka pihak Kementerian Pertahanan telah menempatkan beberapa buah aset di kawasan ESSZONE dan juga ESSCOM. Aset-aset ATM yang terlibat di dalam pengoperasian ESSCOM adalah melibatkan ketiga-tiga perkhidmatan ATM. Aset TDLM adalah melibatkan kapal *patrol vessels*, *fast attack craft* (FAC), *patrol craft*, *fast troop vessel* (FTV), bot tunda dan bot tempur.

Selain itu aset tambahan yang terlibat adalah helikopter *Super Lynx*. Kedua adalah aset tentera darat. Aset tentera darat yang terlibat adalah kereta perisai, kenderaan trak tiga tan, *land rover 4x4 Isuzu D-max* dan *Bantex*. Aset-aset lain tentera darat juga adalah helikopter *Agusta* kita, radar, *unmanned aerial vehicle* (UAV) dengan izin, dan bot tempur. Tentera darat juga menempatkan dua buah batalion infantri yang ditempatkan di markas ATB2 bagi mengoperasi Ops Pasir Utara dan Ops Pasir Selatan.

Di bawah *bridged* ESSCOM untuk operasi darat sebanyak dua buah batalion infantri. Dua kompeni PARA, satu kompeni mekanis, *two troops squad armor*, satu bateri artileri, dan satu *team anjing perang* telah pun ditempatkan. Aset tentera udara melibatkan penegasan pesawat yang ditugaskan di bawah kawalan pengoperasian ESSCOM melibatkan pesawat *MPA beach craft* dan pesawat helikopter jenis Nuri. Tuan Yang di-Pertua, gabungan daripada aset-aset ATM dan agensi-agensinya kerajaan yang ada di bawah ESSCOM telah bekerjasama untuk melaksanakan operasi ini.

Walau bagaimanapun, bantuan dan kerjasama semua pihak terutama rakyat negeri Sabah dan penduduk sekitar amat diharapkan untuk memberi maklumat dan sentiasa memberi kerjasama untuk membantu pasukan keselamatan. Selain daripada usaha menempatkan aset, usaha kerjasama bilateral

dan juga multilateral merupakan satu usaha berterusan yang dilaksanakan oleh ATM bersama *Armed Forces of the Philippines* (AFP). Antara kerjasama yang dijalankan pertama mewujudkan mekanisme pertukaran maklumat perisikan *intelligent exchange*, dengan izin. Di bawah mekanisme ini satu platform pertukaran maklumat diketuai oleh Ketua Perisikan Angkatan Tentera dua-dua negara. Sehingga kini sebanyak 23 perjumpaan telah diadakan dan satu lagi perjumpaan pada suku terakhir tahun ini telah pun dirancang.

Kedua mewujudkan mekanisme pertukaran maklumat keselamatan antara penganalisis, *analyst to analyst exchange*, dengan izin. Mekanisme ini ialah pertukaran dan perbincangan maklumat perisikan secara aktif di peringkat penganalisis kanan *senior an analyst*. Sehingga kini sebanyak tiga perjumpaan telah diadakan. Terakhir pada bulan April yang lalu di Kuala Lumpur.

Ketiga mengadakan latihan bersama Malaysia dan Filipina.

Pada setiap tahun latihan telah dilaksanakan secara giliran di antara tentera Malaysia dengan tentera Filipina di bawah kerjasama dua hala angkatan tentera. Latihan ini bagi memperkukuhkan hubungan dan meningkatkan tahap inter-operasi ketiga-tiga perkhidmatan angkatan tentera darat, laut dan udara kedua-dua negara. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada usaha yang telah pun dilakukan oleh ATM pada masa kini, pihak ATM juga mempunyai rancangan masa hadapan.

Konsep *sea-basing*. Konsep ini mempunyai kemampuan dari segi kemudahan domestik yang kondusif, bantuan logistik yang mencukupi, memiliki kemampuan pengawasan yang berkesan serta berupaya melaksanakan tugas kawalan dan pemerintahan yang efisien dan efektif di laut. Komander marin Amerika Syarikat pemerintahan Pasifik Lt. Jeneral Terry Robling semasa lawatannya ke ESSCOM baru-baru ini pada 26 Jun telah dibawa untuk melihat sendiri pelaksanaan sendiri konsep *sea-basing* yang diperkenalkan ini.

Secara umumnya konsep ini akan menyaksikan pembinaan pangkalan operasi hadapan atau dengan izin, *forward operational based* di lautan bertujuan mengekang ancaman khususnya di laluan keluar. Ia juga akan berperanan sebagai pusat pemerintahan, pemintasan (*interception*) dengan izin dan penyekatan laluan penjenayah, kawalan dan pengawasan (*surveillance*), pos pemeriksaan *check point* di laut dan penguasaan laluan khusus *decimated routes*. Adalah diharapkan konsep *sea-basing* juga dapat menyediakan lokasi platform bergerak dan statik yang mampu meluaskan jangkauan dan menyingkatkan masa bertindak atau *responds times* pasukan keselamatan.

Keduanya kerjasama erat di peringkat ASEAN dan negara jiran. Usaha ini juga akan dipertingkatkan bertujuan meningkatkan keselamatan, kestabilan dan keamanan perairan negara terutama di rantau ASEAN. Pelbagai inisiatif dalam bentuk perbincangan, dialog dan mesyuarat dan sebagainya akan diadakan dari semasa ke semasa untuk memperoleh pendekatan atau resolusi terbaik menghadapi ancaman yang ditangani masa kini. Pada tahun 2015 Tuan Yang di-Pertua, Malaysia akan menjadi pengerusi ASEAN dan sudah pastinya peluang ini akan digunakan untuk mencorakkan masa depan keselamatan serantau yang lebih berkesan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Datuk Dr. Lucas.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pertahanan Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein yang memberi jawapan yang begitu panjang lebar dan begitu jelas pada Dewan yang mulia hari ini. Syabas dan tahniah kepada Menteri sebab sudi bersama-sama dengan Ahli-ahli Dewan pada hari ini, terima kasih... *[Tepuk]*

Soalan saya seperti yang umum telah maklum bahawa di negeri Sabah pada beberapa bulan lepas, beberapa kes penculikan berlaku di kawasan Pantai Timur Sabah. Hari ini kita mendengar bahawa aset-aset daripada Kementerian Pertahanan telah dihantar untuk menangani masalah-masalah ini khususnya di Pantai Timur Sabah. Jadi apakah strategi Angkatan Tentera Malaysia bagi menghadapi masalah pencerobohan atau bolos yang menyebabkan penculikan yang berlaku baru-baru ini dan telah diumumkan bahawa akan ada penggiliran komendur ESSCOM iaitu bermula pada 1 Julai 2014 iaitu 18 bulan pertama akan diketuai oleh Angkatan Tentera Malaysia dan 18 bulan kemudian akan diketuai pula oleh PDRM yang pada hemat saya akan menyebabkan kecelaruan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas, satu soalan tambahan yang begitu tepat sekali yang perlu ditangani secara holistik dan saya tidak menafikan bahawa kekangan-kekangan yang telah pun dikenal pasti sejak pencerobohan Lahad Datu, pencerobohannya dahulu tidak dapat ditangani dengan secara lebih menyeluruh. Saya bimbang pada masa-masa yang akan datang dalam dunia yang tanpa sempadan ini, di mana pergerakan manusia, wang ringgit, senjata akan menjadi lebih mencabar dan lebih kompleks.

■ 1120

Pertamanya kita kena memahami Yang Berhormat bahawa ESSCOM melingkapi sepuluh daerah persisiran pantai timur Sabah seperti saya sebutkan tadi. Kita kena memahami bahawa panjang pantainya sendiri sejauh 1,733 kilometer. Ia melibatkan 361 buah pulau dan keluasan daratan seluas 31,158 kilometer iaitu merangkumi 42% daripada keluasan negeri Sabah. Itu membawa cabarannya yang tersendiri dalam konteks kita hendak melihat kepada ancaman-ancaman yang kita terpaksa hadapi.

Keduanya ancaman yang terpaksa kita hadapi untuk memastikan kestabilan Sabah dan rantau itu pelbagai. Kalau sekiranya kita melihat kepada ancaman penculikan atau penyeludupan manusia, penyeludupan dadah, penyeludupan senjata itu merupakan jenayah-jenayah tradisi. Cara untuk menanganinya berbeza dengan mungkin pendekatan di mana ATM diminta untuk memikul tanggungjawab berhadapan dengan ancaman militan atau pencerobohan seperti apa yang kita lihat di Lahad Datu tahun lepas.

Oleh sebab itu kompleksiti untuk menangani isu ini yang tidak boleh diletakkan kepada satu agensi sahaja- ATM, PDRM, APMM tetapi juga melibatkan juga agensi lain seperti imigresen, kastam, kerajaan negeri juga dan tidak ada wadah atau platform dan badan yang lebih tinggi untuk menanganinya selain daripada Majlis Keselamatan Negara yang di Pengerusi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri setiap dua minggu.

Berhubung kait dengan pergiliran tadi saya hanya diumumkan oleh Tan Sri Tan Sri Ismail Haji Omar, IGP baru-baru ini hasil daripada perbincangan di antara ATM dan PDRM ia bukan merupakan satu keputusan yang sudah muktamad kerana keputusan sama ada siapa akan jadi komander atau pergilirannya hanya boleh di buat di peringkat Majlis Keselamatan Negara yang di Pengerusi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ia belum diputuskan lagi.

Jadi pandangan Yang Berhormat tadi bahawa ia mungkin membawa kepada kecelaruan tadi akan saya panjangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam mesyuarat yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Norliza.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang sudi hadir untuk menyerikan Dewan kita pada pagi ini. Saya cuma ada dua soalan. Pertama, saya rasa masalah penculikan di Sabah ini walaupun kerajaan telah membelanjakan lebih RM100 juta untuk ESSCOM tetapi masalahnya masih belum selesai dan ada kalanya semakin kerap dan ia membimbangkan.

Jadi saya faham sebagaimana Yang Berhormat Menteri kata tadi kos lautnya yang begitu luas, sekian dan macam-macam tetapi perlukah kerajaan memikirkan sama ada boleh kita menimbangkan untuk membina seperti tembok di China yang keluasan kepanjangannya 8,850 kilometer? Betul ia mahal tetapi *is one time cost*. Okey, mungkin boleh dipertimbangkan yang pertama.

Kedua ini sedikit luar tetapi saya faham saya rasa Yang Berhormat Menteri boleh menjawab mengenai tindakan Kerajaan Persekutuan yang masih membayar sejumlah wang kepada Kesultanan Sulu setiap tahun iaitu kita panggil *session money* sejumlah RM6,300. Jadi saya rasa sekiranya kita masih membuat pembayaran, maka ia memberi bayangan bahawa orang Sulu bahawa Sabah ini adalah milik mereka sedangkan sudah 50 tahun lebih Sabah bersama kita di Malaysia. Jadi saya mohon pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Norliza. Berhubung kait dengan bayaran kepada tuntutan Kesultanan Sulu ini perlu ditunjukkan soalan itu kepada pihak Wisma Putra yang sedang melihatnya secara menyeluruh.

Kita tidak pernah mengakui dengan jelas daripada tindakan kita berdepan dengan pencerobohan golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab tahun lepas di Lahad Datu di mana kita bunuh mati mereka yang cuba menuntut tuntutan yang disebutkan tadi jelas pendirian kita tidak akan kita kompromi seinci pun dalam konteks bumi Sabah. Cuma dalam cadangan melihat kepada membina tembok China di Sabah. Itu agak ekstrem. Sebenarnya isu begitu kompleks kerana kalau kita bina tembok pun kalau pengkhianat mereka yang menjadi tali barut merupakan mereka yang berada di

dalam kawasan kita sendiri di belakang tembok yang dibina ini ia tidak akan menyelesaikan masalah kita.

Oleh sebab itu baru-baru ini saya telah tekankan di Sabah perkara-perkara yang berhubung kait dengan integriti, rasuah, kredibiliti, kita mempertahankan nilai-nilai pegangan pihak-pihak berkuasa kita ini. Baru-baru ini pihak tentera laut, pegawai-pegawai kita kalau di dapati salah saya tidak akan memberi perlindungan kepada mereka dan tindakan yang sewajarnya akan diambil. Oleh kerana apa yang menjadi pertimbangan, gadaian ialah maruah kita, nyawa mereka yang tidak berdosa. Oleh sebab itu pendekatan. Akan tetapi pandangan Yang Berhormat tadi saya setuju sangat untuk kita melihat di luar kotak.

Di luar kotak saya sebut berhubung kait dengan *sea basing* tadi. Itu satu pendekatan yang tidak pernah dilakukan di dunia di mana kita melakukan di pelantar-pelantar minyak yang telah pun dikomersialkan untuk di naik taraf oleh Petronas dan dua lagi daripada SapuraKenchana di mana radar UAV dan pihak berkuasa kita akan diletakkan di sana sebagai *response time* untuk menghadapi mereka di lautan itu lebih cepat

Keduanya hubungan di antara empat negara bukan sahaja Filipina tetapi Brunei dan juga Indonesia sedang kita ikatkan secara kukuh kerana *intelligence* dan maklumat melalui risikan merupakan satu perkara yang saya percaya sejak darurat dulu dan ancaman komunis yang telah pun berlalu, hubungan itu tidak dilihat secara serius dan secara *urgent*. Ini kita lakukan di peringkat cawangan khas polis dan juga *military intelligence* di pihak tentera. Ini perlu di perkukuhkan lagi.

Ketiga ialah menggunakan aset yang tepat kepada apa yang kita anggapkan ancaman tadi. Kalau sekiranya penyeludupan kita memerlukan kapal-kapal petrol yang boleh masuk ke kawasan-kawasan perairan yang tidak dalam dan pam bot-pam bot yang digunakan oleh mereka ini perlu dikekalkan pihak penguasa untuk menanganinya.

Akan tetapi bila kita di ATM membuat siap siaga berdepan dengan ancaman militan atau pencerobohan itu satu perkara yang berbeza. Itu memerlukan perbincangan dan juga persiapan yang lebih rapi iaitu ala ketenteraan dan sebab itu *the marines*, General Robling saya minta datang jumpa saya sendiri supaya kita boleh tengok bukan untuk mereka menetap di situ tetapi pengalaman mereka di kawasan-kawasan zon peperangan yang mereka telah pun lalui.

Bagaimana mereka dapat kongsi bekerjasama dengan kita dalam konteks kita berdepan dengan ancaman-ancaman dunia tanpa sempadan ini. *Insya-Allah* penggemblengan semua pihak kerajaan negeri dengan kerajaan pusat saya percaya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan melakukan perkara yg terbaik. Jadi ini jaminan saya sebagai Menteri Pertahanan kepada semua warga Sabah kita akan membuat yang terbaik untuk memastikan orang-orang Sabah seperti Timbalan Menteri Pertahanan saya ini selamat [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya benarkan satu soalan tambahan dipersilakan Dato' Lim Nget Yoon

■1130

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan penculikan itu begitu mengecewakan kita semua, bukan sahaja negara kita menghadapi kerugian yang begitu besar apabila pelancongan kita terjejas serta imej negara kita pun terjejas. Penculikan itu satu demi satu berlaku, ada bayangan yang mana satu pertahanan negara kalah kepada satu, dua golongan penjenayah.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Jadi di sini saya ingin bertanya, apakah KPI akan diberi oleh Menteri kepada kementerian kita? Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat, tadi saya minta semua Ahli Yang Berhormat faham bahawa ancaman yang kita hadapi ini pelbagai dan KPI yang kita hendak letakkan untuk berhadapan dengan ancaman-ancaman ini pun pelbagai. Oleh sebab itu apabila ESSCOM diwujudkan, ia untuk menangani isu yang terpaksa kita hadapi di Lahad Datu bukan isu penculikan. Apa yang kita lakukan sejak insiden di Lahad Datu itu ialah mewujudkan ESSCOM. Ini bukan untuk *defensive* tetapi apabila ancaman pencerobohan, tuntutan Sultan Sulu dan sepuluh orang terkorban dan korban dalam keadaan yang cukup menyayat hati dan begitu kejam. Pada masa dan ketika itu, orang-orang Sabah tidak fikir berhubung-kait dengan penculikan. Mereka membimbangkan kedaulatan dan juga keselamatan dan kedudukan Sabah itu sendiri sebagai dalam keadaan yang darurat.

Oleh sebab itu kita kena faham bahawa usaha-usaha yang kita lakukan RM100 juta untuk mempertahankan negeri Sabah daripada ancaman militan bukan satu jumlah yang besar dan memang tidak mencukupi. Akan tetapi kalau kita hendak tambah juga isu-isu yang berhubung-kait dengan penculikan, yang boleh mencemarkan nama kita juga bukan sahaja penculikan tetapi penyeludupan dan juga isu berhubung-kait dengan jenayah-jenayah tradisi yang dilakukan oleh orang Sabah sendiri. Di situ penting untuk kita bersama-sama berganding bahu dan tengok sama ada kita serius atau tidak.

Di sini wakil rakyat, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh membantu saya dan membantu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, membantu Menteri Dalam Negeri, membantu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Shahidan ada di hadapan. Ini kerana yang paling penting ialah untuk meyakinkan *the hearts and mind of the Sabahans themselves to come forward and defense Sabah*. Kadangkalanya, merekalah yang harus menjadi- Tuan Yang di-Pertua, orang lain sudah bertukar *[Ketawa]* Terkejut saya. Sudah lupa apa hendak cakap. Di mana saya harap, beralihnya kita kepada ancaman militan tadi yang masih lagi wujud, kita baru buat operasi baru-baru ini, melibatkan kumpulan-kumpulan militan tertentu, enam panglima yang telah pun ditangkap, tidak benar bahawa kita tidak ada undang-undang kecemasan untuk kita tangkap tanpa bicara pun.

Selepas Lahad Datu, 800 telah pun disoal siasat, mustahil kita tidak ada maklumat berhubung-kait dengannya. Akan tetapi hendak kaitkan penculikan, penyeludupan, masalah pekerja asing tanpa

izin, itu tidak adil kepada tujuan kita pada dahulu untuk kita wujudkan ESSCOM. Akan tetapi pada masa yang akan datang, saya setuju bahawa imej kita terjejas. Saya setuju bahawa maklumat ini diputar belit dan menakut-nakutkan orang Sabah.

Saya harap dengan adanya *sea-basing*, dengan adanya *patrol boats* tertentu yang boleh *quick response*, dengan radar yang kita hendak taraf, 1,206 radar kita tidak mencukupi. *Berne Convention* yang sedang kita lihat sekarang melibatkan empat negara jiran. Melibatkan *the Marines* bersama-sama dengan kita, melibatkan *intelligence* supaya maklumat-maklumat berhubung-kait dengan penculik-penculik ini dapat sampai kepada kita lebih cepat dari negara jiran.

Saya harap itu semua dapat membantu tetapi bagi saya yang paling penting ialah peranan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memimpin dan juga orang-orang Sabah sendiri untuk membantu menjadi mata dan telinga bagi kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Jawapan yang begitu jelas dan saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat pun berasa bersyukur dengan kehadiran Menteri sendiri.

8. Datuk Hajah Noriah binti Mahat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, berapakah jumlah tangkapan terhadap kes militan sejak lima tahun lalu hingga sekarang, dan apakah tindakan menghapuskan kegiatan militan yang ada sekarang yang dilihat boleh mengancam negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 2010 sehingga kini, seramai 108 orang individu yang terlibat dengan kegiatan militan daripada pelbagai warganegara telah ditahan oleh pihak berkuasa negara ini. Dalam usaha untuk menangani kebangkitan kumpulan militan, beberapa usaha telah dilakukan dengan menyiasat aktiviti kumpulan yang mencurigakan dan membantu individu-individu yang pernah terlibat dengan kumpulan militan yang sedia ada.

Usaha seterusnya adalah dengan mengadakan beberapa siri program pemulihan kepada orang-orang tahanan dan ahli keluarga mereka. Selain daripada itu, kerjasama yang rapat juga dilakukan dengan agensi risikan asing bagi membendung kemasukan elemen militan dari negara luar. Usaha ini termasuk melalui kerjasama berterusan di samping bertukar-tukar maklumat risikan dengan agensi-agensi keselamatan negara luar khususnya negara Asia.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui PDRM ataupun Polis Diraja Malaysia sentiasa komited dalam menjalankan siasatan terhadap mana-mana kumpulan militan mahupun kumpulan-kumpulan lain yang boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam. Bahkan sekiranya terdapat bukti bahawa mereka terlibat dalam mana-mana aktiviti bentuk militan, tindakan tegas

terhadap mereka yang terlibat akan diambil di bawah undang-undang sedia ada termasuk Akta Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan seterusnya Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang rajin datang ke Dewan ini untuk menjawab soalan. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah punca wujudnya kumpulan militan di negara ini kerana negara kita ini aman, damai, sejahtera dan pesat membangun? Di samping itu, apakah pendekatan holistik yang dilaksanakan oleh kerajaan dan bekerjasama dengan negara lain bagi menangani ancaman militan yang kini merupakan ancaman global?

Kedua, kita dikejutkan dengan laporan tentang 15 orang rakyat Malaysia menyertai militan di Syria. Mereka telah memuat turun video ke dalam *YouTube* untuk tontonan dunia. Jadi hal ini perlu ditangani. Saya hendak tanya, sejauh manakah kerajaan akan mengambil tindakan terhadap mereka ini kerana kita tidak mahu ia menjadi ikutan terutama para remaja di negara ini yang sepatutnya lebih fokus kepada membangunkan negara kita sendiri dan berjihad untuk kebaikan bangsa dan agama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang pertama berhubung dengan motivasi seseorang itu untuk terlibat dengan gerakan militan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, bahawa motivasi untuk seseorang untuk menjadi militan ini adalah pelbagai. Ada kalanya mereka ini bermotivasi perjuangan oleh kerana untuk membantu rakan-rakan mereka di luar sana mempertahankan apa yang dianggap sebagai perjuangan yang berlandaskan agama Islam.

■1140

Kedua, ada juga melihat sebab-sebab cara yang tercepat, yang ringkas dan mudah untuk dimasukkan ke syurga ialah mati syahid dan berharap perjuangan mereka akan membawa kepada mati syahid. Ketiga, ada juga dari sudut ekonomi dan pelbagai lagi sebab-sebab motivasi yang telah dikenal pasti oleh pihak kerajaan dalam sudut perisikan mereka.

Akan tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, kita hidup dalam dua masa yang berlainan sebagaimana soalan awal tadi iaitu soalan yang pertama. Daripada tahun 2010 iaitu kita masih ada undang-undang ISA, Tuan Yang di-Pertua tetapi apabila undang-undang ISA telah dipupuskan selepas itu pada tahun 2011, 2012, kita tidak lagi menggunakan ISA tetapi kita di bawah undang-undang Akta Keselamatan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 atau SOSMA dan undang-undang ini tidak membolehkan kita untuk menangkap orang terlalu lama.

Tangkapan di bawah SOSMA ialah hanya 28 hari sahaja dan selepas itu orang tersebut mesti dituduh di mahkamah. Jika disabitkan kesalahannya di mahkamah, barulah orang tersebut akan dipenjarakan. Akan tetapi dalam gerakan ini bukan mudah. Tuan Yang di-Pertua juga cukup mengetahui berhubung dengan soalan *intelligence* ini dan gerakan di bawah tanah ini bahawa untuk mendapatkan bukti yang nyata dan boleh diterima oleh pihak mahkamah bukan perkara yang mudah.

Jadi dalam keadaan sedemikian itulah kenapa kesannya apabila kita telah menangkap pihak-pihak ini seramai 12 orang rakyat Malaysia yang kita telah tangkap dan kita telah tuduh di mahkamah, di kalangan 12 orang yang dituduh itu, lapan orang daripadanya telah dibebaskan oleh sebab tidak cukup bukti dan hanya tinggal empat kes sahaja lagi di mahkamah yang masih dalam perbicaraan. Inilah kesan-kesan pemansuhan Akta ISA dahulu yang sangat kita takuti tetapi malang sekali, negara kita terancam oleh sebab ketiadaannya. Jadi dalam keadaan sedemikian, *we have to live with the situation* sekarang, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi dalam masa yang sama, *insya-Allah*, kerjasama di antara *intelligence unit* kita di bawah *special branch* akan mengawal selia keselamatan menerusi risikan dan *intelligence exchanges* mereka dengan rakan-rakan mereka di negara serantau ASEAN khususnya sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan tadi lebih dahulu daripada ini yang mengatakan perhubungan kita dengan *unit intelligence services* di negara-negara berdekatan dengan kita akan diteruskan dan diperkukuhkan, dan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri juga, kita turunkan sedikit tahapnya dahulu. Selepas cabaran komunis dahulu menurun, kita turunkan tahap dia yang sekarang kita sedang mempertingkatkan semula pada masa ini untuk menangani masalah *militancy* dalam negara kita ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya kesempatan untuk bertanya dan memberikan soalan tambahan. Saya tertarik dengan rujukan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tentang betapa terkilan dan musykilnya beliau tentang ketiadaan ISA itu. Adakah ini bermakna Yang Berhormat menyuarakan sentimen yang rasanya kita dengar juga di luar, peri perlunya ISA itu dihidupkan balik? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita boleh mengatakan, '*Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul*', '*Mara hadapan luka dada, undur ke belakang luka belakang*'. Jadi itulah apa yang kita hadapi sekarang. Kita telah melangkah ke hadapan. Luka tidak luka, kena mara ke hadapan juga. Kita tidak boleh lagi undur ke belakang, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator.

Jadi dengan keadaan sedemikian, kita terpaksa hidup dengan keadaan sekarang dan undang-undang yang kita ada sekarang. Apa yang tinggal ialah kita perlu memperbaiki anggota-anggota risikan kita dan mempertingkatkan lagi tahap kebolehan mereka dengan pengajian, pelajaran dan pendidikan, latihan yang berlebihan dalam sudut ini dengan kita punya *networking* itu ditambahkan lebih lagi dengan pihak-pihak risikan di luar negara. Juga dengan keadaan semasa kemasukan rakyat asing ke dalam negara kita, kita akan memperketat dengan memperkenalkan apa yang dikatakan *Advanced Passenger Screening System* yang bakal kita laksanakan di negara ini yang boleh memberikan maklumat yang dahulunya sukar untuk didapati supaya mengetahui siapa mereka yang masuk ke negara ini dan boleh dipantau dengan sebegitu rupa.

Jadi dalam keadaan sedemikian, saya cukup yakin kita masih berkemampuan walaupun payah, tetapi kita masih berkemampuan untuk mempertahankan negara ini daripada dikucar-kacirkan oleh pihak di luar sana sama ada orang dalam ataupun orang luar. Jadi dengan keadaan sedemikian juga,

saya memohon kepada semua pihak, bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen, Ahli Dewan Negara tetapi juga kepada semua masyarakat, mestilah bekerjasama dengan pihak kerajaan dan pihak keselamatan untuk mempertahankan negara ini kerana ini sahajalah yang ada pada kita, kekal untuk kita *preservekan* untuk kita pertahankan selama-lamanya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana masa tidak mengizinkan kerana hari ini adalah hari terakhir dan kita ada dua rang undang-undang untuk kita selesaikan, setakat itu sahajalah soalan-soalan lisan yang perlu kita selesaikan pada sebelah pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.47 pg.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
(PINDAAN) 2014****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[30 Jun 2014]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, semalam kita berhenti untuk memberikan ruang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan menjawab. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan menyambung semula jawapan. Silakan Yang Berhormat.

11.49 pg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mula menyambung pembentangan ini untuk memberikan jawapan kepada isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim dan juga Yang Berhormat Vigneswaran semalam apabila mereka bertanya mengenai isu data pelajar antarabangsa yang bermasalah dan ditangkap pihak berkuasa dan pada masa yang sama bertanya berapa banyakkah IPTS yang melanggar peraturan khususnya dalam pengambilan pelajar luar negara yang tidak tulen ataupun *genuine*.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak kementerian sentiasa memberi perhatian dan memantau akan isu yang membabitkan pelajar antarabangsa di mana selain kesalahan-kesalahan yang membabitkan intervensi agensi penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan sebagainya, pihak kementerian juga turut memantau kesalahan dan disiplin pelajar antarabangsa berkaitan isu akademik pelajar itu sendiri seperti tidak menepati kadar minimum kehadiran, tahap minimum kelulusan CGPA serta isu-isu disiplin yang lain.

■1150

Pihak kementerian juga sedang dalam proses memantapkan sistem IFMS IPTS iaitu sistem maklumat IPTS bagi membolehkan kutipan data pelajar antarabangsa. Menurut data daripada Kementerian Dalam Negeri, setakat bulan Disember 2013, seramai 1,390 pelajar telah ditangkap atas kesalahan menyalahgunakan pas pelajar dan juga tinggal lebih masa. Dua kesalahan ini.

Bilangan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang telah ditarik balik kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa oleh Kementerian Dalam Negeri bagi tahun 2011 ialah enam buah IPTS. Pada tahun 2012, tujuh buah IPTS. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2013 tiada kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa yang ditarik balik.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, selain ditarik balik kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa, IPTS berkaitan akan dipantau dengan lebih ketat secara berkala atau diberi kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa dengan bersyarat atau dipendekkan tempoh kelulusan.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin yang mana saya berhenti semalam dalam menjawab soalan Yang Berhormat tentang mohon Kementerian Pendidikan Malaysia kaji semula pengecualian pembayaran balik PTPTN. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pengecualian bayaran balik kepada peminjam yang mendapat ijazah kelas pertama diberi berdasarkan kelulusan *Senate* universiti.

Antara dokumen yang perlu disertakan untuk pengecualian ini ialah pertama, salinan ijazah sarjana muda kepujian kelas pertama yang disahkan oleh Bahagian Akademik IPT, salinan transkrip keputusan peperiksaan yang disahkan oleh Bahagian Akademik IPT dan akuan pelajar bahawa jika dibuktikan ada pemalsuan, pihak PTPTN boleh menarik balik pengecualian bayaran dan ambil tindakan.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin juga membangkitkan isu menetapkan kelulusan minimum untuk mengikuti pengajian di IPTS untuk memastikan mutu pengajian dapat dikawal. Secara dasar Yang Berhormat, kelulusan minimum ditetapkan berdasarkan tahap pengajian yang ingin diikuti oleh pelajar seperti berikut;

- (i) tahap sijil atau Tahap 3 MQF ialah lulus SPM atau setara dengan mendapat sekurang-kurangnya kepujian dalam satu mata pelajaran,
- (ii) tahap diploma ataupun Tahap 4 MQF ialah lulus SPM atau setara dengan mendapat sekurang-kurangnya kepujian dalam tiga mata pelajaran; dan
- (iii) tahap ijazah sarjana muda atau Tahap 6 MQF - lulus STPM atau setara dengan mendapat sekurang-kurangnya gred C, nilai gred mata pelajaran 2.0 dalam dua mata pelajaran.

Yang Berhormat Senator juga membangkitkan isu untuk meneliti secara serius lambakan penyakit sosial yang dibawa oleh pelajar asing ke Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan Ops Bersepadu dari semasa ke semasa bersama agensi penguatkuasaan termasuk Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia. Hasil dapatan yang diperolehi membolehkan Kementerian Pendidikan Malaysia mengesyorkan kepada Kementerian Dalam Negeri supaya menarik balik kelulusan bagi IPTS merekrut pelajar antarabangsa sekiranya dikesan gagal mengawal penglibatan pelajar dalam aktiviti tidak bermoral.

Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah juga membangkitkan isu yang mana MQA mesti pantau dan kawal IPTS untuk menentukan standard pendidikan yang ditawarkan oleh IPTS. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, MQA sentiasa melaksanakan pemantauan mengawal kualiti program di IPTS berdasarkan perkara-perkara berikut:

- (i) melaksanakan penilaian program berdasarkan kod amalan akreditasi program;
- (ii) melaksanakan audit ke atas ipt berdasarkan kod amalan audit institusi;
- (iii) pembangunan program standard bagi setiap bidang pengajian;
- (iv) pembangunan program standard untuk semua bidang disiplin; dan
- (v) pembentukan garis panduan amalan baik.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon. Adakah kualiti pendidikan di IPTS sama dengan di IPTA? Ini kerana menurut Yang Berhormat, kursus yang sama ditawarkan di IPTS lebih pendek tempoh pengajiannya dari tempoh pengajian kursus yang sama di IPTA. Contoh yang diberi ialah kursus perubatan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kualiti pendidikan di IPTS dinilai oleh MQA dan kriteria penilaian adalah sama seperti mana penilaian kualiti pendidikan di IPTA. Segala aspek kualiti program dinilai dan diteliti dengan pihak MQA apabila matang akan dinilai sekali lagi oleh MQA untuk mendapatkan akreditasi.

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh minta...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, silakan.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Berbanding dengan pelajar yang dapat menerima JPA *scholarship* dan pelajar-pelajar yang ikut IPTS. Masa itu yang saya beri contoh ialah memang benar di mana saya *specifically mentioned*, universiti itu terletak di Indonesia.

Jadi, berbanding dengan tiga setengah tahun dan tujuh tahun. Adakah itu bermaksud pelajar-pelajar yang masuk IPTA itu tidak setaraf dengan pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran mereka di IPTS? Tidak mungkin. Jadi, ini memang satu keadaan yang tidak adil, sangat tidak adil. Jadi, harap kementerian pandang serius dan ambil tindakan untuk membetulkan keadaan yang tidak adil ini. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, maklumat Yang Berhormat beri kita ambil serius dan kita akan lakukan siasatan. Untuk maklumat juga, Kementerian Pendidikan Malaysia bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (MMC) yang biasanya merekalah yang akan memastikan pemantauan ini. Pada masa yang sama mereka juga akan memastikan kelayakan dan kebolehan pelajar, taraf mana boleh masuk bidang perubatan dan sebagainya. Kita mengetatkan lagi kelayakan pelajar-pelajar ini untuk masuk ke dalam bidang perubatan.

Walau bagaimanapun, saya sedar apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon dan saya akan memantau dan juga menyiasat apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat. Terima kasih untuk maklumat secara terperinci itu. Yang Berhormat terima kasih.

Yang Berhormat juga membangkitkan isu *syllabus* dan kualiti IPTS adalah setaraf dengan IPTA. Sebentar tadilah, isu yang sama juga. Program perubatan spesifik Yang Berhormat, adalah tertakluk seperti mana yang saya katakan tadi kepada Majlis Perubatan Malaysia. Setakat ini, kelulusan bagi menjalankan program perubatan di peringkat ijazah sarjana muda ialah lima tahun. Ini mengikut Majlis Perubatan Malaysia memang lima tahun. Tiga setengah tahun saya pun tidak tahu. Memang tidak boleh, kalau tiga setengah tahun hendak jadi doktor itu, saya tidak tahu hendak jadi doktor yang macam mana. Akan tetapi setahu saya Yang Berhormat...

Dato' Lim Nget Yoon: [Bangun]

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Sabar sedikit. Biar saya selesaikan. Memang pada kita lima tahun. Tiga setengah tahun itu tidak ada. Kalau ada seperti mana Yang Berhormat kata

sebentar tadi, tolong beritahu kepada kita dan kita akan adakan siasatan. Kita akan memantau dan khususnya dalam bidang perubatan ini kita mengambil pandangan yang serius kerana bukan sahaja kementerian, malah Kementerian Kesihatan melalui Majlis Perubatan Malaysia mengawal ketat pelajar-pelajar berkelayakan sarjana muda program perubatan ini. Yang Berhormat hendak mencelah tadi.

Dato' Lim Nget Yoon: Saya hanya hendak beri maklumat sebab pelajar itu memanglah dari kawasan saya yang saya dapat aduan daripada orang yang memang tahulah dan teliti dengan perkara tersebut. Jadi, pelajar itu sudah tamat pengajiannya dan sudah jadi *houseman* sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kes-kes yang *isolated* dan spesifik macam ini kalau ada masalah, jumpa dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri agaknya dan selesaikan.

Dato' Lim Nget Yoon: Saya fikir ini bukan...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, fakta-fakta itu mungkin berbeza. Yang Berhormat selesaikan hari ini. Hari ini hari terakhir, Yang Berhormat selesaikan.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon juga menyatakan apakah hukuman yang dikenakan kepada pelajar yang melakukan jenayah. Kesalahan jenayah adalah terletak di bawah tindakan Polis Diraja Malaysia. Sekiranya pelajar disabit atas kesalahan jenayah, pihak institusi berhak membuang pelajar berkenaan dan nama pelajar tersebut juga akan dimasukkan di bawah Senarai Syak Jabatan, *Immigration Suspect List*, dengan izin, di mana pelajar tersebut tidak akan dibenarkan masuk semula ke Malaysia.

■1200

Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian dalam memastikan lambakan pelajar? Yang Berhormat, antara bentuk kawalan penawaran kursus perubatan ditawarkan di IPTS oleh MMC mengenakan kuota untuk pelajar-pelajar yang ingin memasuki program ini. Ini adalah untuk memastikan graduan yang dihasilkan nanti benar-benar berkualiti dan dapat menggunakan segala kemudahan yang terdapat di IPTS berkenaan.

Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon juga meminta langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dalam memastikan lambakan pelajar lepasan program kritikal. Saya telah menjawab soalan itu tadi. Selain itu, langkah yang diambil oleh kementerian berkenaan dengan isu dengan melaksanakan moratorium ke atas bidang-bidang yang saya sebutkan tadi. Ini juga dapat memastikan bahawa pelajar yang memasuki bidang kritikal yang dikawal oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga Kementerian Kesihatan supaya isu pengangguran tidak berlaku.

Yang Berhormat Dato' Boon Som a/l Inong yang juga membangkitkan isu mohon IPTS berkualiti sahaja dibuka di Malaysia. Kementerian telah meletakkan syarat dan kriteria tertentu yang perlu dipenuhi oleh universiti luar yang ingin menubuhkan cawangan di Malaysia. Di antara kriteria tersebut adalah universiti tersebut mestilah tersenarai sebagai 100 buah universiti terbaik mengikut *Times Higher Education Ranking*, dengan izin. Universiti tersebut juga perlu mempunyai program-program yang bermutu di samping mempunyai kemampuan untuk beroperasi. Yang Berhormat Senator

Dato' Boon Som juga seterusnya memohon hak pendidikan di Malaysia galakan IPTS dari Jepun dan Korea selaras dengan Dasar Pandang ke Timur. Kementerian Pendidikan Malaysia tidak pernah mengamalkan diskriminasi ke atas mana-mana negara yang ingin menubuhkan IPTS negara ini.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah menetapkan dasar mendapatkan kelulusan dari Menteri bagi menubuhkan IPTS bagi memastikan syarat dan kriteria yang telah ditetapkan dipatuhi. Untuk makluman, IPT dari negara India dan juga China akan beroperasi di Malaysia dan juga dalam Dasar *Second Wave of Look East Policy*, dengan izin. Itu juga menekankan ada pergabungan dan kerjasama erat dengan negara-negara khasnya seperti mana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat dari Jepun dan juga Korea.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat, apakah kriteria yang boleh membantu kolej dan kolej universiti dinaiktarafkan? Terima kasih Yang Berhormat. Di antara kriterianya ialah:

- (i) kolej atau kolej universiti tersebut perlu mempunyai rekod yang baik selama operasi sebagai kolej atau kolej universiti;
- (ii) 20% daripada tenaga pengajar terdiri daripada pengajar atau pensyarah yang berkelayakan PhD;
- (iii) mempunyai modal berbayar RM15 juta hingga RM20 juta Malaysia; dan
- (iv) program-program pengajian ditawarkan institusi tersebut sudah mendapat akreditasi daripada MQA.

Seterusnya soalan mengenai berapakah IPTS yang terpaksa ditutup dan apakah sebab ianya ditutup? Setakat ini Yang Berhormat, 17 buah IPTS telah dibatalkan pendaftarannya, 58 buah pula dibatalkan penubuhannya. Antara sebab ditutup adalah kerana tidak mampu memenuhi obligasi kepada pelajar serta tidak mampu kekal berdaya saing.

Dalam usaha membantu IPTS untuk kekal beroperasi secara sihat dan kekal berdaya saing, Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan Ops Kelestarian bagi mendapatkan petanda-petanda awal agar penambahbaikan dapat diambil oleh IPTS. Yang Berhormat senator juga membangkitkan isu apakah pelajar asing diwajibkan mengambil kursus Bahasa Malaysia? Melalui pelaksanaan penawaran Mata Pelajaran Umum (MPU) seperti mana yang telah saya jelaskan semalam, di IPTS bermula pada September 2013, pelajar antarabangsa di IPTS diwajibkan mengambil Mata Pelajaran Umum yang melibatkan mata pelajaran Bahasa Melayu Komunikasi dan Pengajian Malaysia.

Adakah pemotongan fasa 2 hanya untuk IPTS dari luar negara sahaja atau terpakai untuk IPTS dalam negara? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemansuhan seksyen 22, Akta 555 akan memperlihatkan semua pihak sama ada permohonan itu dari luar negara dan juga tempatan. Kementerian akan memastikan semua akan terlibat dan juga pada masa yang sama penubuhan universiti, kolej universiti, kampus cawangan di Malaysia mendapat pelawaan daripada Menteri terlebih dahulu akan kita keluarkan dari akta ini.

Apakah nisbah pelajar IPTA dan juga IPTS? Jumlah pelajar di IPTA dan IPTS adalah hampir sama di mana setakat tahun 2013 bilangan pelajar di kedua-dua institusi tersebut adalah seperti berikut:

- (i) di IPTA, 560,358 orang pelajar; manakala
- (ii) di IPTS 484,863 orang pelajar.

Nisbah *enrollment* pelajar IPTA kepada pelajar IPTS adalah 1.2:1. Adakah IPTS boleh pohon kembali sekiranya permohonan pertama gagal dan berapa lamakah IPTS boleh dapat keputusan lulus atau gagal sekiranya fasal 2 dimansuhkan? Boleh Yang Berhormat. IPTS perlu membuat penambahbaikan dan memohon semula. Kedua, berapa hari? Selama 45 hari bekerja.

Yang Berhormat senator Tuan Mohd. Khalid juga yang membangkitkan isu mohon Kementerian Pendidikan Malaysia tambah IPTS yang berteraskan teknikal dan vokasional untuk meningkatkan tenaga mahir di Malaysia. Ini memang sehaluan. Cadangan ini sehaluan landasan TVET, Kementerian Pendidikan Malaysia supaya IPTS juga boleh memainkan peranan dalam meningkatkan tenaga mahir di Malaysia.

Yang Berhormat Puan Bathmavathi mencadangkan supaya IPTS menawarkan biasiswa untuk OKU bagi menggalakkan lebih ramai OKU melanjutkan pelajaran mereka. Yang Berhormat, pihak kementerian melihat perkara ini sebagai satu cadangan yang baik dan akan menggalakkan IPTS untuk menawarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar terbabit dan akan mencadangkan agar perkara ini dapat dijadikan sebagai sebahagian daripada *Corporate Social Responsibility* (CSR), dengan izin, kepada pihak IPTS.

Tentang aspek kemudahan untuk pelajar-pelajar OKU pekak dan buta khususnya perkhidmatan seperti bantuan juru bahasa dan kemudahan *Braille*. Pihak kementerian menggalakkan IPTS untuk menyediakan kemudahan untuk pelajar OKU berdasarkan kemampuan IPTS terbabit dan kita akan sentiasa menggalakkan dan membantu mereka di mana yang perlu. Yang Berhormat juga mencadangkan perlu ada satu unit khas di hal ehwal pelajar IPTS untuk membantu pelajar-pelajar OKU secara khusus. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggalakkan amalan ini ke IPTS sebagai *best practices* dan bergantung kepada kemampuan IPTS masing-masing.

Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah membangkitkan apakah usaha kerajaan untuk meningkatkan jumlah pensyarah selaras dengan peningkatan bilangan IPTS dan siapakah pihak yang akan membantu pemantauan akan kualiti pensyarah agar lebih ramai pensyarah di IPTS berkelayakan PhD?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara langkah yang diambil oleh kementerian dalam meningkatkan jumlah pensyarah berkualiti dengan kelayakan PhD. di sektor pengajian tertinggi swasta adalah seperti berikut:

- (i) melalui Program *MyBrain15* seperti *MyMaster*, *MyPhd*, dan juga *MyPhD Industry* di mana tenaga pengajar di IPTS yang memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian boleh memohon dan menyertai program *MyBrain15* tersebut dan akan ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Master dan PhD.

Berhubung dengan pemantauan aspek kualiti, pensyarah di IPTS di Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat, Jabatan Pengajian Tinggi dan MQA akan melakukan pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan kualiti pendidikan dan kualiti pengajar pensyarah di IPTS adalah terjamin.

Berapakah jumlah pelawaan yang telah dibuat sebelum akta ini diluluskan? Soalan ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat. Jumlah keseluruhan IPTS yang dipelawa setakat hari ini adalah sebanyak 126 buah IPTS.

■1210

Sebanyak 100 IPTS yang bertaraf universiti dan kolej universiti telah didaftarkan setelah mendapat pelawaan daripada Menteri, 26 IPTS lagi sedang dalam proses pendaftaran setelah mendapat pelawaan daripada Yang Berhormat Menteri.

Mohon Yang Berhormat Menteri kawal penubuhan IPTS. Yang Berhormat, pemansuhan seksyen 22 mungkin dilihat oleh sesetengah pihak sebagai memberi laluan kepada penubuhan IPTS ini tanpa kawalan. Sebaliknya, kementerian telah dan sedang mengambil beberapa tindakan bagi mewujudkan dan mengadakan peraturan domestik supaya hanya IPTS yang bereputasi, berkualiti, bertaraf antarabangsa dan mendapat pengiktirafan sahaja ditubuhkan di Malaysia. Malah, apabila kita ada pelawaan daripada Yang Berhormat Menteri pun mereka juga melalui semua kawalan yang saya maksudkan sebentar tadi. Yang Berhormat...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya mencelah sedikit?

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Dipersilakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya rasa kemusykilan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Noriah Mahat tadi ini tentang perlunya pengawalan yang lebih ketat ada kaitannya dengan pengenalan Yang Berhormat berikan sewaktu membentangkan rang undang-undang ini iaitu tentang apa Yang Berhormat istilahkan sebagai liberalisasi pendidikan tinggi dan ini amat menakutkan. Apatah lagi Yang Berhormat tidak menjelaskan maksud liberalisasi itu.

Liberalisasi sebenarnya bagi yang berumur di bawah 50 tahun dekat sini, liberalisasi pendidikan pernah memecahkan UMNO dan MCA dalam pilihan raya tahun 1959, di mana MCA menuntut supaya diadakan liberalisasi pendidikan tetapi pihak UMNO menentang dan sehingga Persatuan Guru-guru Melayu menarik diri pada UMNO. Jadi, perkataan liberalisasi pendidikan itu saya rasa perlu dijelaskan apa maksudnya. Ini kerana kalau dibiarkan liberalisasi pendidikan boleh menyebabkan semakin melebarnya jurang akademik, jurang sosial, jurang ekonomi antara kaum di negara ini.

Jadi, perkataan liberalisasi itu malah ada orang DAP katakan pada saya ini cerita DAP kah cerita UMNO ini? Jadi, istilah itu mengelirukan dan itu yang antara kemusykilan-kemusykilan yang timbul termasuk yang ditimbulkan Yang Berhormat Jaspal kelmarin. Jadi, penjelasan tentang huraian yang tuntas tentang istilah liberalisasi pendidikan itu perlu dijelaskan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Profesor Dato' Dr. Penjelasan terperinci tentang liberalisasi boleh saya pergi secara peribadi kemudian. Akan tetapi, jangan khuatir pasal hal ehwal institusi IPTS swasta yang akan dibina,

liberalisasi ini dari segi memberi peluang kepada universiti-universiti lain membawa datang terus pada Malaysia memohon.

Sebelum ini pelawaan dibuat. Sekarang tidak perlu pelawaan. Akan tetapi yang paling penting ialah kita akan memastikan hanya yang berkualiti yang hanya dapat memenuhi keperluan negara kita dalam bidang-bidang tertentu dan universiti-universiti yang terbaik sahaja kita akan bawa sekiranya dapat menambah baik dan menambahkan lagi kemahiran dan kebolehan, kewibawaan pelajar-pelajar kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah Mahat juga. Apakah kawalan yang dibuat oleh MQA terhadap kursus yang ditawarkan oleh IPTS? Sejauh mana fungsi MQA boleh ditambah baik untuk memastikan kualiti pendidikan dapat ditingkatkan. Yang Berhormat, MQA sentiasa menjalankan pemantauan dan mengawal kualiti program di IPTS berdasarkan kepada perkara-perkara berikut yang mana saya telah maklumkan tadi.

MQA juga sentiasa mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan kualiti pendidikan pengajian tinggi dapat ditambah baik. Selain itu, MQA juga turut bersama dalam jawatankuasa teknikal yang diwujudkan dengan badan profesional contohnya Majlis Perubatan Malaysia dan juga Lembaga Jurutera Malaysia. MQA juga turut mengadakan kerjasama dengan badan jaminan kualiti luar negara contohnya *Quality Assurance Agency for Higher Education UK*, *New Zealand Qualifications Authority* dan *Brunei Darussalam National Accreditation Council*, dengan izin.

Yang Berhormat Datuk Jaspal Singh membangkitkan isu tentang Kementerian Pendidikan Malaysia perlu ada statistik berkaitan graduan yang telah menamatkan pengajian dan telah atau tidak memasuki alam pekerjaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini maklumat pada tahun 2013 walaupun Ahli Yang Berhormat tidak ada di Dewan ini, saya akan menjawab soalan ini kerana maklumat ini penting supaya Ahli-ahli Yang Berhormat lain dapat mengambil maklumat ini.

Kementerian membuat kajian dan kajian ini dibuat di kalangan graduan-graduan di institusi pengajian tinggi, IPT dan juga IPTS. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat pada tahun 2013, 75% pelajar dikategorikan sebagai sudah boleh bekerja atau tidak, katakan belum bekerja dan kategorinya empat. Kategori yang bekerja ialah 47% dapat bekerja, 19% melanjutkan pengajian, 1.4% meningkatkan kemahiran, 6% menunggu penempatan kerja. Maksudnya 75% ini, 50% daripada mereka sudah mendapat kerja dan bakinya ingin menambah baik kelayakan mereka daripada segi melanjutkan pengajian, daripada segi meningkatkan kemahiran dan ada juga menunggu penempatan pekerjaan.

Hanya 25% sahaja yang belum bekerja tetapi kita akan memastikan mereka ini, kita akan membantu mereka daripada segi contohnya kita telah menyediakan *job portal* dan sebagainya, MyJobs untuk membantu mereka mendapatkan kerja dan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada seorang bangun Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Ya.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Mohon minta penjelasan. Yang Berhormat kata hanya 25% yang tidak dapat pekerjaan. Saya fikir kalau kira peratusan boleh jadi 25% itu rendahlah. Akan tetapi kalau kira bilangannya 25% itu boleh menjadi *it goes into* 100,000. Jadi, adakah

Yang Berhormat ada angka. jika dibandingkan dengan negara-negara jiran yang lain, adakah angka ini tinggi atau pun sederhana atau pun rendah? Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tuan Yang di-Pertua, saya buat masa ini tidak ada data perbandingan kerana memandangkan soalan ini baru dibangkitkan sekarang. Bila ada maklumat ini saya akan berkongsi dengan Yang Berhormat. Akan tetapi data ini *the first six months* Yang Berhormat, *first six months* sahaja. Pelajar-pelajar ini ada yang sudah mendapat kerja tetapi belum mendaftarkan diri. Selain daripada menunggu penempatan pekerjaan, mereka memilih bidang-bidang yang mereka telah ada kelulusan. Contohnya kalau dia kelulusan dalam bidang ekonomi, mereka hendak cari kerja-kerja dengan perbankan dan sebagainya. Akan tetapi dalam jangka masa yang lebih mereka telah pun berjaya mendapat kerja.

Seperti mana yang saya katakan tadi Yang Berhormat Tan Sri, kita di Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Sumber Manusia dan juga *MyJobs portal* ini sentiasa mempromosikan dan sentiasa memaklumkan kepada graduan-graduan ini pada hari graduan mereka untuk membantu mereka mendapat pekerjaan. Kita akan sentiasa memastikan graduan-graduan kita ini mendapat pekerjaan dalam masa yang singkat. *Target* kita memang kalau boleh dalam masa enam bulan mereka dapat kerja. Akan tetapi ada di antara mereka memilih spesifik bidang-bidang keperluan mereka sahaja. Akan tetapi saya ambil maklum apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Tan Sri sebentar tadi dan maklumat yang terperinci akan saya berkongsi dengan Yang Berhormat Tan Sri apabila saya dapat kemudian. Terima kasih Tan Sri.

Yang Berhormat Datuk Jaspal juga membangkitkan isu tentang kajian semula tentang kualiti pendidikan terutamanya di IPTA dan IPTS bukan hanya tambah bilangan tetapi sahaja dapat meningkatkan kualiti di IPT. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian sentiasa menekankan kualiti dan tidak berhasrat untuk meningkatkan kuantiti IPTS. Bagi membantu kementerian merealisasikan hasrat tersebut pihak kementerian telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) syarat dan kriteria penubuhan IPTS baru diperketat;
- (ii) memperkasakan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan ke atas IPTS;
- (iii) pelaksanaan moratorium penubuhan IPTS berstatus universiti, kolej universiti dan kolej yang baru untuk tempoh dua tahun iaitu dari tahun 2013 hingga 2015.

Yang Berhormat Datuk Jaspal juga membangkitkan isu tentang ranking IPT di persada antarabangsa. Saya ingin memberi penjelasan ini. Saya akan mengambil sedikit masa Tuan Yang di-Pertua kerana saya harus memberi penjelasan ini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat sedar bahawa universiti-universiti di Malaysia ini juga ada kualitinya dan rankingnya tersendiri. Kementerian mempunyai iltizam yang tinggi dan komited untuk memastikan institusi pengajian tinggi di Malaysia setanding dengan IPT luar negara.

■1220

Pelbagai usaha dilakukan bagi merealisasikan hasrat tersebut termasuklah mengambil bahagian dalam penilaian ranking universiti bagi mengetahui tanda aras semasa IPT tempatan. Walaupun IPT tempatan masih tidak dapat tersenarai dalam 200 universiti terbaik dunia, namun usaha

yang bersungguh-sungguh telah dilaksanakan dan akan diteruskan bagi memastikan hasrat tersebut tercapai dengan jayanya. Sekiranya dirujuk kepada kedudukan universiti penyelidikan iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia dalam *QS University Rankings: Asia* dari tahun 2010 hingga tahun 2013, kesemua universiti penyelidikan kita berada dalam kedudukan 80 terbaik.

Sebagai contoh bagi tahun 2013, Universiti Malaya berada pada kedudukan ke-33, Universiti Kebangsaan Malaysia kedudukan ke-57, Universiti Sains Malaysia ke-61, Universiti Teknologi Malaysia ke-68 dan Universiti Putra Malaysia ke-72. Sementara dalam *QS World University Rankings* dari tahun 2008 hingga tahun 2013 pula, kelima-lima universiti penyelidikan kita berada dalam kedudukan 400 terbaik melainkan kedudukan Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 2011 di kedudukan 401 hingga 450 dan Universiti Putra Malaysia pada tahun 2013 di kedudukan 411 hingga 420. Sebagai contoh bagi tahun 2013, Universiti Malaya berada pada kedudukan 167, Universiti Kebangsaan Malaysia ke-269, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia berkongsi kedudukan ke-355 dan Universiti Putra Malaysia kedudukan 411 hingga 420.

Untuk makluman Ahli Dewan Negara sekalian, kementerian berpandangan bahawa ranking sesebuah IPT lebih relevan jika penanda arasnya dilihat daripada aspek bidang pengajian. Hasil keputusan terkini *QS World Rankings by Subject 2014* memperlihatkan pencapaian yang sangat memberangsangkan iaitu lapan buah universiti kita iaitu lima universiti penyelidikan iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Multimedia telah berjaya memenuhi kriteria standard antarabangsa menerusi penilaian 30 bidang pengajian dan seterusnya melakarkan kedudukan dalam 200 senarai terbaik dunia.

Di samping itu, Universiti Sains Malaysia telah membanggakan negara dengan menduduki tempat ke-38 bagi bidang kejuruteraan kimia dan tempat ke-30 dalam bidang sains alam sekitar dalam penilaian *QS World Rankings by Subject 2013*. Kecemerlangan Universiti Sains Malaysia diteruskan dalam bidang sains alam sekitar ini apabila menduduki tangga ke-28 dunia dalam penilaian *QS World Rankings by Subject 2014*. Sementara itu, Universiti Kebangsaan Malaysia pula telah mencatatkan kecemerlangan apabila menduduki tangga ke-19 terbaik dunia bagi 50 universiti yang berusia 50 tahun ke bawah dalam penilaian *QS University Rankings, top 50 under 50* tahun 2013.

Sebagai tambahan, Universiti Putra Malaysia telah mencatatkan kecemerlangan apabila menduduki tangga ke-19 dalam dunia dalam *UI GreenMetric World University Ranking 2012*. Kedudukan tersebut diperbaiki dan Universiti Putra Malaysia terus cemerlang dengan kedudukan ke-16 dunia dalam *UI GreenMetric World University Ranking 2013* mengatasi *National University Singapore* yang hanya menduduki tangga ke-44.

Biarlah kita ceritakan kecemerlangan ini Tuan Yang di-Pertua. Kecemerlangan ini terlakar dalam semua dokumen antarabangsa. Jangan asyik kita katakan universiti kita tercorot, tercorot, tercorot. Pencapaian ini kita akan ketengahkan. Maklumkan kepada rakyat, ini pencapaian kita. Kita sedar, kita akan terus memastikan pencapaian ini ditingkatkan. Hasrat kita memberi pelajar-pelajar

universiti yang terbaik. Bukan sahaja itu, dengan izin, *we need employable graduate and that's what we are focusing at* Tuan Yang di-Pertua. *Thank you very much* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Jaspal juga membangkitkan, adakah penubuhan hab pendidikan di negara ini bertujuan untuk meningkatkan ekonomi atau bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi merealisasikan hasrat dan aspirasi Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi, pihak kementerian menekankan pembangunan ekonomi melalui penubuhan dan pengoperasian IPTS yang bereputasi, bertaraf antarabangsa dan diiktiraf agar ia dapat seterusnya melahirkan modal insan yang berinovasi dan berdaya saing di peringkat antarabangsa bagi mengangkat dan mentransformasikan Malaysia menjadi negara maju.

Yang Berhormat Dato' Jaspal juga membangkitkan isu pendidikan pengajian tinggi di Malaysia sudah terlalu liberal, mohon supaya kolej-kolej kecil digabungkan dan ditingkatkan kualiti pendidikan...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya mencelah sedikit Tuan Yang di-Pertua?

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Biar saya habiskan dulu Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian meliberalisasikan sektor pengajian tinggi swasta untuk memastikan IPTS-IPTS lebih kompetitif bagi meningkatkan reputasi pengajian tinggi swasta negara. Kementerian tidak berhasrat untuk menjadi terlalu liberal, tetapi sebaliknya untuk mengawal sektor pengajian tinggi swasta negara yang diliberalisasikan melalui peraturan domestik. Cadangan bagi menggabungkan kolej-kolej kecil merupakan kaedah yang sedang dikaji oleh pihak kementerian dan ia merupakan sebahagian daripada strategi liberalisasi bagi meningkatkan tahap kompetitif IPTS khususnya IPTS berstatus kolej. Yang Berhormat yang mohon pencelahan tadi.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya alu-alukan kejujuran Yang Berhormat Timbalan Menteri bila mengatakan bahawa salah satu matlamat menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi ini ialah bersifat ekonomik. Saya berterima kasih atas kejujuran memberikan jawapan seperti itu. Akan tetapi kalau ini dijadikan sebagai matlamat ekonomi, saya rasa sebagai mana juga matlamat-matlamat ekonomi yang lain, kita mesti mempunyai unjuran umpamanya 20 tahun dari sekarang, apa yang kita harapkan dengan menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi ini.

Selain dari itu juga, apabila kita melaksanakan pembangunan ekonomi, yang tidak boleh dilupakan ialah akibat-akibat sosial yang lain daripada pembangunan ekonomi yang tidak seimbang. Ertinya akan berlaku pelebaran jurang antara yang berada dengan tidak berada, jurang antara bandar dan luar bandar, jurang antara kita dengan pelajar-pelajar yang kita didik itu. Jadi, ini saya minta supaya diberi perhatian agar jangan nanti kata orang kita melabur tetapi apa yang kita labur itu tidak membawa pulangan yang kita harapkan. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya terima baik apa yang telah dibangkitkan tadi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apabila kita katakan tentang liberalisasi tadi, Yang Berhormat juga sentuh pengliberalisasian yang kita maklumkan di pendidikan tinggi swasta berkait dengan pengliberalisasian perkhidmatan dan bukannya pengliberalisasian pendidikan. Untuk makluman, pengliberalisasian pendidikan tinggi swasta ini akan menggerakkan

pelaburan dan pelabur asing supaya IPT luar negara ditubuhkan di negara ini yang akan meningkatkan daya saing antara IPTS.

Kejujuran ini bukan sahaja saya sebagai Timbalan Menteri di Kementerian Pendidikan, malah Kementerian Pendidikan Malaysia secara seluruhnya dari Yang Amat Berhormat Menteri, Menteri Pendidikan I, Tan Sri Dr KSU, Profesor KSU iaitu Dato' Dr. Zaini Ujang dan semua kakitangan dan pegawai-pegawai di Kementerian Pendidikan Malaysia, memang jujur untuk melaksanakan komitmen ini. Ini kerana kita tahu dan kita sedar bahawa masa depan negara kita ini memang dalam arus pendidikan.

Semua, daripada semua pegawai di Kementerian Pendidikan Malaysia, kita memang bertekad untuk memastikan hala tuju dan masa depan negara ini dibawa naik bersama untuk memartabatkan lagi pendidikan negara kita. Itu hasrat kita, kami perlu kerjasama dan sokongan dari semua Ahli-ahli Dewan Negara untuk menguar-uarkan pencapaian, menguar-uarkan kecemerlangan.

Kementerian Pendidikan, sekolah rendah, sekolah menengah, IPTA, IPTS, kolej vokasional, kolej komuniti, politeknik dan semua termasuk prasekolah juga merupakan pencapaian kita yang boleh kita banggakan. Ceritakanlah kepada rakyat kebanggaan dan kecemerlangan kita juga.

Yang Berhormat Dato' Jaspal juga membangkitkan bagaimana Kementerian Pendidikan Malaysia akan menangani isu kualiti pelajar IPTS atau IPTA agar boleh dipasarkan selepas mereka menamatkan pengajian. Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Program Kebolehpasaran Graduan untuk melengkapkan graduan dari aspek kelayakan profesional dalam pelbagai sektor.

Program ini memberi tumpuan kepada pelajar semester tahun akhir yang mempunyai purata nilai gred kumulatif 2.5 dan ke bawah serta pelajar dari bidang pengajian yang kurang mendapat permintaan daripada industri. Program ini terbahagi kepada tiga kluster utama iaitu *Structured Internship*, Program Pentauliahan Profesional (*Certification Programme*) dan *Bridging the Gap*.

■1230

Kesemua program ini dirangka dengan jaringan erat bersama industri dan IPTA sekali gus memberi pelajar program berbentuk *industry driven* dan graduan memenuhi kehendak industri semasa. Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mewujudkan Program Pusat Kecemerlangan Industri, *Industry Center of Excellence (ICoE)* dengan izin, sebagai platform untuk memberi pendedahan secara *hands on*, kemahiran *soft skills* dan *hard skills* kepada pelajar dan tenaga pengajar melalui pembangunan kurikulum, latihan industri dan pendedahan industri. Pendedahan kepada pelajar dibuat seawal semester pertama pelajar mengikuti pengajian di IPT.

Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi Abdullah, sahabat saya yang membangkitkan beberapa isu semalam. Untuk mengkaji balik yuran kolej swasta agar anak-anak tempatan dapat memasuki kolej atau universiti swasta kerana didapati yuran yang dikenakan oleh pihak IPTS pada masa ini terlalu mahal. Yang Berhormat, pihak kementerian mengawal selia yuran pengajian yang dikenakan di IPTS supaya ia berpatutan dengan kualiti perkhidmatan yang diberikan. Di mana walaupun pihak IPTS

diberikan kebenaran dalam menetapkan yuran pengajian di institusi masing-masing, ia perlu mendapat kelulusan daripada pihak kementerian terlebih dahulu.

Kepelbagaian program pengajian dan kehadiran IPTS yang pelbagai dengan yuran pengajian yang pelbagai memberi peluang dan ruang yang cukup luas kepada pelajar untuk memilih IPTS yang bersesuaian mengikut kecenderungan bidang pengajian yang ingin diikuti dan kemampuan kewangan pelajar. Kursus pengajian yang berkualiti seperti yuran pengajian yang relevan boleh menjadi satu indikator kepada pelajar dalam membuat pemilihan IPTS yang bersesuaian. Buku informasi IPTS yang mengandungi maklumat berkaitan program pengajian dan yuran pengajian yang ditawarkan di IPTS juga dilihat dapat membantu para pelajar membuat perbandingan dalam memilih IPTS yang bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan masing-masing.

Yang Berhormat juga membangkitkan sama ada saringan dibuat kepada kolej swasta yang akan dibuka di Malaysia. Setiap permohonan penubuhan baru IPTS akan dinilai oleh pihak panel yang dilantik oleh pihak kementerian semasa sesi pembentangan kertas cadangan penubuhan IPTS baru oleh pihak pemohon. Di mana pihak panel akan menilai permohonan tersebut berdasarkan kriteria-kriteria dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian. Keputusan panel tersebut akan dinilai oleh pengurusan tertinggi sebelum diangkat untuk pertimbangan dan keputusan oleh Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi juga, apakah kajian telah dibuat dalam isu menarik pelajar antarabangsa ke Malaysia. Adakah gejala sosial yang dibawa oleh pelajar asing ini telah dikaji. Yang Berhormat, kementerian akan sentiasa memantau isu pelajar antarabangsa dan akan bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain, agensi-agensi berkaitan dalam menangani isu gejala sosial yang berkaitan dengan pelajar antarabangsa. Sebagai contoh, kementerian telah bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri dan agensi berkaitan seperti Jabatan Imigresen bagi menangani isu penyalahgunaan pas pelajar.

Berhubung dengan kajian pengantarabangsaan iaitu bagi menarik pelajar antarabangsa ke Malaysia, perlu ditekankan di sini bahawa kementerian akan sentiasa memantau perkembangan semasa pengantarabangsaan agar sektor pengajian tinggi negara dapat memenuhi keperluan dan perkembangan semasa. Kementerian juga sedia menyediakan *blue print* pengantarabangsaan selain melaksanakan perancangan mobiliti pelajar dengan kerajaan luar negara seperti Australia menerusi Pelan Colombo dan sebagainya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Hendak habis dah.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, silakan.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: *Last laps.*

Tuan Yang di-Pertua: Okey, silakan Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terakhir. Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi juga, apakah dasar pengurusan dan pengambilan pelajar di antarabangsa di IPTS dikemas kini dan diketatkan? Sejak AMGS ditubuhkan, pelbagai dasar, syarat dan kriteria telah disemak semula dan

dikemaskinikan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan amalan pengurusan pelajar antarabangsa. Perkara ini dilakukan bagi menambah baik kualiti serta bagi mengadakan amalan terbaik bagi menjaga kebajikan pelajar antarabangsa khususnya dalam aspek pengurusan dan pengambilan pelajar antarabangsa oleh pihak IPTS.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan-jawapan saya. Saya harap saya telah memenuhi nasihat Tuan Yang di-Pertua kerana soalan-soalan yang dibangkitkan berkualiti. Saya harap jawapan-jawapan yang diberi oleh Kementerian Pendidikan juga berkualiti. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana rasa jawabannya tidak terjawab, sila hubungi saya. Saya akan cuba sedaya upaya untuk memberi maklumat terperinci kepada Yang Berhormat. Akhir kata dua rangkap pantun dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

*Terbang selisih si burung kedidi,
Terbang berduyun di waktu pagi,
Terima kasih daun keladi,
Di persidangan yang akan datang kita jumpa lagi.*

*Bersarang lebah di pohon palas,
Burung kelicap di pohon selasih,
Pengetahuan bertambah penerangan jelas,
KPM mengucapkan terima kasih.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih banyak-banyak. Ada pantun pula sekali. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun menjawab dan saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat. Yang telah mengambil bahagian membahaskan rang undang-undang ini, seelok-eloknya hadir dalam Dewan kerana tadi contohnya banyak perkara jawapan diberi berkenaan, ada disebut beberapa nama tadi. Kalau dia tidak ada dalam Dewan, maknanya manfaatnya Yang Berhormat tidak dapat menghayati. Oleh yang demikian, saya menyarankan kalau boleh ini hari terakhir dan saya minta dengan izin, *focus your mind set* ke dalam Dewan, tumpukan sepenuhnya untuk menjadikan sebagai Dewan yang betul-betul bertanggungjawab. Terima kasih Yang Berhormat.

Juga saya ingin menarik perhatian semua sebelum saya pergi ke tajuk lain. Saya minta sekarang ini kita ada dua rang undang-undang lagi. Daripada mula hari itu saya dengan timbalan menyatakan sila kemukakan nama. Saya telah menerima beberapa nama untuk berbahas dalam dua rang undang-undang ini. Seperti contohnya Yang Berhormat Puan Norliza, Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid, Yang Berhormat Datuk Lihan Jok, Yang Berhormat Dato' Dayang Hajah Madinah, Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf, Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun, Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Berhormat Hajah Khairiah, Yang Berhormat Dato' Goonasakaren, Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad, Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @

Ahamad bin Yusop, Yang Berhormat Puan Bathmavathi, Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan, Yang Berhormat Puan Shahanim.

Selepas ini saya fikir inilah orang-orang yang saya harap berada dalam Dewan dan kita cuba selesaikan ini semua sebelum kerana ini hari terakhir, bulan puasa, Yang Berhormat mungkin hendak balik dan sebagainya. Saya harap inilah nama-nama yang saya akan panggil nanti dan saya harap sedia berada dalam Dewan dan mengambil bahagian dengan penuh bertanggungjawab. Tanpa membuang masa sekarang ini seterusnya tadi Yang Berhormat telah menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Pengerusi **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 49** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN (PINDAAN) 2014

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara berkaitan atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, fenomena kenaikan harga yang berlaku di Malaysia antara lain disebabkan oleh faktor-faktor ekonomi seperti permintaan dan penawaran serta

peningkatan dalam kos pengeluaran. Walau bagaimanapun, terdapat juga kenaikan harga barang yang tinggi dan tidak munasabah adalah disebabkan oleh sesetengah peniaga yang mengambil kesempatan memanipulasi pasaran dengan menaikkan harga barangan untuk mendapat keuntungan secara berlebihan. Hal ini telah membebankan pengguna dan perkara ini perlu ditangani dengan segera melalui penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

Sebagai kementerian yang prihatin dan juga bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan pengguna, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan terutama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk mengkaji dan meneliti setiap pandangan dan aduan yang diutarakan oleh orang ramai. Seterusnya jika sekiranya aduan tersebut terbukti benar-benar, suatu tindakan tegas perlu diambil oleh KPDNKK. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah memutuskan untuk meminda Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 selaras dengan keperluan semasa untuk menangani isu kenaikan harga.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan dalam Bajet 2014 telah mencadangkan cukai jualan dan cukai perkhidmatan atau *sales tax and service tax* dimansuhkan dan diganti dengan satu cukai sahaja yang dikenali dengan nama cukai barang dan perkhidmatan atau *goods and services tax* iaitu GST yang akan berkuat kuasa pada 1 April 2015.

Selaras dengan pelaksanaan GST, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan telah diberi tanggungjawab untuk meningkatkan usaha penguatkuasaan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 agar tiada peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga barangan dan mengenakan caj perkhidmatan sewenang-wenangnya dengan menggunakan GST sebagai alasan. Sekiranya ini berlaku, GST akan dilihat sebagai membebankan rakyat dari segi kenaikan harga barangan dan caj perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pertumbuhan yang seiring dengan kestabilan harga adalah penting dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat. Kawalan bagi menstabilkan harga barangan, makanan dan keperluan harian adalah perlu kerana kenaikan harga barangan memberi sumbangan besar kepada peningkatan kadar inflasi di dalam negara. Sehubungan dengan itu, usaha perlu terus dipergiatkan untuk memastikan harga adalah sentiasa stabil supaya kadar inflasi dapat dikawal. Antara langkah-langkah yang sedang dilaksanakan termasuk memantau pergerakan harga dan mencegah peningkatan harga yang melampau dan amalan jualan yang tidak sihat. Keadaan ini mengukuhkan lagi kepentingan pelaksanaan kaedah atau *instrument* yang boleh membantu melindungi kepentingan pengguna di Malaysia.

Pada 1 April 2011, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723] telah dikuatkuasakan di Malaysia yang menggantikan Akta Kawalan Harga 1946. Dalam usaha memastikan pengguna dilindungi daripada peniaga yang mengenakan harga barangan atau caj perkhidmatan yang tidak munasabah, Akta 723 telah dikaji semula bagi meminda peruntukan sedia ada dan memasukkan peruntukan-peruntukan baru bersesuaian dengan keperluan dan perkembangan semasa. Seterusnya memastikan kawalan harga dan anti pencatutan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri yang diadakan pada 4 Jun 2014 antara lain juga telah bersetuju agar Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014 dipinda dengan memasukan beberapa peruntukan baru. Izinkan saya seterusnya memaklumkan beberapa ciri utama rang undang-undang ini iaitu:

- (i) pindaan kepada takrifan dan pelantikan;
- (ii) penambahbaikan berkaitan penentuan harga dan caj;
- (iii) peruntukan berkaitan dengan pencatutan;
- (iv) penambahan mengenai kewajipan untuk menyimpan rekod; dan
- (v) peruntukan mewujudkan kuasa untuk meminda jadual.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai dengan pindaan kepada takrifan. Di bawah seksyen 2, pindaan kepada takrif pegawai yang diberi kuasa dipinda ekoran daripada pindaan kepada seksyen 3 yang dicadangkan yang bertujuan untuk membolehkan pegawai pihak berkuasa tempatan diberi kuasa untuk menjalankan kuasa di bawah Akta 723. Manakala di bawah subseksyen 3(6), Menteri boleh memberi kuasa kepada mana-mana pegawai awam untuk menjalankan semua atau mana-mana kuasa di bawah akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah akta ini. Seksyen 3 Akta 723 dipinda dengan menggantikan subseksyen (6) dengan subseksyen baru yang menyatakan bahawa Menteri boleh memberi kuasa mana-mana pegawai awam atau pegawai pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan semua atau mana-mana kuasa di bawah akta ini.

Dalam peruntukan subseksyen (6), Akta 723 sedia ada, Menteri tidak boleh memberi kuasa kepada seseorang pegawai pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan semua atau mana-mana kuasa di bawah Akta 723. Dengan pindaan ini, pegawai yang berkhidmat dengan pihak berkuasa tempatan boleh dilantik untuk melaksanakan semua atau mana-mana kuasa di bawah akta ini. Dengan memperluaskan kuasa kepada pegawai pihak berkuasa tempatan secara amnya, penguatkuasaan Akta 723 dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan di seluruh negara melalui Strategi Lautan Biru supaya rakyat dapat menikmati kestabilan harga dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai dengan penambahbaikan berkaitan penentuan harga dan *charge*. Sebelum ini sistem pencukaian semasa tidak mempunyai peruntukan untuk menuntut balik atau kredit cukai input terhadap cukai output selaras dengan pengenalan sistem pencukaian baru GST yang membenarkan orang kena cukai untuk menuntut balik atau kredit cukai input terhadap cukai output seksyen baru 10A iaitu harga atau caj yang dikenakan tidak boleh termasuk butiran tertentu diwujudkan. Pada masa yang sama GST juga ada peruntukan bagi kelayakan pembayaran balik khas bersamaan dengan amaun cukai jualan berkenaan dengan barang yang ada dalam pegangan.

Sehubungan dengan itu, Akta 723 dipinda dengan memasukkan seksyen iaitu 10A untuk memastikan mana-mana orang yang membekalkan atau menawarkan untuk membekal apa-apa barangan atau perkhidmatan tidak boleh memasukkan apa-apa butiran yang dinyatakan dalam jadual yang termasuk cukai sebagai sebahagian daripada harga bagi barangan ataupun *charge* bagi perkhidmatan itu.

■ 1250

Di bawah jadual cukai yang tidak boleh dikenakan ke atas harga atau caj ialah apa-apa kredit bagi cukai input terhadap cukai output di bawah seksyen 38 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan apa-apa pembayaran balik khas cukai jualan di bawah seksyen 190, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Kegagalan mana-mana orang yang tidak mematuhi peruntukkan tersebut adalah satu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan penalti seperti berikut:

- (i) jika orang itu satu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi RM500,000 dan sebagai kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi RM1 juta; atau
- (ii) jika orang itu bukan satu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai dengan peruntukan berkaitan dengan pencatutan. Subseksyen 15(1), Akta 723 memperuntukkan bahawa Menteri hendaklah menetapkan mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah dan jenis mekanisme yang berlainan boleh ditetapkan untuk memenuhi keadaan dan hal keadaan yang berlainan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

Pindaan telah dicadangkan untuk memasukkan subseksyen baru iaitu (1A) yang bertujuan untuk membolehkan Menteri menentukan suatu tempoh tertentu yang tidak boleh ada kenaikan margin keuntungan bersih bagi apa-apa barangan atau perkhidmatan sebagai salah satu mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah.

Subseksyen (2) turut dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (2)(b) perenggan baru iaitu perenggan (b)(b) untuk membenarkan Menteri mempertimbangkan apa-apa kos yang ditanggung dalam perjalanan atau penerusan perniagaan dalam merumuskan mekanisme. Pindaan-pindaan ini bertujuan untuk memperjelaskan punca kuasa Menteri dalam merumuskan mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai dengan pertambahan mengenai kewajipan untuk menyimpan rekod. Dalam memastikan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan berkesan terutamanya dalam menjalankan siasatan, seksyen baru 53A ditambah dengan meletakkan tanggungjawab ke atas mana-mana orang yang membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan apa-apa barangan atau perkhidmatan untuk menyimpan dan menyenggara rekod yang wajar termasuk rekod jualan, rekod pembelian dan lain-lain dokumen berhubung dengan kendalian perniagaan.

Rekod yang dimaksudkan juga perlu dipelihara, tersedia untuk pemeriksaan serta dikemaskinikan dalam keadaan teratur dan baik bagi tempoh tujuh tahun daripada tarikh terakhir berhubung dengan rekod itu. Kegagalan mana-mana orang yang tidak mematuhi peruntukan di atas

adalah satu kesalahan. Keperluan menyimpan rekod ini adalah penting bagi tujuan pembuktian dalam pelaksanaan penguatkuasaan terutamanya dalam penyiasatan pencatutan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan mewujudkan kuasa untuk meminda Jadual. Selaras dengan cadangan pindaan yang memasukkan seksyen baru 10A yang melibatkan Jadual, adalah dicadangkan supaya seksyen baru 60A dimasukkan untuk memberi Menteri kuasa meminda jadual melalui perintah yang disiarkan dalam warta dari semasa ke semasa tertakluk kepada keperluan dan kewajaran.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pengenalan undang-undang ini di Malaysia adalah bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk memastikan rakyat tidak dibebani dengan harga barang atau caj perkhidmatan yang melambung tinggi. Pindaan yang dibuat di atas Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dengan memasukkan peruntukan baru juga adalah selaras dengan keperluan untuk melindungi pengguna daripada peniaga yang akan menaikkan harga sewenang-wenangnya. Ini juga dapat membantu kerajaan untuk meyakinkan rakyat bahawa kerajaan mampu menangani isu kenaikan harga yang melampau. Undang-undang ini tidak sama sekali bertujuan untuk menyekat peniaga daripada membuat keuntungan tetapi bertujuan untuk memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barang atau perkhidmatan pada paras yang tidak munasabah sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis, rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Sebelum Yang Berhormat berbahas, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat. Harap bersedia nama-nama yang telah dikemukakan telah pun saya terima dan saya harap Yang Berhormat akan berada dalam Dewan apabila nama dipanggil. Sekarang, tanpa membuang masa saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi.

12.56 tgh.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan keizinan untuk saya turut sama membahaskan rang undang-undang iaitu akta untuk meminda Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Saya ingin memulakan perbahasan saya dengan menyatakan sokongan saya kepada pindaan ini atas beberapa faktor seperti mana yang telah diterangkan tadi, saya kira kita jelas bahawa akta ini ada kaitan yang rapat dengan pengenalan cukai barangan dan perkhidmatan bagi menggantikan cukai-cukai lama iaitu cukai perkhidmatan dan cukai barangan. Saya kira ini amat penting bagi memastikan

pelaksanaan cukai GST ini benar-benar menepati semangat dan juga dapat menghuraikan segala kekusutan dan juga kegelisahan rakyat berkenaan dengan kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku terhadap kos harga barangan yang akan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu untuk membahaskan, ada dua perkara yang saya ingin mengambil perhatian dalam konteks akta yang ingin dipinda ini. Pertamanya ialah dalam kerangka penentuan harga dan juga caj. Seperti yang kita maklum bahawa dalam pindaan akta ini, ada lima perkara. Saya tidak mahu untuk berhujah berkenaan dengan kelima-limanya tetapi saya ingin memfokuskan terhadap aspek yang kedua iaitu yang dibangkitkan tadi khususnya dalam konteks pindaan seksyen 15.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kerana masa menunjukkan tepat jam 1 tengah hari, kita terpaksa berhenti dan kita sambung semula pada jam 2.30 petang nanti. Yang Berhormat boleh sambung semula apabila kita mula jam 2.30 nanti dan juga saya harap semua Ahli Yang Berhormat bersedia untuk buat perbahasan. Sekian, terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

■1430

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, kita mempersilakan Yang Berhormat Dr. Asyraf Wajdi untuk meneruskan perbahasan Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

2.33 ptg.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon izin untuk teruskan perbahasan saya berkenaan dengan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014.

Hujah saya yang pertama Tuan Yang di-Pertua, isu yang paling utama dalam pindaan ini adalah dalam konteks antipencatutan atau, dengan izin, *profiteering*. Dalam seksyen 15, akta ibu yang dipinda, telah dimasukkan ataupun dicadangkan untuk dimasukkan selepas subseksyen (1) iaitu subseksyen yang menyebutkan bahawa mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah yang disebut dalam subseksyen (1) adalah termasuk, "*Menteri menentukan suatu tempoh yang tidak boleh ada kenaikan margin keuntungan bersih bagi apa-apa barangan atau perkhidmatan*".

Isu berkenaan dengan penentuan harga ini sebenarnya satu isu yang amat sensitif dan amat besar. dalam konteks agama pun, dalam konteks Islam Tuan Yang di-Pertua, ia boleh jadi haram, ia boleh jadi harus. Bahkan perbahasan ulama-ulama terdahulu dalam tradisi keilmuan Islam ini, penentuan harga oleh pemerintah ataupun campur tangan pemerintah terhadap menentukan harga sesuatu barangan yang ditentukan oleh pasaran iaitu penawaran dan permintaan. Kalau kerajaan itu campur tangan, ulama terdahulu mengatakan ia adalah haram.

Akan tetapi, dalam perbincangan ulama kontemporari termasuklah mengikut Mazhab Hambali, Syaikhul Islam Ibnu Taimiyyah dalam kitab Majmu' Al-Fatawa dia menyebutkan bahawa ada dua jenis hukum berkenaan dengan penentuan harga ini. Dia boleh jadi haram dan dia boleh jadi harus.

Haramnya apabila pemerintah itu campur tangan dengan menzalimi peniaga, pemborong sehingga menyekat hak mereka untuk mendapatkan keuntungan yang sah disebabkan oleh pasaran berasaskan penawaran dan juga permintaan tadi. Ini berlandaskan hadis Nabi SAW, kalau dengan izin, saya boleh bacakan. Nabi pernah satu hari diminta oleh sahabat-sahabat kerana pada waktu itu keadaan harga semakin lama semakin tinggi, semakin meningkat. Pada waktu sahabat bertanya kepada Nabi, Ya Rasulullah, apakah mungkin Baginda campur tangan dalam harga barangan yang sedang naik?

Nabi dengan tanpa segan-silu menyatakan... [*Menyebut sepotong ayat dalam bahasa Arab*], bermaksud, "*Sesungguhnya hanya Allah yang menentukan harga*"... [*Menyebut sepotong ayat di dalam bahasa Arab*] bermaksud, "Dan pemberi rezeki"... [*Menyebut sepotong ayat di dalam bahasa Arab*] bermaksud, "*Aku tidak mahu pada hari akhirat kelak, aku bertemu dengan Allah pada keadaan di mana manusia menuntut daripada aku apa yang aku ambil daripadanya*", dalam konteks hak harta tadi. Kerana dalam Islam ini, kita tak boleh mengambil harta sesuka hati yang merupakan hak kepada peniaga ataupun perdagangan.

Ini dalam konteks yang pertama. Akan tetapi, ulama-ulama juga berbeza pandangan seperti mana yang disebutkan oleh Syaikhul Ibnu Taimiyyah. Dia juga boleh diharuskan sekiranya di situ ada hujah-hujah yang kuat dan kukuh untuk campur tangan kerajaan atau pemerintah untuk memastikan tidak ada unsur-unsur penyelewengan, penindasan seperti monopoli ataupun pemaksaan kepada pelanggan-pelanggan dengan meletakkan harga yang tidak munasabah. Yang ini kalau mengikut pandangan ulama, perlu diperhatikan secara terperinci bagaimanakah pendekatan yang hendak dilakukan oleh sesebuah pemerintah itu agar apabila ditentukan sesuatu harga itu dia tidak mengambil hak peniaga dan pemborong sehingga mereka rugi tanpa sebarang tindakan yang bersifat adil.

Dalam konteks ini, saya kira akta ini kita semua bersetuju. Saya sendiri bangun sebagai pembahas pertama, bersetuju bahawa akta ini perlu dalam kerangka dunia pasaran hari ini yang banyak sekali penipuan dan penyelewengan.

Cuma persoalan yang perlu dibangkitkan kepada kementerian, dengan adanya pindaan kepada akta yang saya sebutkan tadi, kita inginkan penjelasan bagaimanakah pihak kementerian hendak mengadakan satu model atau mekanisme hendak memastikan dalam hendak menentukan keuntungan ataupun hendak campur tangan dalam menentukan keuntungan yang dikatakan tinggi tadi. Sebab bila kata keuntungan tinggi ini, dia *very subjective*, dengan izin. Dia adalah subjektif. Apakah 10% keuntungan itu tinggi atau adakah 100% tinggi atau 200% itu tinggi kerana dalam tradisi Islam pun tidak ada satu had keuntungan itu.

Kalau adanya *demand* dan *supply*, dengan izin, penawaran dan juga permintaan, kalau misalnya masing-masing bersetuju dengan harga tersebut, tidak ada masalah. Oleh sebab itu dalam

al-Quran disebutkan prinsip ini. Dalam surah An-Nisaa', ayat 29, Allah menyebut... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Ini prinsip penting dalam penentuan harga ataupun pasaran dalam Islam.

Dalam Al-Quran, Allah menyebut, "*Wahai orang-orang beriman, janganlah kamu memakan harta sesama kamu*". Maksudnya tidak kiralah, harta sesama orang Islam ataupun dengan bukan Islam secara tidak adil... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Melainkan perniagaan itu ataupun urusan niaga itu dilakukan dengan cara reda-meredai, restu-merestui. Ini dalam konteks pasaran terbuka. Maksudnya penawaran dan juga permintaan itu harus diberikan kebebasannya. Kita pun berpegang kepada prinsip *free market*, pasaran bebas. Itu ialah prinsip yang diambil dalam konteks Islam itu sendiri. Akan tetapi, apabila di sana adanya unsur-unsur monopoli, adanya unsur-unsur penindasan, adanya unsur-unsur penipuan, penyelewengan dan sebagainya, maka di situ perlu ada campur tangan daripada pemerintah dan juga kerajaan.

Dalam konteks ini seperti mana yang saya sebutkan tadi. Akan tetapi kita ingin mengetahui. Dalam konteks Dewan ini, saya ingin mengajukan kepada kementerian, apakah pendekatan yang munasabah, yang dikatakan munasabah tadi hendak menentukan keuntungan yang tinggi tadi. Yang ini mustahak untuk kita mendapatkan respons daripada pihak kementerian.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, seperti mana dalam pembukaan tadi, kita semua sudah maklum bahawa akta ini perlu dipinda bagi memastikan pelaksanaan GST itu dapat dilaksanakan dengan berkesan dan bersifat adil, tidak menimbulkan riak-riak yang boleh mencetuskan keresahan dan juga kezaliman kepada rakyat jelata.

Dalam konteks ini, seperti mana yang kita dengar daripada cadangan pihak kementerian, akan diadakan satu pindaan pula dengan memasukkan subseksyen ataupun seksyen baru 10A yang akan memberikan ataupun yang akan mengambil kira caj...

■1440

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada tiga minit lagi Yang Berhormat ya.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Yang akan mengambil kira caj-caj ataupun peruntukan balik ataupun kredit, rebat bagi cukai input dan output. Ini mustahak untuk memastikan tidak ada pembayaran berganda-ganda ataupun dikenakan caj berganda-ganda kerana cukai yang dikenakan daripada pihak pemborong sehinggalah di peringkat peniaga akhir yang akhirnya akan membebankan pelanggan.

Cuma, apa yang sering menghantui rakyat hari ini, di luar sana tohmahan dan juga persepsi yang dibangkitkan oleh rakyat berkenaan dengan GST ini ialah soal pelaksanaan. Pelaksanaan dalam erti kata bagaimanakah kerajaan dapat memberikan jaminan kepada rakyat agar tidak di sana berlakunya penipuan oleh pihak-pihak yang mengenakan caj ini secara sewenang-wenangnya walaupun mereka mendapat balik rebat 6% itu daripada *supply chain* itu ataupun talian penawaran itu daripada pihak pemborong dan sebagainya, mereka dapat rebat tetapi caj-caj ini akan dikenakan.

Betul kita ada akta pindaan ataupun seksyen baru yang diperkenalkan ini. Cantik seksyenya. Memang jelas mengatakan bahawa akan ada denda dan sebagainya tetapi kita ingin tahu, Dewan ingin tahu secara tuntas supaya dapat dikhabarkan kepada rakyat di luar sana apakah jaminan ataupun

mekanisme hendak memastikan bahawa pemantauan ini dapat dilakukan secara berkesan agar nantinya pelanggan ataupun rakyat yang menikmati ataupun terpaksa membeli barangan itu tidak dikenakan caj yang berganda-ganda. Ini lantaran harga yang sudah dinaikkan kerana mengambil kira kos-kos yang sebenarnya pihak pemborong, peniaga sudah pun mendapat rebat 6% seperti mana yang saya sebutkan tadi.

Yang ini mustahak untuk kita mendapatkan kepastian kerana kita semua sedia maklum terlalu banyak ketirisan, terlalu banyak penyimpangan, terlalu banyak penyelewengan yang berlaku dalam konteks pelaksanaan undang-undang ini. Kita tengok baru-baru ini kes diesel pun, "*Harapkan pegar, pegar makan padi.*" Ini apa yang berlaku dalam konteks diesel. Ini baru satu isu, banyak lagi isu lain, belum lagi isu pelaksanaan GST. Hakikat yang kita semua sudah pun setuju bahawa GST ini penting. Kalau tidak, takkan lah 190 buah negara atau lebih telah mengamalkannya dan tidak pernah satu negara pun yang tarik diri daripada memperkenalkan GST. Cuma kebimbangan yang ada *validnya*, ada keabsahannya dalam rakyat kita hari ini ialah bagaimana jaminan KPDNKK khususnya dan juga kementerian-kementerian lain dari segi pelaksanaan atau memastikan supaya...

Timbalan Yang di-Pertua: Gulung Yang Berhormat, gulung.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Ya saya akan gulung dalam masa 30 saat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: ...Memastikan supaya tidak berlakunya penyelewengan dan juga ketirisan yang akhirnya harga naik kerana tidak adanya pemantauan yang berkesan dan tidak ada tindakan yang berkesan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dua isu tadi yang saya bangkitkan adalah untuk mendapatkan penjelasan yang lebih tuntas dan lebih terperinci daripada kementerian. Akan tetapi walau bagaimanapun saya menyokong Rang Undang-undang ini untuk dipinda sebagaimana yang telah pun dicadangkan oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun. Silakan.

2.43 ptg.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sekali lagi memberi kesempatan kepada saya turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014 ini.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah sekali lagi kepada kerajaan kerana telah mengambil langkah proaktif memperkenalkan pindaan Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan ini bagi mengawal harga barangan dan perkhidmatan serta larangan untuk pencatutan dan mengambil keuntungan yang terlalu besar dengan mengeksploitasi orang ramai. Tuan Yang di-Pertua, langkah ini adalah untuk menjaga dan menjamin kepentingan pengguna sesuai dengan keperluan semasa kerana ini banyak berlaku. Oleh kerana itulah saya yakin rang undang-undang ini dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita mengamalkan ekonomi bebas dan harga ditentukan oleh permintaan dan penawaran. Namun terdapat peniaga yang telah memanipulasikan pasaran untuk mendapat keuntungan yang berlebihan menyebabkan peningkatan harga terutama di musim perayaan. Ini yang membimbangkan sangat Tuan Yang di-Pertua kerana biasanya ini berganda-ganda dan ramai yang mengambil kesempatan. Oleh kerana itu kerajaan telah pun menetapkan 12 jenis barangan kawalan seperti gula, tepung dan sebagainya di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 tetapi adalah penting untuk kerajaan menetapkan dan juga menggazet senarai harga barangan kawalan yang lain-lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita merujuk Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi tempoh Januari hingga April 2014 telah meningkat sebanyak 3.5% kepada 119.8 berbanding dengan 106.1 pada tempoh yang sama tahun lepas. Bagi tempoh berkenaan, indeks kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol dan indeks bukan makanan bagi bulan April 2014 masing-masing menunjukkan kenaikan sebanyak 3.6% dan 3.3%. Berbanding bulan yang sama, tahun 2013, kenaikan Indeks Harga Pengguna juga kepada tiga kumpulan utama iaitu makanan dan minuman bukan alkohol, perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api dan pengangkutan yang menyumbang 82.4% kepada kenaikan keseluruhannya yang dicatatkan dalam tempoh semasa.

Sementara itu, Indeks Harga Pengguna bagi tempoh Januari hingga Disember 2013 meningkat sebanyak 2.1% kepada 107.7 dibandingkan dengan 104.9 pada tempoh yang sama pada 2012. Tuan Yang di-Pertua, ini jelas menunjukkan telah berlaku kenaikan Indeks Harga Pengguna (IHP) setiap tahun. IHP Malaysia mula diterbitkan pada Februari 1987 dengan menggunakan tahun asas iaitu 1980. Tuan Yang di-Pertua, kenaikan Indeks Harga Pengguna menunjukkan keperluan untuk mengawal harga barangan ini jelas bukan sahaja ditentukan oleh penawaran dan permintaan tetapi berlakunya manipulasi harga terutama oleh pihak orang tengah.

Kemungkinan juga terdapat aktiviti menyorok barang terutama apabila musim-musim perayaan mula menjelang terutamanya gula, tepung, minyak masak dan telur. Saya menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) supaya menggempur orang tengah dan peruncit-peruncit yang tidak bertanggungjawab ini. Bagaimanapun, kita dapati penguatkuasaan KPDNKK ini didapati kurang berkesan dan tidak konsisten dalam tindakan yang diambil. Saya ingin mendapat penjelasan Tuan Yang di-Pertua, sama ada KPDNKK mempunyai kakitangan yang mencukupi atau di sebaliknya.

Untuk melaksanakan penguatkuasaan dengan lebih tegas lagi, apakah langkah kerajaan untuk memantapkan lagi tindakan penguatkuasaan KPDNKK untuk memastikan tindakan yang lebih menyeluruh bagi memastikan peniaga sama ada pengedar mahupun peruncit tidak memanipulasikan harga ataupun menyorokkan barang dan menjualnya dengan keuntungan yang berlebihan. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan KPDNKK sama ada akan mengambil pendekatan Strategi Lautan Biru dalam menangani atau menguatkuasakan harga barang. Mungkin secara bersama dengan RELA dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kerajaan akan melaksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) pada April 2015. Ini juga melahirkan kebimbangan kerana kemungkinan terdapat peniaga yang mengambil kesempatan dengan pelaksanaan GST ini untuk mengambil keuntungan yang berlebihan atas alasan GST.

■1450

Hari ini pun Tuan Yang di-Pertua, di mana barang naik pun dah salahkan kerajaan kerana dikatakan ini adalah disebabkan oleh GST. Inilah punya betapa lemahnya maklumat di kalangan masyarakat kita.

Saya percaya pindaan Rang Undang-undang Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan ini akan mampu membendung aktiviti peniaga yang tidak bertanggungjawab. Bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, sejauh manakah pindaan rang undang-undang ini mampu mengekang kenaikan inflasi bagi memastikan harga barangan pada kadar yang tidak membebankan rakyat dan mampu menjaga kepentingan pengguna keseluruhannya?

Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, peniaga ini dia naikkan harga barang itu sewenang-wenangnya. Apabila peniaga naikkan harga barang itu, masyarakat ramai biasanya salahkan kerajaan. Dia tidak nampak yang ada golongan tengah di situ yang mengambil peluang. Ini haruslah ditengok ataupun diperhatikan secara serius oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh pindaan seksyen 3, Akta 723 ini iaitu Menteri boleh memberi kuasa mana-mana pegawai awam atau pegawai pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan semua kuasa atau mana-mana kuasa di bawah akta ini. Pindaan ini adalah penting bagi membolehkan pegawai-pegawai pihak berkuasa tempatan berganding bahu dengan KPDNKK khususnya daripada segi penguatkuasaan bagi memastikan harga barangan yang stabil. Saya berharap kerajaan akan dapat menggunakan akta ini dengan berkesan dan berharap KPDNKK akan sentiasa memantau hingga ke akar umbi untuk melindungi pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyalahkan khususnya tentang di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu khususnya Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Ikhtisas Wanita di Jabatan Perdana Menteri yang kalau boleh dapat mengetengahkan Program Jom Niaga khususnya kepada kaum wanita kerana ini juga boleh membantu masyarakat wanita khususnya bagi meningkatkan ekonomi mereka. Ini kerana kami sedar sembilan persepuluh Tuan Yang di-Pertua, rezekinya datang daripada perniagaan dan kerana itu peniaga-peniaga yang dapat menggunakan platform perniagaan yang baik dengan dipantau dan tidak menekan rakyat itu akan memberi berkat kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya di hari akhir sesi Ramadhan tahun ini, saya mengambil kesempatanlah Tuan Yang di-Pertua untuk merakamkan ucapan selamat berpuasa kepada seluruh umat Islam dan selamat Hari Raya andainya kita tidak dapat berjumpa lagi kepada rakan-rakan terutama kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, kakitangan, media dan seluruh yang terlibat bagi sesi sidang kali ini.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga ingin mengucapkan selamat berpuasa kepada Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

2.54 ptg.

Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas dalam sokongan kepada rang undang-undang meminda Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Saya ingin menyokong rang undang-undang ini.

Sebelum saya ingin mengulas beberapa perkara, saya berpendapat kita boleh membuat banyak undang-undang tetapi yang lebih penting ialah pelaksanaan undang-undang berkenaan. Saya berpendapat telah banyak undang-undang terdapat di negara kita, isunya adalah kerana pelaksanaan yang lemah. Itulah sebabnya banyak rang undang-undang yang telah diluluskan di dalam Dewan ini tetapi tindakannya kurang berkesan hingga menimbulkan keadaan yang tidak baik bagi negara kita yang menyentuh kehidupan masyarakat umum khususnya.

Saya ucapkan tahniah rang undang-undang ini telah dapat membantu bagi melicinkan lagi pelaksanaan GST agar tidak ada lagi peniaga-peniaga yang ingin mengelak daripada membayar cukai yang sewajarnya. Di samping itu, rang undang-undang ini juga dapat mengelakkan cukai dibayar berganda dan juga dapat memberi wang kepada peniaga-peniaga yang telah membayar cukai untuk mendapat balik rebat seperti yang telah ditetapkan dalam garis panduan GST.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini juga telah menekankan berkaitan dengan anti pencatutan iaitu peniaga yang sentiasa ingin mengambil untung yang berlebihan. Kita melihat ini ialah satu perbuatan yang kurang sihat terutama bagi negara-negara membangun seperti juga negara kita Malaysia yang walaupun telah hampir menjadi sebuah negara maju, banyak peniaga ingin mengambil keuntungan yang terlalu lebih walaupun dalam agama semuanya melarang tetapi ia terus berlaku dengan sengaja dan melanggar undang-undang.

Antara barang-barang yang saya rasa naik harga adalah semasa waktu perayaan. Sebenarnya kita telah mempunyai banyak undang-undang yang boleh kita gunakan dan jika tindakan diambil dengan betul, saya percaya undang-undang yang adapun mencukupi untuk menangani isu kenaikan harga. Misalnya apa yang dibuat oleh kementerian baru-baru ini dalam kes penipuan subsidi diesel. Jika penguat kuasa benar-benar turun padang, pergi ke akar umbi, saya percaya penipuan diesel ini tidak melarat sampai sekarang.

Bagaimanapun, saya mengucapkan tahniah kerana tindakan telah diambil oleh kerajaan. Yang Berhormat Menteri dan juga kakitangannya, saya ucapkan tahniah. Mudah-mudahan ini akan berterusan. Tidak hendak ia sekejap sahaja. Dalam bulan ini semua surat khabar tulis, maka tindakan pun kuat tetapi esok bila surat khabar sudah tidak tulis, semuanya lupa.

Begitulah juga dalam hal yang lain misalnya kes judi mesin slot. Undang-undangnya semua sudah ada sudah. Orang peniaga mesti ikut lesen. Lesen dikeluarkan oleh pihak kementerian, dikeluarkan oleh PBT. Kalau tidak ikut lesen, boleh ditangkap. Tindakan perlu diambil, undang-undang tidak perlu lagi dipinda. Akan tetapi apa yang berlaku, seluruh negara hari ini peniaga-peniaga haram berniaga dengan berleluasa sedangkan undang-undang semuanya sudah ada. Ia berlaku juga dalam isu-isu yang lain seperti kes untuk sektor perumahan misalnya. Kita melihat bila industri perumahan meningkat, harga simen juga akan naik walaupun dikawal. Harga besi juga akan naik dan juga barang-barang yang lain.

Dalam pindaan ini telah mensyaratkan supaya syarikat-syarikat kalau mengikut seksyen 53A, wajib untuk menyimpan rekod. Rekod jualan termasuk resit dan buku jualan. Rekod pembelian termasuk invois daripada pembekal, rekod perbelanjaan dan sebagainya. Saya berpendapat jika ini betul-betul dilaksanakan, tidak akan berlaku penyorokan simen, besi dan bahan-bahan lain. Ini bukan sahaja dalam sektor pembinaan tetapi termasuk juga dalam sektor-sektor yang lain. Oleh kerana itu, saya mendapati pindaan ini amat baik sekali, dapat mengawal peniaga. Akan tetapi yang lebih penting, undang-undang itu mesti dilaksanakan, penguat kuasa mesti bekerja keras dan ikhlas.

Di samping itu juga, pindaan ini dapat mendidik peniaga-peniaga menyimpan rekod kerana kita melihat ramai peniaga berniaga tanpa menyimpan rekod. Kalau kita pergi kedai beli barang-barang kadang-kadang banyak, dia cuma kira-kira dan tidak adapun bagi resit. Jadi bagaimana mereka berniaga sebenarnya? Jika kita menyimpan rekod, peniaga juga akan beruntung kerana rekod ini semua boleh digunakan untuk mereka membuat pinjaman bank untuk membesarkan perniagaan.

Oleh kerana itu, saya melihat pindaan ini, satu, dapat menguatkuasakan undang-undang agar peniaga dapat dikawal, dan yang kedua, dapat mendidik peniaga berniaga dengan merekodkan dan ini boleh membantu mereka untuk membesarkan perniagaan apabila mereka ingin membuat pinjaman di masa akan datang. Oleh sebab itu, saya berharap undang-undang ini tidaklah dilihat oleh peniaga sebagai satu penganiayaan kepada mereka. Maka, ini juga ialah proses untuk membantu mereka berniaga dengan tertib dan teratur untuk masa depan mereka juga.

■1700

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh berkaitan dengan kempen-kempen mengawal harga. Kita ada menubuhkan Majlis Pengguna di peringkat negeri beberapa tahun dahulu. Saya melihat di waktu terakhir ini Majlis Pengguna tidak bergerak lagi dengan cergas. Oleh sebab itu saya ingin mencadangkan supaya kementerian menggerakkan semula Majlis Pengguna di peringkat negeri agar dewan-dewan perniagaan, persatuan penjaja, persatuan peniaga, NGO, orang ramai, pertubuhan-pertubuhan politik boleh sama-sama membincangkan hal-hal pengguna dan membantu supaya harga juga dapat dikawal di samping dapat melihat isu-isu yang sebenarnya.

Di samping itu, kita melihat rakyat Malaysia, termasuk juga di sesetengah buah negara membangun, ada sebuah negara Afrika saya pergi, saya tukar duitlah. USD1,000. Saya tunggu-tunggu empat jam tidak balik. Bila dia balik, dia kata, *"My brother, very sorry lah. Someone has taken your*

money.” Saya kata apa hal pula ini? Rupanya negara dia kalau tak kawan makan kawan, dia rasa dia tak cekaplah. Kira dia tidak *steady*. Jadi, dia mesti makan kawan dia. Ini adalah sikap-sikap negatif.

Di negara kita patut perkara ini sudah tidak berlaku lagi. Akan tetapi negara kita banyak orang juga suka menipu. Jual lebih sangat harganya. Kalau beli rumah, tanya pemaju, rumah RM100,000. Bila tanya semua dah habis. Akan tetapi dia jual semua dekat proksinya, lepas itu dia *resell* balik. Jadi, orang lain hendak beli, dah kena beli tangan yang kedua. Padahal ada undang-undang sekarang yang patut kita rekodkan. Setiap pembeli yang pertama dan ia mesti secara *transparent*.

Akan tetapi ini semua tidak kita kuatkuasakan. Saya ingin mencadangkan supaya ada kerjasama yang lebih kuat antara kementerian dengan kerajaan negeri dalam isu harga rumah supaya apabila diluluskan harga mengikut pihak berkuasa negeri, katalah RM100,000 atau RM300,000, jadi pemaju tak boleh lagi nak jual lebih dan tak boleh kata rumah dah habis. Inilah yang berlaku termasuk di Kuala Lumpur. Harga rumah pun terlalu tinggi, nak beli *apartment* 1,000 kaki pun dah sampai RM1.6 juta. Kalau 1,000 lebih dah sampai dua-tiga juta, dengan gaji RM3,000 saya fikir masa depan kita mungkin akan jadi macam merekalah. Orang-orang yang berpendapatan sederhana tidak akan lagi mampu memiliki rumah.

Akan tetapi kalau kita kawal mengikut undang-undang yang telah kita asaskan ini, saya percaya semuanya boleh dikawal dengan baik. Semua orang mesti ikhlas. Orang kita ini semua pelik juga tak mengaku. Orang putih sekarang pun banyak dah terikut cara kita. Kalau dulu di Amerika, kalau dia melepas angin ya, dia kata “*Excuse me lah*”. Ini cerita orang putih. Kalau di *Europe*, kalau dia melepas angin, dia kata “*Pardon me ya*”. Akan tetapi kalau di Malaysia ini orang lepas angin, dia kata “*Not me lah*”. Padahal benda itu sama juga tetapi budaya dah bertukar. Oleh sebab itu saya fikir kita kenalah kembali balik kepada keikhlasan.

Bagi jangka panjang, saya nak mencadangkan kepada kementerian mengadakan dengan lebih serius pendidikan kepenggunaan daripada tadika. Daripada tadika, sekolah rendah, sekolah menengah sampai universiti. Ini kerana tabiat ini mesti dilenturkan daripada buluh. Kalau ini kita buat, saya percaya bila dia dewasa, dia tahu dia tak boleh tipu orang, tak boleh cakap bohong, tak boleh ambil untung berlebih-lebihan. Kalau orang letak barang, dia tak curi.

Macam di Eropah, dahululah. Ini jam pun dah banyak ada pencurian. Agaknya bila dia datang negara-negara membangun, banyak orang curi, dia pun dah ikut perangai negara yang miskin. Kalau jual surat khabar, boleh letak saja duit, dia ambil. Tak ada orang curi. Begitu juga di Jepun. Akan tetapi di negara kita ini, kita pegang dalam beg kita pun dia angkat. Kunci dalam peti besi pun dia angkat. Dalam masjid pun dia angkat.

Jadi, saya ingat sistem kepenggunaan ini hendak bermula daripada kecillah. Oleh sebab itu saya mencadangkan agar sistem pendidikan pengguna mesti bermula daripada tadika agar bila kita dewasa, ia akan menjadi tabiat kita. Ini boleh kita lakukan jika kita sama-sama menyokongnya. Tuan Yang di-Pertua, itulah saja yang ingin saya ulas berkaitan dengan cadangan ini ataupun rang undang-undang ini. Saya percaya apa pun rang undang-undang baik. Akan tetapi yang lebih penting ialah pelaksanaannya. Terima kasih, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah Mohamed.

3.06 ptg.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Sedikit berkaitan dengan kepentingan akta ibu dan juga pindaan kepada akta ibu ini. Di mana saya berpandangan akta ini adalah sangat penting dan pindaan-pindaan yang dibuat kepada akta ini adalah pindaan kepada kemungkinan terdapat kelemahan-kelemahan dan juga kekangan-kekangan kepada akta ibu yang memerlukan kepada penambahbaikan. Terutamanya dalam beberapa situasi yang akan kita tempuhi di hadapan nanti, terutamanya adalah berkait dengan pelaksanaan GST seawal April 2015.

Tambahan juga yang berdekatan ini kita akan menempuhi musim-musim perayaan di mana kemungkinan besar peniaga-peniaga akan mengambil ruang dan peluang untuk menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya. Jadi, saya menganggap pindaan ini adalah sangat penting demi untuk memastikan penguatkuasaan yang lebih tuntas, penguatkuasaan yang lebih padu terhadap akta ibu.

Kedua, saya melihat kepada pemberian kuasa yang di bawah fasal 2 dan fasal 3 melalui pindaan kepada seksyen 2 dan seksyen 3. Pemberian kuasa ini dikira sangat penting, kemungkinan melihat kepada kekurangan anggota penguatkuasaan yang boleh memberi kesan kepada penguatkuasaan akta ini. Jadi, kita melihat melalui pindaan seksyen 2 dan seksyen 3, selain daripada pengawal, timbalan pengawal dan penolong pengawal yang telah ada kuasa untuk menguatkuasakan akta ini, dicadangkan agar Menteri boleh memberi kuasa kepada mana-mana pegawai awam dan pegawai pihak berkuasa tempatan.

Jadi, saya ingin menekankan di sini berkenaan dengan pemberian kuasa kepada pegawai PBT, di mana apabila membabitkan pihak berkuasa negeri, pihak berkuasa PBT adalah di bawah pihak berkuasa negeri. Saya berpandangan bagi memastikan pelaksanaan ataupun penyelarasan kepada penguatkuasaan akta ini yang turut membabitkan anggota pihak berkuasa tempatan, perlu ada suatu mekanisme penyelarasan penguatkuasaan bagi memastikan penurunan kuasa atau pemberian kuasa ini dan perjalanan kuasa ini berjalan sebaiknya dan mencapai matlamat. Bukan semata-mata meletakkan boleh diberi kuasa.

Akan tetapi perlu ada pemantauan, penyelarasan kepada pemberian kuasa tersebut. Mungkin boleh dicadangkan dibentuk sebuah jawatankuasa penyelarasan penguatkuasaan anti pencatutan dan juga kawalan harga barang. Di mana perlu ada satu kerjasama padu antara pihak kementerian dan juga pihak berkuasa negeri dalam mengatasi harga yang naik sewenang-wenangnya di mana-mana negeri, di mana-mana kampung, di mana-mana tempat.

Sehubungan ini, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, setakat ini berapa ramai kah anggota ataupun bilangan pengawal, timbalan pengawal dan penolong pengawal yang boleh menguatkuasakan akta ini semenjak tahun 2011 pewartaannya sehingga sekarang dan bilangan itu kalau boleh saya ingin mengikut negeri.

■1510

Bilangan anggota yang boleh menguatkuasakan akta ini sehingga kini mengikut negeri. Seterusnya, bagi memastikan penurunan kuasa ini diberi secara efektif dan berjalan secara efektif tidak dapat tidak, terutamanya penjawat-penjawat awam yang lain dan juga pegawai-pegawai PBT perlu diberi kemahiran, terutamanya daripada sudut pelaksanaan memandangkan jika kita lihat kepada siasatan dan juga kes-kes yang di bawah akta ini ia bersifat teknikal.

Contohnya menentukan harga yang tidak munasabah dan harga yang terlalu tinggi dikenakan. Ia perlu kepada kemahiran-kemahiran tertentu, memeriksa, dan menyiasat dokumen-dokumen berkaitan pembelian, berkaitan perbelanjaan, dan sebagainya. Jadi saya kira amat penting *skills*, kemahiran daripada sudut siasatan, kesalahan-kesalahan di bawah akta ini diberi pendedahan kepada mana-mana pegawai yang diberi kuasa bagi menjamin keefektifan pemberian kuasa dan perjalanan penguatkuasaan.

Seterusnya, saya ingin merujuk kepada seksyen baru iaitu seksyen 10A, di mana jelas dinyatakan larangan memasukkan cukai-cukai sebagai sebahagian daripada harga barang atau caj bagi perkhidmatan. Berdasarkan jadual yang diberikan, cukai-cukai yang dimaksudkan itu adalah beberapa cukai yang dikenakan di bawah Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014 (GST) yang akan dikuatkuasakan pada tahun 2015 nanti.

Di mana sekiranya- dan untuk menguatkuasakan seksyen ini, tentu sekali memerlukan kepada pembuktian melalui pendedahan dan penyediaan rekod-rekod seperti rekod jualan, pembelian barang, perbelanjaan, cukai, dan sebagainya. Di mana kegagalan untuk mendapatkan bukti-bukti, rekod-rekod tersebut kemungkinan akan membawa kepada kegagalan daripada sudut penyiasatan, kegagalan pertuduhan, dan seterusnya kegagalan kepada pensabitan dalam kes ini.

Jadi memandangkan begitu sukarnya membuktikan kesalahan di bawah seksyen baru iaitu seksyen 10A ini sedangkan kesalahan ini adalah suatu kesalahan yang sangat berat. Saya menyokong hukuman kepada kesalahan itu. Kalau kita tengok di sini hukumannya adalah amat tinggi iaitu bagi pertubuhan perbadanan sehingga RM1 juta bagi kesalahan kali kedua dan untuk perseorangan sehingga RM250 ribu dan lima tahun bagi kesalahan kali kedua.

Jadi memandangkan bagi saya terlalu amat sukar untuk mensabitkan kesalahan di bawah seksyen ini, memerlukan bukti-bukti yang kukuh, rekod-rekod yang kemas, adakah kemungkinan mana-mana peruntukan dalam akta ini yang memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk mengarahkan penurunan harga-harga barang?

Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian sekiranya ada ataupun boleh pihak kementerian apabila mendapati suatu kes kenaikan harga yang tidak munasabah selain daripada mengambil tindakan menjalankan pendakwaan dan pertuduhan, boleh mengarahkan supaya penurunan harga barang? Memandangkan tindakan pertuduhan dan pensabitan itu kemungkinan untuk berjaya adalah sangat sukar.

Seterusnya, saya ingin merujuk kepada fasal 5 iaitu melalui pindaan di seksyen 15 iaitu berkenaan dengan mekanisme bagi menentukan keuntungan tinggi tidak munasabah. Jadi di samping

Yang Berhormat Menteri boleh menimbangkan beberapa perkara bagi menetapkan keuntungan tinggi tidak munasabah iaitu mengenai apa-apa pengenaan cukai, kos pembekal, sebagaimana dalam Akta Ibu, seksyen ini turut memberi kuasa besar kepada Yang Berhormat Menteri menentukan suatu tempoh tertentu yang tidak boleh ada kenaikan margin keuntungan bersih bagi apa-apa barangan atau perkhidmatan.

Persoalannya, adakah kerajaan telah atau akan menetapkan mungkin melalui *guideline* ataupun mana-mana SOP, menetapkan mana-mana masa-masa tertentu dan tempoh-tempoh tertentu larangan peniaga menaikkan keuntungan? Contohnya mungkin masa-masa sebelum perayaan dan semasa perayaan dan mungkin tempoh-tempoh tertentu ini sebelum pengenaan GST yang akan datang. Bagaimana memastikan peniaga tidak menaikkan harga dalam tempoh tersebut? Selain hanya merujuk kepada rekod-rekod yang disimpan oleh peniaga, ada atau tidak sebarang kemungkinan kerajaan boleh membuat pemeriksaan awalan tawaran harga-harga di lokasi-lokasi utama seperti pasar raya dan pasar-pasar sebelum tempoh larangan kenaikan itu bermula? Kedua, persoalannya, adakah kerajaan akan menggunakan peruntukan ini bagi memastikan peniaga tidak mengambil peluang menaikkan harga barang sewenang-wenangnya sebaik GST dilaksanakan tahun depan dan juga di musim-musim perayaan?

Seterusnya berkaitan dengan fasal 6 iaitu penggubalan seksyen baru iaitu seksyen 53A, kewajipan peniaga untuk menyimpan rekod-rekod. Ini kewajipan untuk menyimpan rekod, sekiranya gagal merupakan kesalahan kepada peniaga dan jika sabit kesalahan di bawah penalti am, hukumannya adalah RM100,000 bagi kesalahan pertama dan RM250,000 bagi kesalahan kedua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Doris Sophia ak Brodi]: Yang Berhormat, ada tiga minit lagi Yang Berhormat.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Seperti yang tersebut itu adalah bagi pertubuhan-pertubuhan. Manakala bagi orang perseorangan RM50,000 bagi kesalahan pertama termasuk dua tahun penjara dan bagi kesalahan kedua RM100,000 dan lima tahun bagi kesalahan kedua. Jika dibandingkan dengan kesalahan yang awal tadi iaitu kesalahan menaikkan harga barang di bawah seksyen 10A tadi, kita lihat hukuman bagi kegagalan menyimpan rekod adalah ringan berbanding dengan kesalahan tadi saya kira dua kali ganda.

Persoalannya, adakah kemungkinan para peniaga bagi mengelakkan dituduh dengan kesalahan yang lebih berat, dengan hukuman yang lebih berat, peniaga tentu sekali tidak akan memberi kerjasama memberi dokumen-dokumen dan peniaga menyembunyikan dokumen-dokumen perniagaan agar terlepas daripada pertuduhan-pertuduhan yang lebih berat di bawah seksyen 10A.

Satu lagi persoalan berkait dengan jualan dan perkhidmatan secara *online*. Adakah kesalahan-kesalahan di bawah akta ini boleh dikuatkuasakan ke atas penjualan melalui *online* dan *Facebook* di mana kemungkinan ada di kalangan mereka yang mengenakan harga yang tinggi dan berkait dengan kesalahan-kesalahan di dalam akta ini? Jadi sekian sahaja perbincangan dari saya dan saya menyokong kepada pindaan akta ini.

Saya mengharapkan agar Akta Ibu dan pindaan kepada Akta Ibu ini dapat dikuatkuasakan dengan secara serius terutamanya sewaktu GST akan dilaksanakan di mana kita boleh mengagak kemungkinan besar peniaga-peniaga akan mengambil kesempatan ini menanggung di air keruh untuk meninggikan harga barang. Usaha ini perlu dibuat secara bersepadu dan memerlukan anggota yang lebih ramai. Saya mengalu-alukan kerjasama dengan pihak berkuasa negeri bagi memastikan akta ini dikuatkuasakan secara lebih tegas. Sekian, *wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Dato' Goonasakaren. Silakan Yang Berhormat.

■1520

Dato' Goonasakaren a/l Raman: Salam bahagia dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut mengambil bahagian dan membahaskan pindaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014. Tuan Yang di-Pertua, semangat pewujudan akta ini antara lain untuk memastikan supaya rakyat tidak dibebani dengan kenaikan harga yang melampau. Kita tahu hakikatnya dari semasa ke semasa memangnya harga barangan naik. Akan tetapi apa yang kita kehendaki ialah harga barang tidak naik melampaui daripada sepatutnya.

Semangat ini juga untuk melindungi pengguna dan yang pentingnya adalah untuk memastikan supaya peniaga tidak mengambil kesempatan dalam apa juga keadaan sekali pun. Akta ini sememangnya sudah kita tahu bahawa adalah untuk mengawal harga barangan dan juga caj perkhidmatan dan yang pentingnya adalah larangan untuk pencatutan atau pun *profiteering*, dengan izin. Harga barangan naik bukan hanya ketika musim raya tetapi juga dalam masa-masa yang tertentu di mana pengusaha mengambil kesempatan dalam kesempitan. Sudah tentunya berkaitan dengan produk dan juga *market condition*, dengan izin, ia boleh menjadikan seseorang itu mengambil kesempatan. Walaupun Malaysia merupakan sebuah pengeluar sawit yang terbesar di dunia. Antara yang terbesar mungkin lima pengeluar teratas di dunia. Akan tetapi kita sering mendengar tentang kurangnya bekalan minyak masak. Ini adalah kerana kerakusan syarikat-syarikat atau pembekal-pembekal yang ingin mendapat memperoleh keuntungan yang berlebihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang kawalan harga khasnya pada zaman yang berteraskan teknologi maklumat dan laman sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya. Bagaimana kerajaan dapat mengawal harga barangan dengan mekanisme media sosial sekarang dilihat sungguh berpengaruh dalam menentukan kedudukan harga pasaran semasa. Informasi kenaikan harga semasa yang disampaikan oleh pihak-pihak tertentu melalui media sosial jelas menular dalam sekelip mata ke seluruh pelosok negara. Kementerian haruslah mencari pendekatan yang lebih sempurna ke arah meyakinkan rakyat, ke arah memakmurkan negara ini, membendung kenaikan harga barangan dengan pendekatan-pendekatan yang lebih baik, lebih saksama, menggunakan *Blue Ocean Strategy* dan rangkaian-rangkaian strategi yang boleh membantu mengurangkan beban kenaikan harga dan menjamin kehidupan kemakmuran rakyat.

Saya juga ingin mencadangkan supaya kementerian mengambil inisiatif secara lebih holistik untuk mewujudkan satu mekanisme menggunakan media sosial, *blog* atau *Facebook* kerana ia boleh mencetuskan rasa tidak selesa di kalangan rakyat yang menjurus kepada situasi panik dan peniaga terpengaruh untuk tidak teragak-agak dalam mengambil kesempatan ini. Dalam menyokong beberapa langkah memperketat penguatkuasaan, saya juga ingin menegaskan bahawa ia tidak boleh dibahaskan terbatas kepada penguatkuasaan sahaja. Ini kerana kita harus melihat juga soal pertimbangan ekonomi makro dengan keputusan kebijaksanaan ekonomi yang ada sekarang yang mengizinkan monopoli.

Apabila kita sebut tentang monopoli maknanya tidak ada persaingan perniagaan. Harga ditetapkan oleh syarikat-syarikat yang besar, yang berkemampuan. Maka sebab itu bila kita bahaskan penguatkuasaan, ia tidak menjawab pada masalah yang dihadapi oleh rakyat semua. Walaupun harga ditetapkan tetapi pengimport masih mempunyai ruang dan peluang untuk bermain dengan harga keuntungan melalui mekanisme yang berbeza, yang membolehkan produk dijual di pasaran gelap dengan keuntungan yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya terbaca artikel Timbalan Menteri Kewangan mengenai akta ini sebelum diperkenalkan lagi. Akta ini dibuat penambahbaikan kerana ada kaitan dengan GST. Akta GST yang akan dikuatkuasakan bermula April 2015. Mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sendiri menyatakan bahawa kerajaan menjangkakan akan ada kenaikan harga di antara 1.8% hingga 2% pada tahun pertama pelaksanaan GST ini. Jadi kalaulah ini menjadi trendnya, maka sudah tentu kita mengharapkan ia akan berlaku dalam tahun pertama.

Akan tetapi kita juga harus ingat bahawa kemungkinan besar isu ini boleh berlaku apabila peniaga-peniaga yang dahulunya ingin menggunakan SST atau pun, dengan izin, *Sales and Service Tax*, menggunakan cukai jualan 10% tetapi tidak menolak *tax* tersebut dalam pelaksanaan GST, dengan izin, *Goods and Services Tax*. Akan tetapi dalam masa yang sama mengenakan *dual taxation system* ini. Satu, mengekalkan cukai yang lama 10% dan dalam masa yang sama juga mengenakan GST 6%. Jadi sudah tentulah kita mengharapkan melalui pemindaan akta yang dipinda ini dengan adanya rekod jualan dan sebagainya, maka kita harapkan ia boleh menjadi bahan bukti sekiranya perlu dihadapkan ke mahkamah.

Isu-isu yang berkaitan dengan penguatkuasaan pula sudah...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada tiga minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Goonasakaren a/l Raman: Ya, tentulah berkait dengan *staffing* atau kuat kuasa kekuatan tenaga yang ada di seluruh negeri dan juga mungkin ia dikaitkan dengan imej dalam kalangan pegawai-pegawai penguat kuasa ini yang mungkin tidak dirasakan gerun oleh pihak-pihak peniaga nanti.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini bukanlah *anti-business* atau menahan sesiapa pun daripada membuat keuntungan dalam perniagaan tetapi yang penting adalah hanya hendak menyekat mana-mana pihak atau pun ahli-ahli perniagaan yang tidak berhati perut daripada mengenakan harga melampau atau pun harga yang terlalu tidak munasabah melalui barangan atau pun perkhidmatan yang disediakan. Apa yang penting juga adalah ia hendaklah menjaga kepentingan pengguna daripada

orang yang sanggup mengambil kesempatan untuk membuat untung yang berlebihan. Di harapkan kementerian kerajaan dapat menggunakan akta ini dengan berkesan untuk melindungi pengguna yang mungkin tidak ada pilihan dan terpaksa mengikut keadaan semasa apa juga harga barangan yang diletakkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya pohon menyokong Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad.

3.29 ptg.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Buat secara ringkas ya Yang Berhormat memandangkan kita masih ramai lagi yang hendak berbahas dan kita ada satu lagi rang undang-undang yang akan dibentangkan. Teruskan.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana bagi masa kepada saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014 ini. Saya menyokong tindakan kerajaan untuk mengukuhkan penguatkuasaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan ini bagi mengekang tindakan peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga barang apabila Akta Cukai Barangan Perkhidmatan 2014, GST dilaksanakan tahun depan. Ini kerana saya melihat kemungkinan-kemungkinan tersebut boleh berlaku jika akta sedia ada gagal digunakan sebaik mungkin. Saya amat-amat bersetuju dengan cadangan pandangan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam tadi, tidak perlu mengadakan banyak undang-undang sekiranya undang-undang yang ada pada hari ini kita tidak guna. Undang-undang yang ada pada hari ini sudah cukup tetapi penguatkuasaannya kita agak lemah. Jadi kita berharap penguatkuasaannya lebih baik daripada yang dulu untuk melaksanakan GST ini.

■1530

Saya juga mencadangkan agar penguatkuasaan dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan supaya turut sama-sama turun padang memantau dan bertindak terhadap pengilang-pengilang, pemborong-pemborong yang melakukan perkara-perkara yang sama kemungkinan ada. Kepada kerajaan ambil langkah-langkah dengan menggunakan akta ini, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan ini dengan bersungguh supaya jangan ada peniaga ambil kesempatan menaikkan harga seperti mana yang dicadangkan oleh kawan-kawan lain. Jika diizinkan apabila GST dilaksanakan pada tahun hadapan, kerajaan perlu memastikan setiap kedai mempamerkan setiap barang-barang yang sebelum ini ada cukai jualan dan cukai perkhidmatan kepada barang-barang yang dikenakan GST.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan dapat mengadakan program-program kesedaran di peringkat sekolah-sekolah dan juga di IPT dan IPTS berhubung dengan sistem kawalan harga ini agar wujudnya kesedaran di kalangan orang muda tentang kepentingan GST

dan memberi matlamat yang betul kepada mereka. Memandangkan golongan muda sering terdedah kepada alam maya dan cendekiawan alam maya melaporkan laporan-laporan palsu dan tidak sah tentang GST.

Bukan setakat pelajar-pelajar tetapi guru-guru sendiri pun kita kena bagi kesedaran sebab guru-guru dan cendekiawan ini mereka tahu kebaikan GST tetapi mereka tidak guna kebaikan ini. Mereka boleh putar belit supaya mempengaruhi kepada rakyat yang lain. Saya akur apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tempoh hari. Dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat. Terima kasih. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop. Silakan Yang Berhormat.

3.31 ptg.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya sedikit masa untuk membahaskan Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014. Saya akan menyentuh satu, dua perkara sahaja. Saya yakin undang-undang ini diperkenalkan kerana sebab-sebab yang khusus menjelang pelaksanaan GST yang akan bermula pada tahun hadapan untuk mengawal harga dan antipencatutan.

Lumrah alam bila dalam sistem ekonomi *laissez-faire* ini peniaga akan memaksimumkan keuntungan barang-barang yang dijual. Dalam hal ini, saya berpendapat bahawa yang perlu dikawal khususnya ialah harga barang-barang keperluan asas iaitu makanan khususnya. Dalam fasal yang pertama ini saya melihat kuasa-kuasa dilanjutkan kepada pegawai pihak berkuasa tempatan iaitu majlis-majlis daerah ataupun majlis perbandaran. Mungkin ada rakan-rakan yang telah menyebutnya. Akan tetapi saya ingin menyebutkannya di sini sekali lagi bahawa pegawai-pegawai yang ditugaskan di pihak berkuasa tempatan ini khususnya untuk penguat kuasa buat masa ini melalui daripada pengalaman saya dalam majlis daerah. Kalau majlis daerah yang kecil-kecil ini bilangannya sangat tidak mencukupi. Kedua, mereka ini tidak dilatih untuk menjalankan fungsi-fungsi baru ini.

Ketiganya ialah mereka ini berada dalam *locality* yang sama. Kalau katalah Majlis Daerah Tangkak itu yang hendak diambil tindakannya itu pada peniaga-peniaga di Tangkak itu juga. Jadi mereka ini sudah sangat *familiar* dengan peniaga-peniaga ini. Jadi saya cadangkan kalau hendak diturunkan kuasa ini kepada pegawai pihak berkuasa tempatan, boleh ditukar-tukarkanlah. Maknanya Majlis Perbandaran Johor Baharu pergi ke Muar dan sebagainya... *[Disampuk]* *Rotation*lah penguat kuasa. Kalau tidak, dia *familiar* dengan peniaga yang jual ayam itu jiran dia sebelah. Macam mana dia hendak mengambil tindakan? Contohnya ya Yang Berhormat.

Kedua ialah seksyen 15 Akta Ibu dipinda, mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah. Ini juga satu perkara yang perlu di ambil perhatian oleh kementerian khususnya musim-musim perayaan ya. Perlu menetapkan harga siling sesuatu barangan itu terlebih awal. Umpamanya harga ayam ya. Harga ayam bila musim perayaan tahun lepas, perayaan Aidilfitri,

kerajaan menetapkan harga syiling ayam pada RM7.70 sekilogram hanya tidak sampai dua minggu sebelum hari raya. Jadi ini menimbulkan banyak masalah kepada pembekal dan sebagainya. Jadi cadangan saya ialah diawalkan penetapan harga syiling barang-barang seperti ayam dan sebagainya. Jadi bekalan dia dan sebagainya. Macam ini sekarang ini sudah masuk bulan puasa. Sepatutnya kerajaan sudah keluarkan harga siling ayam ini berapa.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk- ini adalah hari terakhir saya dalam Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Dewan khususnya Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada rakan-rakan yang telah sama-sama berbahas dengan kita semua.

Kedua ialah *alhamdulillah* untuk makluman sahaja dengan nikmat kelapangan masa yang diberikan kepada saya dan juga nikmat kesihatan yang diberikan oleh Allah SWT selama enam tahun saya berkhidmat dalam Dewan ini, saya tidak pernah tidak hadir setiap hari setiap kali kecuali satu hari sahaja. Ini untuk rekod sahajalah, kan. Bulan puasa ini tidak boleh cakap lebih. Yang Berhormat Johor ramai memerhatikan saya ini.

Saya juga berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor khususnya yang memungkinkan saya berada di dalam Dewan ini selama dua penggal. Susah hendak dapat dua penggal ini. Tanya Yang Berhormat Senator Datuk Halimah, Yang Berhormat Senator Dato' Adam, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah. Saya berdoa semoga semua rakan-rakan yang berada di dalam Dewan ini akan diberi kesihatan dan kesejahteraan untuk terus memperkasakan institusi Dewan Negara ini. Sekian, *wabillahi taufiq wal hidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kita juga berterima kasih kepada Yang Berhormat atas kerjasama Yang Berhormat dan juga di atas semua sumbangan Yang Berhormat. Kita doakan Yang Berhormat sentiasa sihat dan berjaya dalam semua jua Yang Berhormat lalui. Seterusnya mempersilakan Yang Berhormat Puan Bathmavathi.

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014. Memang kita akur bahawa kerajaan sangat prihatin dalam menjaga kebajikan dan status ekonomi rakyatnya dengan mengadakan kawalan harga bagi barang-barang keperluan.

Selalunya kita dapati bahawa faktor-faktor yang menyebabkan harga barangan naik adalah satu, kenaikan pada harga minyak petrol. Setiap kali minyak petrol harganya dinaikkan walaupun 10 sen, kita dapati bahawa setiap sehingga secawan kopi pun harganya dinaikkan 10 sen dan kuih dan barangan-barangan keperluan lain juga. Ini memang satu hakikat yang tidak boleh dinafikan. Kerajaan ada cara untuk mengawal setiap kali perkara begini dibuat aduan oleh rakyat. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan selalu memberi jaminan bahawa ada pemantauan akan dilakukan.

■1540

Kita selalu diberi jaminan bahawa pegawai-pegawai penguat kuasa dan pemantau harga di seluruh negara akan digerakkan untuk melaksanakan tugas-tugas ini untuk memantau. Akan tetapi,

pada realitinya, adakah perkara ini boleh dipantau? Berapakah kedai-kedai, pasar, kedai runcit, gedung-gedung barang macam *hypermarket* semua? Bolehkah kerajaan memantau harga peniaga-peniaga yang menaikkan harga secara sewenang-wenangnya di seluruh negara? Saya rasa tidak boleh.

Ambil satu contoh, seorang pelanggan di pasar. Pada masa itu, dia dan peniaga itu, apa yang peniaga tetapkan, pelanggan itu harus bayar dan budaya tawar-menawar itu sudah lapuk, sudah tidak boleh digunakan masa sekarang. Orang tidak lagi tawar-menawar. Walaupun kerajaan kata “Inilah harga yang sepatutnya dikenakan” tetapi peniaga pada masa itu cakap, “Ini harganya”. Situasi yang pelanggan hadapi ialah *either take it or leave it*, dengan izin. Dia bayar atau beli ataupun dia boleh pergi, dia boleh buat pilihan untuk tidak beli. Jadi, saya rasa kita harus adakan satu saluran yang mana pelanggan diberi suatu peluang untuk membuat laporan ataupun menangani keadaan dengan secara efektif. Kita tahu bahawa adalah lesen perniagaan yang diberi kepada peniaga daripada pihak berkuasa tempatan.

Untuk menangani situasi yang mana pelanggan diberi peluang, kita harus ada satu saluran yang mana pelanggan dengan serta-merta dapat membuat laporan kepada pihak berkuasa tempatan supaya tindakan boleh diambil ke atas peniaga itu. Mungkin tertera lot perniagaan dia di sana dan harus diadakan suatu nombor yang mana satu talian terus yang mana pelanggan boleh membuat laporan secara terus-menerus. Inilah cadangan saya untuk kita bersama-sama direnung sama ada ia boleh dikuatkuasakan untuk membantu rakyat terlepas daripada situasi yang mana peniaga menindas pelanggan. Itu sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Bagus Yang Berhormat. Saya rasa cadangan Yang Berhormat itu padat dan ringkas ya. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Puan Roslin.

3.43 ptg.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya dalam perbahasan pada hari ini untuk Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan ini saya hendak buat secara ringkas untuk tiga perkara sahaja yang saya akan sebut dalam pindaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Yang mana pertamanya ialah pemberian kuasa kepada pegawai-pegawai berkuasa tempatan yang disebut dalam seksyen 3(6). Adalah dialu-alukan kerajaan bersungguh-sungguh untuk menguatkuasakan suatu akta yang dapat melindungi hak pengguna dan meyakinkan bahawa penguatkuasaan perlu dipertingkatkan. Sesuai dengan amalan Strategi Lautan Biru Kebangsaan iaitu *National Blue Ocean Strategy*, KPDNKK bersama-sama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) bersama-sama berganding bahu memikul tanggungjawab menguatkuasakan undang-undang yang bakal diluluskan itu nanti.

Pada pandangan saya, strategi ini amat bersesuaian dan ia boleh menjimatkan wang kerajaan jika pegawai-pegawai baharu dalam melaksanakan tugas ini. Persoalannya:

- (i) apakah pangkat pegawai PBT yang akan dibabitkan?;
- (ii) apakah jenis latihan dan berapakah lama mereka akan dilatih?;
- (iii) apakah mereka juga didedahkan kepada kerja-kerja pendakwaan?;
- (iv) bagaimanakah hierarki organisasinya nanti dan siapa yang memantau dan membuat laporan?; dan
- (v) apakah tugas baharu akan menambahkan bebanan kerja mereka yang sedia ada? Apakah Pekeliling Perkhidmatan Bil.17, Tahun 2007 iaitu penanggungungan kerja dalam perkhidmatan awam dipatuhi?

Seterusnya mengenai elaun penanggungungan kerja dan sebagainya. Cadangan saya yang pertama, perlu perbincangan di antara KPDNKK dan PBT sebelum aktiviti ini dilaksanakan daripada segi struktur organisasi kuasa, pendakwaan dan juga pemantauan. Keduanya, memandangkan ia merupakan pertambahan tugas, mohon pihak KPDNKK dan PBT juga elaun beban kerja bagi pegawai PBT. Ketiga, garis panduan dan perundangan perlu diselaraskan di PBT kerana PBT juga mempunyai akta dan undang-undang yang perlu dipatuhi.

Perkara yang kedua iaitu perintah penandaan harga yang disebut di seksyen 10A(i) serta kenaikan kadar denda, disebut dalam seksyen 10A subseksyen (1) dan (2)(a). Amat sesuai dengan pengenalan seksyen ini, denda yang lebih berat diberikan kepada penjual-penjual yang ingin mengambil untung melalui manipulasi tanda harga. Pada pandangan saya, usaha ini memang dialu-alukan untuk memaklumkan bahawa kita telus jujur dalam perniagaan. Usaha ini bukan sahaja menarik minat pembeli tempatan malah ia pasti menarik minat pembeli luar negara. Islam juga menggalakkan jujur dan telus dalam jual-beli. Penerapan nilai ini perlu dilaksanakan antara tindakan, amalan, undang-undang dan agama, persoalannya:

- (i) apakah jenis barangan atau perkhidmatan yang perlu diberi tanda harga?;
- (ii) bagaimanakah jenis-jenis barangan yang memerlukan kombinasi antara yang hakiki dan karya seni? Contohnya, iaitu barang-barang kemas, barang-barang antik, barang-barang alternatif dan juga lain-lain lagi; dan,
- (iii) bagaimanakah jenis perkhidmatan yang tidak mempunyai kaedah khas untuk menentukan harganya? Contohnya perkhidmatan rawatan hospital yang bergantung kepada harga konsultasi yang berbeza-beza dengan kombinasi ubat-ubat yang berbeza.

Cadangan saya, pertama, supaya kerajaan dengan aktif menyenaraikan harga barangan yang perlu diberi panduan tanda harga. Kedua, penggunaan aktif *barcode microchip* ataupun gabungan mereka sebagai satu pendekatan semakan harga. Ketiga, selain daripada harga, kesempatan daripada penggunaan teknologi ini maka adalah disarankan juga makluman tentang produk itu sendiri, tarikh pengilangan, tarikh akhir boleh guna, siapa pengilangnya dan bahan-bahan yang digunakan dalam

produk itu halal atau tidak. Siapakah yang memberi justifikasi halal dan mungkin boleh dimasukkan sistem pemboleh ikutan?

Seterusnya yang akhir yang ketiga iaitu kewajipan untuk menyimpan rekod seksyen 53(a). Penyimpanan rekod perlu bagi pelbagai tujuan prosiding. Ia perlu juga bagi tujuan pengesahan. Perlu dilihat wajib simpanan selama tujuh tahun. Ini merupakan syarat wajib yang perlu diikuti. Sungguhpun begitu, persoalannya adalah:

- (i) bagaimana pula bagi rekod yang dibuat dalam *softcopy* di dalam komputer?;
- (ii) siapakah yang berhak untuk menyimpan dan bagaimanakah storan penyimpanannya?;
- (iii) perlukah rekod-rekod ini dibuat salinan?;
- (iv) perlukah rekod-rekod ini disyaratkan untuk mematuhi syarat-syarat penyimpanan rekod sebagaimana yang disyaratkan oleh Perintah-Perintah Am dan Arahan Pentadbiran Malaysia?;
- (v) bagi menyimpan tujuh tahun itu, perlukah kerajaan memberi garis panduan, storan dan juga kuasa menyimpan dan menyelenggarakan dokumen yang sedia ada.

Cadangan saya supaya yang pertama, sistem penyimpanan rekod ini diselaraskan antara pihak KPDNKK dan pihak PBT dipantau dan disediakan oleh pejabat Peguam Negara.

Kedua, supaya sistem rekod ini lebih berkesan dan tiada unsur manipulasi adalah dicadangkan rekod ini dipusatkan ke satu pusat pengumpulan rekod yang dikawal sendiri oleh pihak KPDNKK.

Ketiga, memandangkan pertambahan bebanan kerja perekodan PBT ini, satu kursus dan sistem tertentu perlu diperkenalkan...

■1550

Timbalan Yang di-Pertua: Ada tiga minit lagi Yang Berhormat.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: ...Lebih-lebih lagi jika maklumat yang diambil dan disimpan itu adalah sulit dan memerlukan perlindungan keselamatan yang lebih. Akhir sekali dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014 dan akhirnya saya mengucapkan selamat berpuasa kepada semua rakan-rakan yang beragama Islam.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan.

3.50 ptg.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas ruang yang diberikan kepada saya untuk turut sama-sama bangun dan membahaskan Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014. Dengan adanya akta ini tindakan boleh diambil terhadap para peniaga yang terlibat mengambil untung secara berlebihan terutamanya semasa musim perayaan dan semasa krisis. Menetapkan harga siling,ewartakan akta dan sekali gus menjaga

kepentingan pengguna daripada anasir-anasir pembekal, pemborong dan orang tengah yang banyak mengambil kesempatan.

Saya ingin membangkitkan berkenaan isu kenaikan harga barang kawalan terutama sekali harga ayam. Saya sebenarnya ingin memuji langkah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang begitu peka terhadap musim perayaan. Tahun ini belum lagi diumumkan namun saya memuji langkah-langkah tahun lalu di mana MOA telah membuka permit import ayam untuk lambakan bekalan itu bagi menstabilkan harga. Ini dengan membenarkan pengimportan ayam daripada China. Kedua, MOA juga telah memberikan komitmen untuk berusaha memastikan bekalan pengguna pada bulan Ramadan dan menjelang Hari Raya Aidilfitri mencukupi.

Bagaimanapun kita maklum, MOA sebenarnya tidak ada kuasa untuk mengawal harga ayam. Hal ini kerana pemborong dan peruncit di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Saya berpandangan dalam konteks ini isu kenaikan harga ayam, KPDNKK kenalah mesti serius mengekanginya. Dalam isu barangan kawalan, kementerian hanya memberikan amaran kepada pemborong dan peruncit walhal akta-akta yang tersedia di bawah bidang kuasa kementerian itu boleh diambil terhadap mereka yang tamak haloba ini. Manakala dalam keadaan kaedah penyeludupan diesel dan isu RON95 dan RON97, belum ada kita terdengar cadangan bernas dan konkrit daripada pihak kementerian sendiri.

Soalannya, bilakah kementerian boleh memberikan cadangan konkrit dalam hal ini, kaedah terbaik menyelesaikan isu subsidi diesel dan RON95, RON97 ini? Kedua, apakah peranan Majlis Penasihat Harga Barang? Saya difahamkan dalam kementerian ini terdapat sekurang-kurangnya 10 orang anggota Majlis Penasihat Harga Barang yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian serta enam wakil terdiri daripada orang awam, pertubuhan bukan kerajaan dan industri serta empat orang pegawai kerajaan yang dapat menentukan sama ada peniaga melakukan pencatutan atau mengaut keuntungan secara berlebihan. Soalannya, apa peranan dan kejayaan yang telah dicapai setakat ini? Peranan Unit Pemantauan dan Penguatkuasaan KPDNKK, soalannya adakah terdapat rekod kementerian mengenai jumlah premis yang telah dipantau ataupun dilawati oleh unit penguatkuasaan dan dikeluarkan notis kepada peniaga-peniaga yang menaikkan harga sewenang-wenangnya sepanjang tahun 2013 yang lalu.

Hukuman yang berat jelas dapat menakutkan penjenayah. Jika dikaji hukuman yang dikenakan di bawah akta ini agak berat. Pertubuhan yang ingkar boleh didenda sehingga RM500,000 atau di kompaun sehingga RM250,000. Individu pula boleh didenda sehingga RM100,000 dan dipenjarakan tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya atau di kompaun sehingga RM50,000. Namun ini tidak menyekat peniaga, pembekal dan pemborong untuk terus melakukan aktiviti ini. Mungkin faktor keuntungan atas angin yang diperoleh menyebabkan golongan ini tidak takut akan hukuman yang menanti mereka. Persoalannya, bolehkah diberatkan lagi hukuman termasuk menyita harta ataupun aset mereka ini? Kita gubal seperti Akta Pengubahan Wang Haram baru-baru ini. Mereka ini telah kaya-raya dan mampu membayar denda ini.

Keyakinan pengguna terhadap keberkesanan penguatkuasaan. Walaupun tindakan penguatkuasaan dijalankan, namun pengguna sebenarnya masih sangsi tentang keberkesanannya. Saban tahun pengguna yang masih merungut tentang hal harga barang yang naik terutama semasa musim perayaan. Begitu juga dengan harga ayam yang tidak menentu ini kerana peniaga secara sewenang-wenangnya menaikkan harga barang walaupun telah wujud akta yang boleh mengekang tindakan peniaga yang mengaut keuntungan yang berlebihan. Walaupun sebelum ini kerajaan ada melakukan semakan harga beberapa barangan bersubsidi berdasarkan cadangan Makmal Rasionalisasi Subsidi, Unit Pengurusan, Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU). Rasionalnya walaupun kadar kenaikan yang berlaku mungkin kecil, namun jika tidak dikawal ia boleh menyebabkan kesan jaringan kepada barang yang lebih yang lain tidak berkaitan. Keadaan inilah yang sering berlaku sebelum ini.

Justeru kerajaan terutamanya penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan hendaklah sentiasa memantau dan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang cuba mengaut keuntungan secara berlebihan apatah lagi mulai 1 April 2015, GST akan dilaksanakan. Inisiatif lain, kewujudan beberapa inisiatif kerajaan di bawah program 1Malaysia seperti Kedai Rakyat 1Malaysia, Menu 1Malaysia dan sebagainya merupakan pilihan kepada pengguna untuk membeli barang keperluan pada harga yang lebih rendah, namun ia tidak membolehkan kedai yang lain boleh menetapkan harga sesuka hati tanpa alasan yang kukuh. Penentuan harga barang atau perkhidmatan perlulah berdasarkan kepada kos operasi dan margin keuntungan. Jika berlaku kenaikan kos operasi maka peniaga wajar menaikkan harga tetapi ia perlu setimpal dengan kos tersebut dan bukannya menaikkan dengan berganda-ganda umpamanya sebelum ini apabila kerajaan menaikkan harga gula 20 sen iaitu mengurangkan subsidi 20 sen, ada restoran yang menaikkan harga minuman juga 20 sen. Keadaan ini tidak sewajarnya berlaku dan dibiarkan secara berleluasa.

Untuk menjimatkan masa Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali keperluan memperkasakan akta ini apabila GST dilaksanakan pada tahun 2015. Kerajaan perlu memperkukuh penguatkuasaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan bagi mengekang tindakan peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga barang apabila Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014 dilaksanakan pada tahun hadapan. Saya juga mencadangkan agar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan supaya turut sama-sama memantau dan bertindak terhadap pengilang dan pemborong yang melakukan perkara ini. Dengan ini, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014 ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff, silakan Yang Berhormat.

3.59 ptg.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setinggi-tinggi

kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana kasih sayang-Nya, saya dapat turut serta mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014.

Tuan Yang di-Pertua, umum sedia maklum baru-baru ini Parlimen Malaysia telah meluluskan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 atau lebih dikenali dengan akronim Inggerisnya iaitu GST yang pastinya akan dilaksanakan pada 1 April tahun depan. Kita juga sedia maklum bahawa usaha untuk memperkenalkan dan melaksanakan kaedah percukaian GST ini telah bermula sejak dua dekad yang lalu. Akan tetapi di atas kasih sayang, kebaikan, keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa meletakkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat sebagai matlamat utama, ia telah ditangguhkan beberapa kali untuk memastikan bahawa rakyat tidak dibebani dengan kos sara hidup yang tinggi.

■1600

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Tuan Yang di-Pertua, apabila GST telah diluluskan dengan objektif untuk melaksanakan sistem percukaian negara yang lebih telus, cekap dan berkesan, timbul pula kebimbangan mengenai kesan pelaksanaan GST ini ke atas harga barang dan perkhidmatan di pasaran tempatan.

Maka sekali lagi di atas kasih sayang dan keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini jugalah maka pindaan dibuat kepada Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011. Untuk memastikan bahawa rakyat tidak dibebani dengan kenaikan kos yang melampau oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab yang mungkin akan menggunakan GST sebagai alasan untuk menaikkan harga barang dan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini sering kita mendengar keluh kesah, kegelisahan dan keresahan rakyat mengenai kos barangan dan perkhidmatan yang semakin meningkat yang memberi kesan secara langsung kepada rakyat terutamanya golongan miskin, berpendapatan sederhana dan rendah. Ini adalah keresahan, rintihan dan keluhan yang sememangnya perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh kerajaan kerana ia membabitkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat secara langsung.

Oleh yang demikian, peranan yang dimainkan oleh KPDNKK sebagai agensi penguat kuasa mengenai hal ehwal perdagangan dalam negeri adalah penting. Ini supaya KPDNKK dapat memastikan bahawa pemantauan dibuat dengan berkesan agar ia tidak membebani rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah.

Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian mengenai usaha pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan dari kementerian. Kita sudah melihat pelbagai mekanisme yang dilaksanakan oleh kementerian. Akan tetapi kita juga sering mendengar mengenai isu-isu penguatkuasaan yang masih dan banyak kelemahan-kelemahan tertentu terutamanya dari segi aspek bilangan pegawai penguat kuasa yang tidak mencukupi.

Soalan saya, bolehkah kementerian jelaskan apakah sebenarnya kekangan-kekangan utama yang dihadapi oleh kementerian dalam menjalankan tugas penguatkuasaan dengan berkesan? Jika kita lihat kepada perbahasan di Dewan Rakyat, terdapat isu-isu penguatkuasaan yang masih lagi

dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat daripada Sabah dan Sarawak yang masih bertanya mengenai isu-isu penguatkuasaan yang masih lemah dan masih bermasalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kementerian menyenaraikan kekangan-kekangan yang dihadapi oleh kementerian dan memberi penjelasan di Dewan yang mulia ini akan penilaian tahap sebenar keberkesanan penguatkuasaan pada masa ini di seluruh negara? Apa yang diperlukan juga dirancang oleh kementerian untuk mengatasi kekangan-kekangan tersebut. Itulah persoalan yang ingin saya bangkitkan. Saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Selesailah sudah perbincangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.04 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan juga cadangan serta mengutarakan isu-isu berkaitan dengan Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (Pindaan) 2014 bagi bacaan kali kedua ini.

Daripada rekod yang saya catat, seramai 11 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi maklum balas dan juga cadangan-cadangan kepada kementerian dan *insya-Allah* saya akan cuba untuk memberi jawapan-jawapan di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya percaya, cadangan dan juga pandangan tersebut amat bermanfaat bagi kementerian untuk kita memperteguh lagi Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan terutamanya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang pertama tadi iaitu Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki mengenai dengan apakah jaminan kepada rakyat bahawa pemantauan berkesan supaya rakyat tidak dikenakan caj-caj berganda di bawah seksyen 10A rang undang-undang yang dibentangkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian akan membuat pemantauan yang lebih rapi dan berdasarkan rekod-rekod yang diberi bagi memastikan peniaga tidak mengamalkan caj berganda yang tidak sepatutnya dikenakan di bawah seksyen baru 10A akta. Kementerian telah juga menambah seramai 472 orang pegawai penguat kuasa bagi tujuan pemantauan tersebut. Peniaga-peniaga yang tidak mematuhi peraturan seksyen baru 10A(2) boleh dikenakan tindakan undang-undang dan boleh disabitkan di bawah subseksyen 10(2)(a). Di mana juga peniaga-peniaga adalah denda-denda yang telah ditetapkan seperti yang saya sebut. Kalau pertubuhan boleh didenda tidak melebihi RM500,000 dan juga perseorangan sehingga RM100,000.

Juga mengenai dengan apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki ialah apakah model yang digunakan oleh kementerian bagi menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah. Keuntungan tinggi yang tidak munasabah adalah subjektif seperti apa Yang Berhormat sebut. Memang betul daripada aspek penentuan kemunasabahan.

Walau bagaimanapun, kementerian dalam proses untuk menggubal peraturan yang akan menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah di bawah seksyen 15(a) akta yang telah diwartakan sebelum hujung tahun ini. Mengenai dengan definisi pengiraan serta pengukuhan mengenai mekanisme akan diperjelaskan dalam peraturan tersebut.

Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin mengenai dengan isu menggempur orang tengah di mana dinyatakan penguatkuasaan tidak begitu berkesan dan tidak konsisten. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian begitu prihatin dengan isu orang tengah dan masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga kecil dan juga pengusaha-pengusaha. Untuk makluman Yang Berhormat, pemantauan dan penguatkuasaan sentiasa dijalankan di semua peringkat perniagaan termasuklah pengeluar, pemborong dan juga peruncit. Peranan orang tengah dalam rantaian pengedaran tidak semestinya memberi kesan yang negatif. Walau bagaimanapun, kementerian sentiasa memantau kegiatan pemborong dan juga orang tengah bagi menyekat sebarang aktiviti mengambil kesempatan daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Mengenai dengan soalan Yang Berhormat adakah bilangan pegawai penguat kuasa mencukupi untuk melaksanakan penguatkuasaan. Untuk maklumat Yang Berhormat, pada masa ini kementerian mempunyai seramai 2,000 pegawai penguatkuasaan untuk melaksanakan penguatkuasaan pelbagai perundangan di bawah tanggungjawab di bawah KPDNKK.

■1610

Bagi persediaan pelaksanaan GST, kerajaan telah meluluskan penambahan sebanyak 472 lagi jawatan bagi menjalankan pemantauan dan juga penguatkuasaan dengan lebih berkesan untuk melindungi pengguna daripada kegiatan penyelewengan harga. Mengenai dengan cadangan supaya NBOS dilaksanakan, untuk makluman Yang Berhormat selain pegawai penguat kuasa dan pemantau harga, tugas pemantauan harga turut diperturunkan kepada jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung iaitu JKKK yang juga melibatkan seramai 712 penghulu dan juga penggawa.

Di samping itu, kementerian juga akan berbincang dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai kaedah pelaksanaan bagi menurunkan kuasa kepada PBT untuk melaksanakan penguatkuasaan akta sekiranya perlu.

Untuk jawapan pada Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam mengenai dengan pendidikan pengguna. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Seri, kementerian telah pun melaksanakan pendidikan kepenggunaan kepada orang ramai sejak daripada peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan seterusnya di peringkat universiti. Bagi tahun 2014, sebanyak RM3 juta telah diperuntukkan kepada pihak NGO untuk bersama-sama melaksanakan program pendidikan kepenggunaan. Usaha-usaha yang dijalankan bertujuan untuk membolehkan pengguna menjadi pengguna yang bijak dan dapat menggunakan hak-hak mereka sebagai pengguna.

Yang Berhormat Puan Khairiah binti Mohamad. Adakah kementerian boleh mengarahkan supaya harga diturunkan? Untuk makluman Yang Berhormat, akta ini tidak diperuntukkan secara nyata bahawa Menteri boleh mengalahkan penurunan harga. Namun, di bawah seksyen 4 dan 5 akta, kementerian boleh menentukan harga maksimum dan juga minimum atau menetapkan harga barangan dan perkhidmatan tertentu melalui perintah yang disediakan dalam warta.

Sekiranya peniaga melanggar perintah dan juga mengenakan harga yang lebih tinggi dari yang ditetapkan, peniaga akan dikenakan tuduhan di bawah akta tersebut. Mengenai dengan statistik anggota penguat kuasa mengikut negeri, untuk makluman Yang Berhormat dari segi pegawai penguat kuasa, kita ada lebih kurang 2,000 orang di seluruh negara. Cuma statistik mengikut negeri tidak dapat dikemukakan pada masa ini dan akan dikemukakan secara bertulis kepada Yang Berhormat nanti.

Mengenai dengan memohon penjelasan sama ada terdapat SOP untuk mana-mana masa tertentu melarang peniaga meningkatkan keuntungan.

Untuk makluman Yang Berhormat, mekanisme bagi menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah yang akan dibuat melalui peraturan akan ada pengukuran tempoh yang sesuai dan wajar. Di mana sesuatu perniagaan tidak boleh menaikkan margin keuntungan bersih bagi barangan dan perkhidmatan sebelum dan selepas pelaksanaan GST pada 1 April 2015 nanti.

Perkara ini sedang dalam kajian kementerian bagi menetapkan kesesuaian tempoh yang dimaksudkan. Mengenai dengan kesalahan urusan niaga secara *online*. Berhubung perniagaan *online*, kementerian masih boleh mengambil tindakan ke atas sebarang transaksi yang berkait dengan pengenalan GST di bawah akta ini dan mana-mana undang-undang lain yang berkaitan. Jadi, maksudnya, makna kata kementerian boleh mengambil tindakan di atas sebarang transaksi yang berkaitan dengan perniagaan secara *online*.

Yang Berhormat Dato' Goonasakaren. Mengenai dengan peniaga mengekalkan SST, Cukai Jualan dan Perkhidmatan dan dikenakan GST bersama. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam memastikan penjimatan daripada tuntutan kredit cukai input serta bayaran balik khas cukai jualan semasa iaitu GST dipindahkan kepada pengguna. Selain diwujudkan juga supaya menjadi kewajipan ke atas peniaga untuk larangan mengambil kira sebagai sebahagian harga atau caj. Sekiranya tidak mematuhi, akan menjadi satu kesalahan dan kementerian akan mengambil tindakan tegas yang penaltinya saya sebut tadi. Kalau syarikat RM500,000 dan juga perseorangan RM100,000. Itu Yang Berhormat Dato' Goonasakaren.

Untuk makluman Yang Berhormat Puan Bathmavati, talian terus bagi aduan mengenai kenaikan harga. Untuk makluman talian secara terus ada dipaparkan dalam portal KPDNKK iaitu talian *hotline* 1800-886-800 atau pun telefon 03-8000 8000. E-aduan juga boleh dibuat melalui *online* di portal. Saya menyebut nombor-nombor ini untuk makluman Yang Berhormat semua dan juga sebagai rekod dan makluman bagi mendapatkan perkara ini dimasukkan di dalam *Hansard* supaya mudah Yang Berhormat mendapat talian *hotline* dan juga telefon.

Mengenai dengan apakah boleh atau pun mampu untuk kajian pantau harga barangan di seluruh negara, perlu ada saluran di mana pelanggan boleh buat aduan berkaitan dengan harga serta

laporan segera. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini kementerian sememangnya membuat pemantauan dan juga kutipan harga barangan keperluan pengguna di hampir 10,000 kedai runcit termasuklah pasar raya, pasar awam dan juga *hypermarket* di seluruh negara.

Dengan pelaksanaan GST ini, kementerian telah meluluskan seramai 160 orang pegawai pemantau harga lagi. Ini menjadi jumlah pegawai pemantau harga di seluruh negara seramai 1,238 untuk memantau lebih daripada 5,000 barangan dan perkhidmatan di seluruh negara mengikut setiap kawasan Parlimen. Bagi membantu pengguna mendapatkan maklumat berkenaan harga sesuatu barangan mengikut kawasan masing-masing, pengguna boleh membuat semakan harga di laman portal *price watch* kementerian di www.1pengguna.com dan untuk sebarang aduan seperti yang saya sebut sebentar tadi.

Soalan daripada Yang Berhormat- kita pergi yang dapat pada saya dahulu Puan Roslin bin Haji Abdul Rahman. Penguatkuasaan penurun kuasa kepada pihak PBT. Mengenai dengan penurunan kuasa kepada pihak PBT menyentuh pemberian kuasa kepada pihak PBT ini, ini tidak bermaksud pihak berkuasa tempatan secara automatik boleh menjalankan penguatkuasaan kerana perbincangan lanjut akan diadakan dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk meneliti kaedah pelaksanaannya bagi memastikan penguatkuasaan bersepadu ini dijalankan dengan lancar.

Mengenai apakah jenis barang dan juga perkhidmatan yang perlu diberi tanda harga. Untuk makluman Yang Berhormat, semua peruncit adalah diwajibkan meletakkan tanda harga pada barangan yang dijual di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993. Buat masa ini, perkhidmatan tidak diwajibkan diletakkan penandaan harga di bawah perundangan. Namun demikian, KPDNKK akan mengambil tindakan untuk membuat pindaan kepada peraturan penandaan harga ini. Ini supaya kewajipan penandaan harga ini merangkumi kedua-dua barangan dan juga perkhidmatan selaras dengan pelaksanaan GST.

■1620

Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop mencadangkan membuat pusingan di kalangan pegawai-pegawai di Majlis Daerah. Syor ini akan diambil perhatian dan perbincangan ini akan diadakan dengan pihak berwajib Majlis Daerah dan juga pihak KPKT berkenaan dengan penukaran kesesuaian pelaksanaan. Memang benar seperti kata Yang Berhormat, pengalaman saya sebagai Ahli Majlis dan juga Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang penguat kuasa di peringkat daerah agak sentiasa berdamping dengan peniaga-peniaga yang ada di seluruh kawasan.

Mengenai dengan penutupan siling bagi musim perayaan, penetapan harga siling. Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri telah pun mengumumkan mengenai dengan harga di bawah skim kawalan harga bermusim 28 Julai yang lalu. Untuk makluman tarikh penguat kuasa skim kawalan harga ini ialah bermula dari 20 Julai 2014 dan sehingga 5 Ogos 2014, iaitu selama 17 hari skim kawalan harga musim perayaan ini. Lapan hari sebelum hari perayaan, Hari Raya, satu hari untuk hari perayaan dan lapan hari selepas hari perayaan. Jadi keseluruhannya 17 hari skim

kawalan ini dikuatkuasakan dan sebanyak 18 barangan harga terkawal telah pun ditetapkan termasuklah ayam hidup, ayam standard, ubi, kelapa dan sebagainya.

Menjawab soalan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan, apakah peranan Majlis Penasihat Harga? Di bawah Akta 2011, Majlis Penasihat Harga boleh ditubuhkan untuk menasihati Menteri mengenai dengan isu-isu berhubung dengan harga dan pencatutan. Komposisi Majlis Penasihat Harga adalah terdiri daripada wakil, seperti wakil kerajaan, wakil di kalangan industri, perniagaan, perundangan, ekonomi dan sebagainya. Pada masa ini pelantikan keahlian Majlis Penasihat Harga masih dalam pertimbangan kementerian. Ini supaya Majlis Penasihat Harga ini dapat memainkan peranan yang berkesan untuk membantu kementerian bagi memenuhi fungsi mengikut seperti apa yang dihasratkan.

Mengenai dengan jumlah premis yang dipantau dan juga diberi notis. Untuk makluman Yang Berhormat, dari Januari hingga 30 Jun pemeriksaan premis kita telah adalah sebanyak 641,819. Jumlah pemeriksaan dan jumlah amaran yang kita bagi 20. Jumlah notis di bawah seksyen 21 telah pun dikeluarkan sebanyak 89 dan jumlah keseluruhan kes yang diambil 3,521. Untuk makluman jumlah keseluruhan nilai rampasan di dalam tempoh dari Januari hingga Jun ialah RM700,364.27 iaitu jumlah nilai rampasan yang kita buat. Jumlah keseluruhan kompaun sebanyak RM164,550.00 dan mengikut jumlah keseluruhan ini dan juga kompaun mengikut akta. Kalau Akta Kawalan Harga Antipencatutan ada 2,359 kes, di bawah Akta Timbang dan Sukat ada 1,108 kes. Jumlah kes di bawah Perihal Dagangan 2011 ada 15 kes dan di bawah Akta Perlindungan Pengguna ada 39 kes. Jadi jumlah kes yang kita ambil 3,521. Jadi bermakna penguat kuasa menjalankan tugas masing-masing. *Alhamdulillah* lebih daripada 600,000 pemeriksaan telah pun dibuat sepanjang tahun ini.

Yang Berhormat Puan Shahanim, apakah kekangan yang dihadapi dalam penguatkuasaan akta? Untuk makluman Yang Berhormat pegawai penguat kuasa di kementerian bertanggungjawab untuk menguatkuasakan 33 akta selain akta ini yang kita bawa pada hari ini. Ada lagi 33 akta dan lebih daripada 100 perundangan dan juga subsidi. Bilangan penguat kuasa adalah seramai 2,000 orang sahaja untuk menjalankan penguatkuasaan kementerian.

Jadi kementerian terpaksa memberi keutamaan kepada perkara-perkara yang mendesak dan kritikal terlebih dahulu seperti ketirisan diesel seperti Yang Berhormat sebut tadi. Begitu juga kenaikan harga barang dan juga mengenai dengan isu cetak rompak. Itulah kekangan yang ada dan saya memang bersetuju seperti Yang Berhormat kekangan-kekangan yang terdapat kepada banyak akta-akta yang terdapat di kementerian dan juga 100 perundangan yang perlu dilihat oleh bahagian penguatkuasaan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit sebanyak yang dapat saya sampaikan dan mungkin ada jawapan-jawapan yang lain. *Insyallah* saya akan bekalkan kemudian untuk memenuhi segala permintaan dan juga apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat kepada kementerian. Akhir sekali saya sudahi dengan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah banyak menyumbang pandangan dan juga saranan mereka terhadap Rang Undang-undang

Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014 ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 8** diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

■1630

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENGGALAKAN PELABURAN (PINDAAN) 2014

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum kita mulakan, saya ingin menarik perhatian semua Yang Berhormat ini ialah rang undang-undang yang terakhir dan ini adalah hari terakhir bagi kita semua. Saya berharap kalau dapat kerjasama semua Ahli Yang Berhormat, kalau dapat jimatkan masa lagi baik. Di samping itu, kita ada seramai lima orang akan berbahas. Tanpa membuang masa saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim. Minta maaf. Ya, saya minta Yang Berhormat Menteri membuat huraian dahulu. Sudah hendak cepat sangat.

4.31 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Bulan puasa *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat. Silakan.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon mencadangkan Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2014 untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta 327 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta 327 memperuntukkan insentif bagi menggalakkan pelaburan kepada aktiviti-aktiviti dan produk-produk yang berkelayakan dalam sektor perkilangan, pertanian, pelancongan termasuk hotel dan lain-lain *enterprise* komersial di Malaysia. Terdapat dua insentif utama di bawah akta ini iaitu seperti berikut:

- (i) taraf perintis, pengecualian cukai pendapatan dari 70% hingga 100% ke atas pendapatan statutori bagi tempoh lima hingga sepuluh tahun; dan
- (ii) elaun cukai pelaburan sebanyak 50% hingga 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak bagi tempoh lima hingga sepuluh tahun. Elaun tersebut boleh di *offset* kan dengan 70% hingga 100% pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

Selaras dengan pengumuman Bajet 2008, 2010 dan 2011 yang mana kerajaan memperkenalkan insentif-insentif terbaru dan memansuhkan beberapa insentif yang telah tamat tempoh, Akta Penggalakan Pelaburan 1986 perlu dipinda untuk dikemaskinikan. Pindaan yang diperkenal akan merangsang pertumbuhan ekonomi, mengukuhkan lagi daya tahan negara serta mewujudkan persekitaran perdagangan dan pelaburan yang lebih dinamik. Mengambil kira pakej-pakej insentif yang telah dilaksanakan secara pentadbiran, pindaan telah dicadangkan kepada peruntukan yang berkaitan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 mengenai seperti berikut:

- (i) penamatan insentif-insentif yang telah tamat tempoh kuat kuasanya;
- (ii) penganjutan tempoh kuat kuasa insentif seperti yang diumumkan semasa pembentangan bajet tahunan;
- (iii) pengenalan insentif baru seperti yang diumumkan semasa pembentangan bajet tahunan;
- (iv) pengenalan peruntukan-peruntukan baharu untuk memperkemas penguatkuasaan akta ini; dan
- (v) penyelarasan akta ini dengan peruntukan-peruntukan yang dibaca dan ditafsirkan bersama dengan Akta Cukai Pendapatan 1967.

Tuan Yang di-Pertua, penamatan insentif-insentif yang telah tamat tempoh kuat kuasanya adalah seperti berikut:

- (i) penamatan insentif bagi kawasan digalakkan yang mana insentifnya tamat pada 1 Jan 2011. Kawasan-kawasan yang digalakkan merangkumi negeri-negeri di dalam kawasan Koridor Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang, Daerah Mersing, Johor, Perlis, Sabah dan Sarawak;
- (ii) insentif untuk kawasan digalakkan tersebut tidak lagi dilanjutkan. Ini selaras dengan perkembangan semasa yang mana semua kawasan digalakkan terletak dalam koridor-koridor ekonomi wilayah yang telah menyediakan pelbagai insentif menarik; dan

- (iii) pindaan perlu dilakukan dengan memotong seksyen-seksyen yang berkaitan iaitu seksyen 5(1DE), 21K, 26L, 27L, dan 29M.

Penamatan insentif elaun infrastruktur berkuat kuasa 1 Januari 2011. Elaun infrastruktur merupakan salah satu insentif yang disediakan di bawah kawasan digalakkan. Ia diberikan kepada syarikat yang telah melakukan perbelanjaan modal ke atas infrastruktur yang berkenaan dengan perniagaan yang beroperasi di dalam suatu kawasan digalakkan. Memandangkan insentif kawasan digalakkan telah tamat atau ditamatkan pada 1 Januari 2011, maka pemberian elaun infrastruktur turut diberhentikan pada tahun yang sama. Oleh yang demikian, pindaan perlu dilakukan dengan memansuhkan Bab VII iaitu elaun infrastruktur akta ini.

Penamatan insentif bagi program rangkaian industri. Penamatan insentif bagi program rangkaian industri untuk syarikat kecil dan sederhana yang membekalkan komponen, teknologi atau R&D. Insentif ini telah diperkenalkan semasa Bajet 2008 dan tamat tempoh kuat kuasa pada 1 Januari 2011. Sehubungan itu, pindaan perlu dilakukan ke atas seksyen 2, 4C, 5(1B), 5(1DA), 21D, 21DA, 21F, 26B, 26F, 27B dan 29C.

Penamatan insentif untuk syarikat yang menyertai aktiviti pengetahuan intensif strategik. Kerajaan telah memperkenalkan insentif untuk menggalakkan penyertaan syarikat Malaysia di dalam aktiviti pengetahuan intensif strategik semasa pengumuman Bajet 2010. Oleh itu, sejajar dengan penamatan insentif ini pada 1 Januari 2012, pindaan ke atas akta perlu dilakukan dengan memotong seksyen-seksyen yang berkenaan iaitu seksyen 5(1DA), seksyen 21G, seksyen 26H, 27H dan 29I. Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dilakukan ke atas akta ini berikut pelanjutan tempoh kuat kuasa insentif adalah berkenaan pelanjutan insentif bagi aktiviti penjana tenaga daripada sumber boleh diperbaharui dan penjimatan.

Semasa pengumuman Bajet 2008, kerajaan telah memperkenalkan insentif untuk menggalakkan syarikat-syarikat menjalankan aktiviti penjana tenaga daripada sumber boleh diperbaharui ke arah penjimatan tenaga untuk kegunaan sendiri. Semasa Bajet 2011, kerajaan mengumumkan pelanjutan insentif ini sehingga 31 Disember 2015 sejajar dengan komitmen kerajaan untuk memajukan teknologi hijau dan memastikan kelestarian alam sekitar. Oleh yang demikian, pindaan telah dilakukan ke atas seksyen 5(1DB), 26I, 26N, 27N, 29O, Akta 327 untuk memasukkan pelanjutan tempoh kuat kuasa insentif tersebut. Selain itu, peruntukan baru turut diperkenalkan di bawah seksyen 26I, 27I, 29J, 43A untuk mengecualikan syarikat yang menjana tenaga yang boleh diperbaharui untuk kegunaan sendiri daripada mempunyai akaun berasingan. Pindaan juga dibuat pada seksyen 29(7)(iii) bertujuan untuk memasukkan pembelian sesuatu bangunan dalam takrif perbelanjaan modal berhubung dengan perniagaan hotel.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan turut dilakukan ke atas akta ini berikutan pengenalan insentif baru dan pengenalan peruntukan-peruntukan baru untuk memperkemas penguatkuasaannya. Perkara-perkara yang dipinda adalah berkenaan pengenalan pengecualian cukai bagi syarikat yang menubuhkan atau menaiktarafkan makmal pengujian peranti perubatan di Malaysia. Makmal pengujian peralatan perubatan telah dikenal pasti sebagai satu khidmat sokongan penting untuk menentukan

peralatan perubatan keluaran negara berkualiti dan mencapai piawaian antarabangsa. Memandangkan kemudahan makmal ujian dalam negara masih belum mencukupi, kebanyakan peralatan perubatan dihantar ke luar negara untuk diuji. Bagi menggalakkan pelabur swasta melabur dalam makmal ujian peralatan perubatan bertaraf antarabangsa, kerajaan telah mengumumkan semasa Bajet 2008 pemberian insentif kepada syarikat yang melabur dalam makmal baru atau menaik taraf makmal sedia ada.

Sehubungan itu, pindaan perlu dibuat ke atas seksyen 21F, 26F, 29G. Pindaan ini juga bertujuan untuk memperuntukkan tempoh insentif bagi syarikat yang menubuhkan atau menaik taraf makmal pengujian peranti perubatan sehingga 31 Disember 2012. Penamatan takrif syarikat. Untuk memastikan hanya syarikat yang ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 layak untuk menikmati insentif di bawah akta ini, takrif syarikat telah diperkenalkan di bawah seksyen 2.

■1640

Pengenalan jangka masa statutori untuk perakuan atau perlanjutan tempoh masa bagi taraf perintis dan elaun cukai pelaburan.

Bagi memastikan pengurusan insentif dilaksanakan dengan lebih terancang, suatu peruntukan telah diperkenalkan mengenai jangka statutori untuk perakuan atau perlanjutan tempoh masa bagi taraf perintis dan elaun cukai pelaburan. Peruntukan tersebut membolehkan suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis atau elaun cukai pelaburan memohon bagi penentuan tarikh kuat kuasa atau perlanjutan tempoh bagi permohonan sedemikian sebelum tamat tempoh 24 bulan atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri. Peruntukan ini diperkenalkan di bawah seksyen 7 berhubung taraf perintis dan seksyen 27P berhubung elaun cukai pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan turut dilakukan ke atas akta ini bagi tujuan penyelarasan peruntukan-peruntukan yang dirujuk dari Akta Cukai Pendapatan 1967. Perkara-perkara yang dipinda adalah seperti berikut.

Pertama, pemotongan seksyen-seksyen berkaitan bangunan hotel yang disifatkan sebagai bangunan industri. Berdasarkan pengumuman Bajet 2002 berhubung pemberian elaun bangunan industri kepada semua hotel, peruntukan baru telah dimasukkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 yang mentafsirkan bangunan hotel sebagai bangunan industri. Perkara yang sama telah diperkenalkan di bawah seksyen 37F di bawah Jadual Ketiga, Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53].

Kedua, satu keputusan dasar telah dibuat untuk menyelaraskan insentif-insentif berkaitan perhotelan yang dirujuk di dalam Akta Cukai Pendapatan 1967. Sehubungan itu, Akta 327 telah dipinda dengan memotong seksyen 19 dan seksyen 30 berhubung hotel sebagai bangunan industri, peruntukan-peruntukan berkenaan, perkara yang sama masih terpakai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Ketiga, pemotongan seksyen-seksyen berkaitan sistem taksiran sendiri. Akta Cukai Pendapatan 1967 telah memperuntukkan pelaksanaan sistem taksir sendiri pada syarikat-syarikat. Justeru, peruntukan yang sama telah turut dimasukkan di dalam Akta 327. Melalui sistem tersebut, syarikat dikehendaki menyenggara penyata terkecuali bagi pendapatan perintis yang dikecualikan. Lembaga

Hasil Dalam Negeri Malaysia berperanan untuk memantau agihan dividen daripada pendapatan yang dikecualikan kepada pemegang saham melalui tindakan pengauditan.

Keempat, satu keputusan dasar telah dibuat yang mana peruntukan-peruntukan dipinjam dari Akta Cukai Pendapatan 1967 perlu dibaca dan ditafsirkan bersama akta tersebut. Justeru, Akta 327 telah dipinda dengan memotong seksyen 22A, 23, 24, 29, 29A, 29AA, 29B, 29D, 29E, 29F, 29G dan 29H. Peruntukan-peruntukan tersebut masih terpakai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang dipinda di dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*] adalah seperti berikut.

Fasal 1, pindaan ini bertujuan untuk mencadangkan agar peruntukan akta ini mula berkuat kuasa pada:

- (a) pada 31 Ogos 2007 untuk penamatan pengurangan pendapatan larasan;
- (b) pada 8 September 2007 untuk insentif bagi memperuntukkan pengecualian kepada syarikat yang menjana tenaga yang boleh diperbaharui untuk kegunaan sendiri daripada mempunyai akaun berasingan dan syarikat yang menubuhkan makmal ujian peranti perubatan; dan
- (c) pada 1 Januari 2011 untuk insentif bagi penamatan kawasan digalakkan, penamatan program rangkaian industri, syarikat yang menempatkan semula suatu aktiviti digalakkan atau produk digalakkan yang sedia ada dari luar kawasan digalakkan ke kawasan digalakkan, perlanjutan tempoh insentif untuk penjanaan tenaga boleh diperbaharui, pemuliharaan tenaga untuk kegunaan sendiri dan penamatan elaun infrastruktur; dan
- (d) pada 1 Januari 2012 untuk penamatan insentif bagi aktiviti pengetahuan insentif strategik mula berkuat kuasa.

Fasal 2, pindaan kepada seksyen 2. Pindaan ini bertujuan untuk memotong:

- (a) tarif kawasan digalakkan dan program rangkaian industri memandangkan insentif tersebut telah ditamatkan berkuat kuasa 1 Januari 2011;
- (b) memasukkan tarif syarikat untuk memastikan hanya syarikat yang ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 layak untuk menikmati insentif di bawah akta ini; dan
- (c) memotong perkataan '*atau syarikat sederhana*' dan '*[Akta 125]*' dalam definisi syarikat kecil atau syarikat sederhana.

Fasal 4, 5, 9, 10, 18, 25 dan 37, pindaan kepada seksyen 4C, 5(1B), 21D, 21DA, 26B, 27B dan 29C. Pindaan-pindaan ini bertujuan untuk memotong seksyen-seksyen dan subseksyen berkaitan insentif untuk kawasan digalakkan memandangkan insentif ini telah ditamatkan berkuat kuasa 1 Januari 2011.

Fasal 5, pindaan kepada seksyen 5. Pindaan ini bertujuan untuk:

- (a) meminda perenggan (1D)(a) kerana insentif bagi program rangkaian industri telah ditamatkan berkuat kuasa 1 Januari 2011 dalam Bajet 2008;

- (b) memotong subseksyen (1DA) kerana insentif bagi aktiviti pengetahuan intensif yang strategik telah ditamatkan berkuat kuasa pada 1 Januari 2012;
- (c) meminda subseksyen (1DB) kerana tempoh bagi insentif yang diberi kepada syarikat yang menyertai atau berhasrat untuk menyertai penjana tenaga boleh diperbaharui atau menyediakan perkhidmatan penjimatan tenaga di Malaysia selain untuk kegunaan sendiri dilanjutkan sehingga 31 Disember 2015 mengikut Bajet 2011; dan
- (d) memotong subseksyen (1DE) berikutan penamatan insentif bagi syarikat yang menempatkan semula aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sedia ada dari luar kawasan digalakkan ke suatu kawasan digalakkan berkuat kuasa 1 Januari 2011.

Fasal 7, pindaan kepada seksyen 7. Pindaan ini bertujuan untuk meminda seksyen 7 bagi mengadakan suatu jangka masa statutori untuk mana-mana syarikat yang telah diluluskan taraf perintis untuk memohon perakuan perintis sebelum tamat tempoh 24 bulan atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Fasal 8 dan 47, pindaan kepada seksyen 19 dan 30. Pindaan ini bertujuan untuk memotong seksyen 19 dan 30 berhubung dengan bangunan hotel yang disifatkan sebagai bangunan industri kerana perkara yang sama telah diperuntukkan dalam Perenggan 37F, Jadual 3 pada Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53].

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah? Lain kali pegawai itu jangan terlalu panjang sangat, huraikan dengan ringkas sahajalah.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Ini sangat teknikal ya. Tinggal sikit lagi. Saya cuba ringkaskan.

Fasal 11, 19 dan 41, pindaan kepada seksyen 21F, 26F dan 29G. Pindaan ini bertujuan untuk memotong insentif program rantai industri dan memperuntukkan pengecualian cukai bagi pendapatan nilai tambahan bagi syarikat yang menaik taraf makmal pengujian peranti perubatan yang sedia ada di Malaysia. Selanjutnya, pindaan ini juga bertujuan memperuntukkan tempoh insentif bagi syarikat yang menubuhkan atau menaik taraf makmal pengujian peranti perubatan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2012.

Fasal 12, 20, 26 dan 42, pindaan kepada seksyen 21G, 26H, 27H dan 29I. Pindaan ini bertujuan untuk memotong seksyen-seksyen berkaitan insentif untuk aktiviti pengetahuan intensif yang strategik berikutan penamatan insentif ini berkuat kuasa 1 Januari 2012 mengikut Bajet 2010.

Fasal 13, 23, 28 dan 45, pindaan kepada seksyen 21K, 26L, 27L dan 29M. Pindaan ini bertujuan untuk memotong seksyen-seksyen berkaitan insentif untuk syarikat yang menempatkan semula aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sedia ada dari luar kawasan digalakkan ke suatu kawasan digalakkan berikutan insentif untuk kawasan digalakkan telah ditamatkan berkuat kuasa 1 Januari 2011.

Fasal 14, 15, 16, 33, 34, 35, 36, 38, 39, 40, 41 dan 42, pindaan kepada seksyen 22A, 23, 24, 29, 29A, 29AA, 29B, 29D, 29E, 29F, 29G dan 29H. Pindaan ini bertujuan untuk meminda seksyen-seksyen berbangkit daripada pengenalan seksyen 22A selaras dengan sistem taksir sendiri yang diperkenalkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*]. Pindaan tambahan kepada seksyen 24 merupakan pindaan berbangkit daripada pemotongan seksyen-seksyen berkaitan insentif untuk kawasan digalakkan dan penempatan semula aktiviti perkilangan dari luar kawasan digalakkan ke suatu kawasan digalakkan yang telah dihentikan berkuat kuasa 1 Januari 2011.

Fasal 5, 21, 24, 27, 30, 44 dan 50, pindaan kepada seksyen 26I, 26N, 27N, 29O, 29J, 43A dan subseksyen 5(1DB). Pindaan ini bertujuan untuk meminda seksyen-seksyen dan subseksyen berkaitan insentif untuk syarikat yang menyertai atau berhasrat untuk menyertai aktiviti penjana tenaga boleh diperbaharui atau menyediakan perkhidmatan penjimatan tenaga di Malaysia memandangkan insentif ini dilanjutkan sehingga 31 Disember 2015 seperti yang diumumkan dalam Bajet 2011.

Pindaan kepada seksyen 26I, 27I, 29J dan 43A adalah bertujuan untuk mengecualikan syarikat yang menjana tenaga yang boleh diperbaharui untuk kegunaan sendiri daripada mempunyai akaun berasingan.

■1650

Pindaan juga dibuat kepada seksyen 29(7)(3) bertujuan untuk memasukkan pembelian sesuatu bangunan dalam takrif perbelanjaan modal berhubung dengan perniagaan hotel. Kedua belas, pengenalan seksyen baru 27B fasal 31. Pindaan ini bertujuan memperkenalkan seksyen baru 27B untuk mengadakan satu jangka masa bagi satu syarikat yang telah diberikan elaun cukai pelaburan untuk memohon bagi penentuan tarikh kuat kuasa atau perlanjutan tempoh bagi permohonan sedemikian sebelum tamat tempoh 24 bulan atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri. Tiga belas, pindaan kepada Bab VII fasal 49. Pindaan ini bertujuan untuk memotong Bab VII berkaitan elaun infrastruktur memandangkan elaun tersebut telah ditamatkan berkuat kuasa 1 Januari 2011.

Empat belas, pindaan-pindaan lain. Rang undang-undang yang dicadangkan ini juga membuat pindaan berbangkit seperti dalam fasal 3, 6, 17, 22, 29, 32, 43, 46, 48. Fasal terakhir iaitu fasal 51 mengandungi peruntukan pengecualian dan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah mengadakan beberapa siri perbincangan secara mendalam dengan kementerian dan jabatan berkaitan dalam usaha untuk memastikan penyediaan Rang Undang-undang Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2014 ini adalah telus serta dipersetujui oleh pihak-pihak berkepentingan. Akta ini adalah untuk menyelaraskan peruntukan di bawah Akta 327 dengan pengumuman insentif-insentif baru pada setiap tahun dan perkembangan dalam aktiviti penarikan pelaburan. Selain itu, pindaan ini juga bertujuan memperkukuh serta memperkemas perundangan agar pelaksanaan dan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih efektif.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Untuk makluman semua pihak Ahli Yang Berhormat dan kementerian, bila menghuraikan itu kalau boleh cuba ringkaskan. Kalau pegawai itu tulis panjang-panjang, Yang Berhormat guna budi bicara untuk meringkaskannya kerana ini melambangkan bahawa rang undang-undang ini telah dibentangkan. Semua Ahli Yang Berhormat mesti baca dan untuk menjimatkan masa, huraikan ringkas sahaja itu memadai. Sekarang tanpa buang masa kita ada enam orang untuk berbahas. Saya minta jangan panjang-panjang sangat. Kalau boleh dalam tempoh 10 minit pun cukup. Kalau ringkas lagi baik. Saya pun hendak tercepat sangat. Menyokong dahulu Yang Berhormat. Sokong dahulu.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk bahas. Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim.

4.53 ptg.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya menyedari bahawa hari ini ialah hari yang akhir dan menghormati rakan-rakan yang berpuasa, jadi saya akan seringkas-ringkasnya dalam ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana mewujudkan rang undang-undang ini yang saya rasakan amat baik kerana ia menggalakkan banyak pelaburan ke negara kita. Saya hanya ingin menyentuh di bawah fasal 19 dalam meminda seksyen 26F dan Akta 327 iaitu memberi insentif pengecualian cukai bagi syarikat yang menubuhkan dan menaikkan makmal pengujian peranti perubatan Malaysia.

Jadi, saya rasa apabila insentif ini diberi oleh kerajaan supaya cukai dikecualikan kepada makmal-makmal peranti perubatan, saya rasa ini amat penting. Ini kerana kalau kita lihat di Malaysia sekarang banyak mempunyai permintaan yang begitu tinggi untuk kita membuat penyelidikan dengan menggunakan makmal-makmal. Apa yang ingin saya sentuh di sini adalah apabila satu kejadian di mana di sebuah hospital swasta di Pulau Pinang di mana apabila kita membuat satu *check up* itu, dengan izin, dia memberitahu bahawa sampel ini perlu dihantar ke Singapura sebab katanya makmal di Malaysia tidak mencukupi. Ada satu kes lagi yang mana penyakitnya *allergic skin*, dengan izin, masalah kulit yang mana sampelnya perlu dihantar sampai ke Amerika Syarikat dan memakan masa sebulan sebelum mendapat keputusan.

Jadi, saya rasa ia memberi satu kesusahan kepada rakyat pada masa yang sama sedangkan kalau kita boleh buat benda itu di negara kita ia lebih mudah, lebih kurang kosnya dan lebih cepat kerana satu kes itu memakan masa sehingga tiga bulan untuk mendapat keputusan untuk dibuat rawatan selanjutnya. Jadi, saya juga ingin bertanya kementerian, sekiranya di hospital-hospital swasta khususnya, apabila dia menghantar sampel keluar negara, kos yang dicaj kepada rakyat adalah agak

tinggi. Jadi, adakah kementerian memantau atau Kementerian Kesihatan yang buat pemantauan dari segi sampel-sampel yang dihantar ke negara luar.

Seterusnya, saya ingin memuji juga dari segi penggalakan pelaburan swasta yang mana dalam Bajet 2008, kerajaan menggalakkan agar pelabur-pelabur asing untuk membuka makmal-makmal mereka di Malaysia. Saya rasa ini amat baik dan kita ada juga dalam akta ini di mana seksyen 21F, 26F dan 29G yang mana pindaan bertujuan memperuntukkan tempoh insentif bagi syarikat menubuhkan atau menaiktarafkan makmal pengujian peranti perubatan sehingga 31 Disember 2012. Cuma saya ingin bertanya kepada kementerian, sejauh manakah kejayaan yang dicapai selepas pengumuman dari Bajet 2008 itu, jumlah makmal yang berjaya dibina dan dinaiktarafkan hasil daripada pelaburan asing itu dan jumlah pelaburan asing yang berjaya dibawa masuk pada tahun 2013 dan dari negara manakah yang paling banyak masuk melabur ke negara kita. Jadi, itu sahaja.

Dengan itu saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua. Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid.

4.57 ptg.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam*.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya cuba membahaskan pindaan rang undang-undang ini secepat penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri [*Ketawa*] Kenapa pula semua orang ketawa?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, silakan.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta MITI supaya mengambil kesempatan menjadikan Malaysia sebagai hab produk halal antarabangsa. Kenapa saya mengatakan demikian kerana, umum maklum dan dunia juga maklum bahawa pensijilan halal oleh Malaysia diiktiraf oleh semua. Banyak negara cuba hendak menggunakan pensijilan halal Malaysia dan seharusnya kita mengambil kesempatan ini.

Tadi pagi dalam Dewan yang mulia ini kita dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa import kita daripada China satu tahun lebih daripada RM203 bilion. Pelaburan pula kita banyak kita buat ke China tapi pelaburan tidak banyak China masuk ke Malaysia. Pertama, elok kita fahamkan takrifan halal. Halal kebanyakan daripada kita, kita memikirkan bahawa ia bersangkutan dengan makanan sahaja sedangkan banyak keluaran lain yang ada sangkut-pautnya dengan halal. Misalnya, kasut. Kalau kulit dalaman itu diperbuat daripada khinzir, maka ia tidak halal.

■1700

Alat dandanan *make up* kalau misal ada organ manusia, maka dia tidak halal dan banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, Malaysia seharusnya mengambil kesempatan ini. Macam mana caranya? Serampang tiga mata, mudah sahaja. Serampang yang pertama ialah MITI patut membuat satu

penyelidikan yang komprehensif, negara-negara mana yang memerlukan produk halal ini. Timur Tengah? Eropah? Masyarakat Muslim antarabangsa malah di China sendiri di Xian.

Kedua, apakah produk-produk halal yang diperlukan. Misalnya daging, alat dandan seperti yang saya sebutkan tadi ataupun ubatan yang melibatkan misalnya kapsul yang mesti halal dan banyak lagi. Setelah dikumpulkan maklumat itu, tinjau pula negara-negara mana yang minat untuk melabur di Malaysia. Kita buat satu usaha sama dengan GLC di Malaysia yang saya merasakan bahawa penting GLC di Malaysia memainkan peranan ini supaya pelaburan masuk ke Malaysia.

China, Jepun, Korea, Indonesia, Hong Kong, saya rasa tentunya sangat berminat. Malah Australia, New Zealand dalam soal membekalkan makanan segar dan daging, tentu juga mereka sangat berminat. Setelah itu harus satu rundingan diadakan bagaimana kita menyediakan kemudahan, kita memberikan pensijilan halal mengikut prosedur-prosedur yang dah kita tetapkan supaya mereka memindahkan industri mereka daripada negara-negara tersebut ke Malaysia.

Kemudian Malaysia menjadi hab produk halal ke seluruh dunia. Bagi daging misalnya, tidak perlu pula kita melakukannya di dalam negara kita. Kita boleh usaha sama dengan mana-mana syarikat di Australia. Mereka terus memelihara ternakan tetapi ada kriteria-kriteria yang tertentu untuk memastikan produk itu halal termasuklah proses sembelihan dan terus dari sana kita eksport ke negara-negara yang kita telah kenal pasti tadi memerlukan produk-produk halal Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita buat sedemikian, nombor satu kita melaksanakan fardu kifayah untuk masyarakat Islam. Kedua, tentunya Malaysia kemudian tersohor kerana telah melakukan sesuatu yang baik untuk bukan sahaja masyarakat Islam tetapi juga masyarakat seluruh dunia. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong pindaan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, orang lama bercakap. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Datuk Lihan Jok.

5.04 ptg.

Datuk Lihan Jok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangkit turut serta untuk menyokong Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2014. Saya akan menyentuh tiga perkara di sini tapi sebelum itu supaya semua faham, Ahli Dewan yang mulia ini faham, kedudukan saya bercakap ini adalah kerana saya melihat rang undang-undang ini adalah sesuatu yang baik yang akan meletakkan negara kita bukan sahaja di persada dunia yang menjadi terkenal akan tetapi membawa kekayaan dan kemakmuran kepada negara kita. Bila mana pelaburan yang banyak dari luar dari dalam itu membuat kita sebuah negara yang makmur melalui *investment* yang baik. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya datang dari kawasan pedalaman. Contohnya di Sarawak dan di Sarawak itu ada kawasan pedalaman lagi.

Bila mana saya merantau dalam ibu negara kita ini dan di tempat-tempat yang lain yang sudah maju, saya melihat bahawa kesan pelaburan yang begitu hebat itu telah membuat masyarakat kita begitu maju sekali kalau banding dengan tempat di mana saya berada. Oleh sebab yang demikian, saya ada tiga perkara. Dalam waktu kita seronok menceritakan tentang pelaburan ini, saya ingin

menarik perhatian Dewan yang mulia ini kekangan, rintihan kita di luar bandar dan cara mana kita melabur supaya kawasan luar bandar itu turut serta merasai kekayaan yang dinikmati melalui pelaburan. Saya ada tiga cara di sini Tuan Yang di-Pertua.

Pertama ialah untuk menarik pelaburan di kawasan luar bandar, kita harus memperhebatkan perkhidmatan awam di sana. Baik daripada segi sekolah, baik daripada segi perkhidmatan kesihatan, baik daripada segi bekalan elektriknya, bekalan airnya dan seterusnya perkhidmatan awam ini harus kita perhebatkan di dalam kawasan luar bandar. Bila mana rakyat di luar bandar menjadi satu rakyat yang berpendidikan, rakyat yang bukan mundur lagi, mungkin pelabur-pelabur ini ataupun kerajaan pun mula minat melihat bahawa bila mana melabur di kawasan luar bandar, dia melaburkan dalam satu masyarakat yang sudah maju.

Ini kerana saya rasa itulah pokok pangkal di mana kita nak melabur, kita melabur dalam satu masyarakat yang sudah maju yang siap sedia. Oleh sebab itu saya melihat rancangan pusat transformasi bandar itu adalah satu langkah untuk membawa perkhidmatan awam untuk membangun rakyat kita dan akhirnya membuat rakyat di luar bandar itu satu kawasan yang menarik untuk pelaburan kerana pelaburan itu tidak minat kepada masyarakat yang tidak maju.

Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, saya merayu kepada kerajaan supaya mencari jalan untuk membuat luar bandar itu salah satu tempat untuk menggalakkan inovasi. Bermaksud, cara hidup lama tetapi diadunkan dengan idea yang baru supaya cara tradisional itu patut diadunkan dengan cara yang baru supaya produk, cara kita mengeluarkan hasil lebih mengikut cara yang moden. Kalau kita lihat di luar bandar, maksud saya di sini tempat-tempat yang dulunya mungkin kawasan yang mundur tetapi mempunyai sekarang potensi yang besar. Contohnya kita lihat petani di kawasan tinggi di luar bandar. Kalau kita lihat satu tempat yang bernama Bario di mana tanaman buah-buahan *tempted*, dengan izin, boleh ditanam. Nanasnya manis.

■1710

Jadi, potensi yang begini, saya mohon kerajaan ambil perhatian dan kawasan yang tinggi ini juga adalah tempat pelancongan. Kita boleh membangunkan, kerajaan tolong membangunkan supaya kawasan di luar bandar boleh menjadi tempat untuk mengolah inovasi yang belum mungkin kita kecapai tetapi kalau kerajaan tolong rakyat di luar bandar untuk membangun hal-hal yang berinovasi maksud saya tadi. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, ada tempat di gunung tinggi, ada *waterfall*. Nama tempat ini Julan Waterfall.

Pada suatu ketika, ada satu bilion *company* cuba membangun di sini hendak membuat kasino. Jadi apa salahnya tempat yang telah ditinggalkan oleh *company* ini, kerajaan bangun lagi untuk mencari inovasi yang lain untuk membangunkan kawasan-kawasan di luar bandar. Jadi tempat yang macam ini juga adalah sesuai untuk hal yang berhubung dengan bioteknologi, biodiversiti atau *research and development*, dengan izin. Jadi inilah maksud saya tadi, perkara yang kedua di mana kerajaan harus mencari kawasan luar bandar ini, tempat kita mencari inovasi supaya ia menarik untuk pelabur-pelabur.

Perkara yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, supaya kawasan luar bandar ini menarik untuk pelaburan iaitu yang saya maksudkan, memperhebatkan hubungan bandar dengan luar bandar. Dengan izin, *the linkages between urban and the interior, the urban and the rural area*, dengan izin. Jadi dalam hal ini, kerajaan memang sudah pun selama ini membina jalan raya menghubungkan luar bandar dan bandar. Contohnya, bandar Miri dengan kampung-kampung pedalaman. Perkara yang sebegini harus diperhebat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila gulung Yang Berhormat.

Datuk Lihan Jok: Oleh sebab yang demikian, sedikit sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab yang demikian, saya sentuh tiga perkara ini tetapi perkara yang ketiga ini tadi, *linkages* ini bukan dalam bentuk jalan raya sahaja, bukan dalam bentuk *telecommunication* sahaja. *Linkages between* cerdik pandai pun. Orang-orang pandai yang di luar bandar, letaklah dia untuk memegang jawatan-jawatan yang penting yang berhubung dengan perkara-perkara yang moden. Contohnya pada petang ini, saya ada satu kawan saya di sini, Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul dari Sabah. Orangnyanya dari pedalaman. Apa salahnya letak dia sebagai Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan dari luar bandar tetapi kerja di sini sebagai *linkages* membawa perubahan di kawasan luar bandar. Ini maksud saya di sini.

Dengan tiga perkara itu tadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dayang Hajah Madinah. Dato', cuba dalam tempoh 10 minit sahaja Yang Berhormat.

5.13 ptg.

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: *Insyaa-Allah* Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2014 amatlah dialu-alukan memandangkan soal ekonomi memerlukan fokus dan tindakan proaktif lebih efisien ke arah usaha mentransformasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi dalam tempoh yang kini semakin singkat. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atas inisiatif melakukan pindaan yang dikira amat penting ini.

Pindaan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 bertujuan melanjutkan tempoh kuat kuasa insentif yang ada, insentif yang sudah tamat tempoh, memperkenalkan insentif-insentif baru serta peruntukan-peruntukan baru untuk memperkemas penguatkuasaan akta amat disambut baik. Langkah-langkah ini perlu dalam usaha kerajaan untuk menarik lebih banyak pelaburan dari kedua-dua sektor iaitu domestik dan antarabangsa. Jika benar ada di kalangan negara ASEAN yang menawarkan insentif-insentif yang menarik kepada pelabur-pelabur asing mereka, saya ingin mengesyorkan agar insentif-insentif mereka iaitu negara-negara ASEAN itu perlu sentiasa kita pantau dan kaji agar negara kita dapat bersaing ataupun memperbaiki insentif-insentif kita untuk pelabur-pelabur asing dari semasa ke semasa dalam

usaha untuk mengekalkan pelaburan-pelaburan yang sedia ada dan juga untuk menarik pelaburan-pelaburan baru.

Bagi kita negeri Sarawak, kita memang bersetuju dan mengalu-alukan Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2014 yang mana tujuan pindaannya yang menyeluruh dapat juga menjamin dan membantu negeri Sarawak yang membuka pintu luas kepada pelabur-pelabur asing dengan industri mega dan berat dari negara-negara maju untuk bertapak di kawasan koridor SCORE di Sarawak.

Seperti yang kita sedia maklum, cuaca yang tidak menentu dengan suhu panas dan bencana alam yang kerap berlaku kini dan juga diramalkan pada masa hadapan di peringkat global, negara kita perlu proaktif dalam menyediakan pelan-pelan alternatif untuk menghadapi fenomena tersebut yang juga boleh menjejaskan ekonomi negara.

Justeru, tujuan pindaan ke arah menggalakkan lagi syarikat mengambil pendekatan ke arah penjimatan tenaga dan juga memajukan lagi teknologi hijau amatlah tepat pada masanya secara sebahagian daripada pakej penggalakan pelaburan pada masa hadapan. Dalam usaha kerajaan menggalak dan memperluaskan lagi bidang bioteknologi dengan adanya hasil sumber semula jadi yang kaya dari dalam negara kita untuk dihasilkan, maka usaha kerajaan menggalakkan pelabur swasta melabur dalam makmal ujian peranti perubatan bertaraf antarabangsa dengan memberi insentif pengecualian cukai amatlah disambut baik. Bidang bioteknologi memberi pendapatan lumayan yang boleh membantu untuk menjana ekonomi negara.

Dengan memperkenalkan takrif syarikat sebagai peruntukan baharu untuk memastikan hanya syarikat yang ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 layak untuk menikmati insentif-insentif di bawah rang undang-undang ini, ia menjadi pemangkin ke arah mempertingkatkan bilangan syarikat khususnya kepunyaan anak-anak tempatan dan juga memperluas serta mempelbagaikan lagi skop perniagaan mereka apatah lagi mengadakan *networking*, dengan izin, dengan pelabur-pelabur asing.

Kita berharap agar penguatkuasaan pelbagai insentif dan peruntukan rang undang-undang ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, gulung Yang Berhormat.

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: ...Yang diperkenalkan akan dilaksanakan dengan lebih berkesan dan jayanya. Sedikit lagi. Selain itu *delivery system* dengan izin, yang sedia ada kita perlu mempertingkatkan dari semasa ke semasa. Dengan itu, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar.

■1720

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini adalah ucapan saya yang terakhir sebagai Senator. Jadi saya sangat gembira apabila diberi peluang. Saya cuba dalam masa yang pendek saja, 10 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh panjang Yang Berhormat. Selalu boleh panjang.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya faham.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tan Sri Abu Zahar, Tuan Yang di-Pertua yang bijak, Dato' Seri Shahidan, Menteri kesayangan kita. Terima kasih banyak-banyak. Salah silap, maaf dipinta, boleh. Tepuklah sikit... [*Tepuk*]

Pulau Pandang jauh ke tengah;

Gunung Daik bercabang tiga;

Hancur badan dikandung tanah;

Budi yang baik di kenang juga.

Pisang emas di bawa belayar;

Masak sebiji di atas peti;

Hutang emas boleh dibayar;

Hutang budi tuan-tuan di bawa mati.

Kalau ada sumur di ladang;

Boleh saya menumpang mandi;

Kalau ada umur yang panjang;

*Boleh kita berjumpa lagi... [*Tepuk*]*

Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh. Silakan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: [*Ketawa*] Saya tidak tahu hendak cakap apa tapi akta ini saya sokong 100% penuh tapi saya hendak sentuh sikit pertama kita hendakkan pelabur datang sini, betul tetapi pelabur itu datang sini kena tabur betul-betul. Jangan sayang bertempat-tempat, kasih berkelompok-kelompok, tidak aci. Yang acinya tabur betul-betul. Bila pelabur datang sini, kena hantar Sabah dan Sarawak juga. Jangan Kuala Lumpur, Kuala Lumpur, Johor Baru, Johor Baru, Penang, Penang saja, tidak aci. Kedua kena tabur untuk Malaysia Timur dan Malaysia Barat. Keempat, tabur juga...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Masa 30 second saja.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ya, 1 second?

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Tak, 30 second.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Jangan lupa Kelantan ya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Jangan lupa Kelantan dan Terengganu. Jadi kedua, ketiga jangan lupa luar bandar dan dalam bandar. Poin saya yang kedua pekerjaan. Jangan pelabur datang, pekerjaanya semua Bangladesh, Indonesia, Sri Lanka, Afrika, Myanmar, Burma, Filipina saja. Kena jadikan syarat wajib iaitu sekurang-kurangnya 70 % ialah orang-orang Malaysia, setuju. Tepuklah sikit... [*Tepuk*]

Keempat pembinaan teknologi. Datang sini melabur, setahun, dua tahun, lima tahun, sepuluh tahun, teknologi tidak pindah-pindah. Jadi saya syorkan pindahan teknologi tetap jadi syarat untuk kita mendapatkan teknologi baru. Kelima saya syorkan Malaysia jadi hab halal produk-produk perubatan dan lain-lain makanan untuk pertama Asia Tenggara. Kedua Asia. Kalau mampu lagi, kalau cekap lagi, kalau boleh jalan lagi, hatta dunia. Saya juga hendak syorkan, hendak tanya apakah galakan yang dikenakan penilaian oleh MITI terhadap semua galakan-galakan ataupun insentif yang telah dibuat oleh negara kepada semua pelabur-pelabur selama ini. Adakah satu penilaian telah dibuat berbanding dengan negara-negara maju seperti Singapura dan dalam konteks Asia Tenggara. Mereka ada juga galakan.

Tapi adakah MITI telah membuat perbandingan. Kalau tidak kena buat. Itu syor terakhir saya. Saya juga hendak tanya apakah bentuk pelaburan yang diperlukan oleh negara. Jenis-jenis yang utama. Jenis-jenis yang ada kelas untuk ambang negara maju tahun 2020 sesuai dengan negara berpendapatan tinggi. Saya juga hendak tanya apakah melihat jangka masa 10-20 tahun lagi, adakah negara kita terus menerus bergantung kepada pelabur-pelabur asing. Akhirnya itu saja hendak tanya dan minta mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya juga hendak rakamkan setinggi-tinggi tahniah, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang bijak laksana, yang cekap, rajin, bertanggungjawab dan berdisiplin sekali. Tahniah, syabas... [Tepuk]

Juga kepada Timbalan Yang di-Pertua yang kelihatan rajin dan juga kecil molek, bertanggungjawab dan juga kepada para-para rakan senator yang amat baik, yang amat berwibawa. Kalau ada salah silap saya mohon maaf. Harapan saya Dewan ini menjadikan satu Dewan yang baik, yang disegani, yang ada imej, yang ada mutu. Saya percaya di bawah bimbingan Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua dan disertai oleh semua rakan-rakan yang berpengalaman, kelayakan luar negara bisa menjadi satu Dewan yang mulia dan menjana hasil faedah kepada rakyat, bangsa, agama dan negara. Tahniah Dewan, terima kasih, jumpa lagi. Bye-bye... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Ada *bye-bye* pula Yang Berhormat ya. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus.

5.27 ptg.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sewaktu MITI mengadakan *briefing* tentang akta ini di Dewan Bankuet sana kira-kira empat minggu lalu, Yang Berhormat Timbalan Menteri minta saya mengulang kembali apa yang saya tanyakan atau apa yang saya suarakan dalam *briefing* itu dan itulah yang sebenarnya yang menjadi inti pati ucapan saya pada petang ini. Saya berharap supaya pelabur asing yang hendak beroperasi di negara ini menghormati dasar-dasar kebangsaan kita seluruhnya. Ertinya bukan saja menghormati dasar-dasar kebangsaan dalam mematuhi undang-undang yang sedia ada tetapi juga memastikan supaya pekerja-pekerja mereka yang dibawa terutama yang dibawa daripada negara-negara asing itu mengetahui setidak-tidaknya Bahasa Melayu komunikasi. Bahasa Melayu yang mudah.

Sangatlah memalukan rasanya apabila di tempat-tempat awam seperti di pasar-pasar, di super-super market, di hotel-hotel, pekerja-pekerja asing yang dibawa, saya percaya oleh pelabur-pelabur ini tidak pandai berbahasa Melayu. Jadi saya harap supaya pelabur-pelabur itu menghormati dasar-dasar kebangsaan. Sebagai satu contoh Tuan Yang di-Pertua, syarikat, rasa-rasa tidak apa saya sebut namanya. Syarikat IKEA di Damansara. Semua *signagenya* dibuat dalam dua bahasa dan Bahasa Melayu diutamakan. Kenapa umpamanya syarikat-syarikat yang lain tidak dapat mencontohi apa yang dilakukan IKEA ini.

■1730

Jadi inilah salah satu contoh bagaimana syarikat-syarikat asing itu menghormati dasar kebangsaan kita. Selain dari itu, yang patut juga diutamakan ialah supaya seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman tadi, tenaga kerja tempatan diberi keutamaan dan diberikan pekerjaan di syarikat-syarikat yang melabur di sini. Ertinya di samping memberikan pekerjaan seperti biasa, maka syarikat juga saya rasa bertanggungjawab untuk memberikan latihan-latihan sama ada latihan-latihan yang ada kena mengena dengan pembentukan sikap atau meningkatkan kemahiran.

Dengan demikian, kita harus juga menyedari bahawa syarikat-syarikat yang hendak beroperasi di sini melakukan *transfer of technology* itu secara berkesan, bukan dengan sambil lewa sahaja. Selain daripada itu, saya mencadangkan kementerian atau kerajaan mengadakan kajian yang menyeluruh dari segala aspek terhadap penanaman modal asing di negara ini. Sejauh mana beliau benar-benar menguntungkan atau yang lebih beruntung adalah mereka, sedangkan kita hanya dapat kerak-keraknya sahaja.

Jadi itulah harapan saya Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman kata cukuplah, memang akan cukup setakat ini. Apa yang utama ialah supaya syarikat-syarikat asing yang menanam modal di sini beroperasi mengikut dasar kebangsaan kita. Bukan sahaja mengikut, tetapi menghormati dan turut membantu kita melaksanakan dasar kebangsaan itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat menjawab, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.32 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Insyaa-Allah* saya tidak akan mengambil masa melebihi 10 minit [*Ketawa*] Terima kasih kepada enam Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan rang undang-undang ini terutama Yang Berhormat Senator Puan Norliza Abdul Rahim, Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid, Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok, Yang Berhormat Senator Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah yang telah pun membayar hutang tadi.

MITI menyambut baik setiap teguran, cadangan, komen-komen, ulasan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam menambah baik lagi Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan ini yang bersifat *moderate* dalam memenuhi keperluan negara mengikut masa dan keadaan. Matlamat kita sama iaitu untuk mewujudkan suasana atau iklim pelaburan yang selesa dan kondusif, merangsang ekonomi negara serta mewujudkan suasana atau kualiti hidup yang terbaik sebagaimana yang digariskan di dalam NKEA seperti dalam GTP atau *Government Transformation Plan* yang merupakan resipi kepada kemajuan negara menjelang tahun 2020 iaitu negara maju. Ini bertepatan dengan *maqasid syariah* yang berteraskan kemakmuran negara berteraskan kepada menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga maruah dan keturunan dan banyak yang disebutkan tadi menjaga harta.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, nampaknya semua menyokong perkara pokok iaitu pindaan kepada rang undang-undang ini. Tidak ada pertanyaan atau pertikaian terhadap pindaan tersebut. Justeru, perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat seperti industri halal, meningkatkan industri halal negara, meningkatkan eksport produk halal dan sebagainya, meningkatkan industri perkhidmatan, meningkatkan industri di luar bandar termasuk yang ada hubung kait dengan bioteknologi, inovasi dan sebagainya.

Termasuk tadi disebut supaya kita sentiasa *moderate* ke atas insentif-insentif yang berkaitan supaya kita dapat membawa lebih ramai pelabur dan dapat kita bersaing dengan pelaburan di negara-negara lain, termasuk berkaitan dengan teknologi hijau, bioteknologi pelaburan dan tadi disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman Bakar menyebut tentang perlunya pelabur asing ini menghormati semua dasar negara khusus berkaitan dengan bahasa dan budaya.

Sudah tentu kami mengalu-alukan dan akan mempertimbangkan dengan serius oleh MITI dan menjadi rujukan dalam menambah baik Akta Penggalakan Pelaburan. Pada masa yang sama, memacukan pelaburan di negara Malaysia ini yang tercinta ini. Jadi kami akan sentiasa berpegang pada prinsip tersebut. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan sesungguhnya semua cadangan itu amat berharga bagi kami. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 51 diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Selesailah sudah Ahli Yang Berhormat Majlis kita yang bermula pada mulai 23 hari bulan Jun sehingga hari ini dan saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dan juga semua Menteri-Menteri kementerian-kementerian, Timbalan Menteri dan semua pekerja, Bentara dan sebagainya di atas segala kerjasama yang telah diberi yang terdapat untuk menyelesaikan tanggungjawab kita dalam persidangan Parlimen Ketiga Belas, Penggal Kedua dan Mesyuarat Kedua pada sekarang ini. Dewan telah meluluskan sebanyak 6 rang undang-undang dengan selamat dan baik. Saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah mengambil bahagian.

Seterusnya saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat kita yang tidak akan bersama kita dalam sesi yang akan datang. Pada hari ini di dalam Dewan hanya ada dua orang sahaja berada. Pertama, tidak lain dan tidak bukan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar kita... *[Tepuk]* Juga kepada Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop... *[Tepuk]*

Kepada kedua-dua orang ini, saya ingin mengambil kesempatan bahawa mereka kedua ini betul-betul telah beri sumbangan yang cukup baik. Semasa saya empat tahun di kerusi ini, saya dapati kedua ini dalam mana-mana persidangan daripada mula sampai akhir, dia akan tetap berada bersama-sama sehingga akhir setiap sesi persidangan... *[Tepuk]* Saya harap Ahli Yang Berhormat yang lain ikutlah perangai macam itu.

Seterusnya saya mengambil kesempatan juga selamat berpuasa di bulan Ramadhan Al-Mubarak ini dan juga seterusnya kita akan merayakan Hari Raya Aidilfitri. Saya ingin mengambil kesempatan selamat berpuasa dan juga selamat menyambut hari raya. Akhir sekali sebelum Yang Berhormat semua balik, saya ingin mendoakan selamat kembali ke pangkuan keluarga di kawasan masing-masing dan kita *insya-Allah* akan berjumpa semula di dalam persidangan yang akan datang.

Sekian, *wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Majlis ditangguhkan sehingga tarikh yang tidak ditetapkan sehingga satu tarikh yang diberi maklum. Sekian, terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.41 petang.]